

DASAR WANITA NEGARA

dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita
2025-2030

**Memartabat Wanita
Memperkuuh Negara**

ISBN 978-629-95689-0-2



A standard 1D barcode representing the ISBN number 978-629-95689-0-2.

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Wanita
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 25, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 Putrajaya
Malaysia.

www.jpw.gov.my
E: dwn@jpw.gov.my
T: +603-8323 1523

Dicetak pada 11 Mac 2025.
Maklumat dan data dikemaskini sehingga 10 Mac 2025.

Hak Cipta Terpelihara ©
Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, di simpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Jabatan Pembangunan Wanita, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Malaysia.

Direka bentuk dan dicetak oleh:

Tukang Buku, Akademi Jawi Malaysia Sdn Bhd
www.tukangbuku.com
E: ibu.pejabat@tukangbuku.com
T: +603-8928 9899

Isi Kandungan

Perutusan YAB Perdana Menteri Malaysia	iv
Prakata YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat.....	v
Akronim	vi

Bab 1: Pendahuluan

Sejarah Pemerkaan Wanita Malaysia.....	2
Latar Belakang Dasar Wanita Negara	6
Kepentingan Dasar Wanita Negara	6
Rasional Semakan Semula	11
Impak Pelaksanaan Dasar Wanita Negara	13
Kesaksamaan Gender Konteks Malaysia	14

Bab 2: Dasar Wanita Negara Tahun 2025-2030

Pencapaian Dasar Wanita Negara Tahun 2009	18
Isu dan Cabaran Dasar Wanita Negara	20
Dasar Wanita Negara Tahun 2025-2030	24
Bidang Keutamaan Ekonomi	30
Bidang Keutamaan Kepimpinan	42
Bidang Keutamaan: Keselamatan	54
Bidang Keutamaan: Kesejahteraan	64
Pemacu Perubahan	74
12 Pemacu Perubahan	75
Pemboleh Daya	76
Mekanisme Pemantauan dan Penilaian	77

Bab 3: Pelan Tindakan Pembangunan Wanita

Strategi Baharu	80
Program dan Aktiviti: Ekonomi	84
Program dan Aktiviti: Kepimpinan	94
Program dan Aktiviti: Keselamatan	100
Program dan Aktiviti: Kesejahteraan	108

Lampiran

Lampiran 1: Kronologi Gerak Kerja Semakan Semula	120
Lampiran 2: Perincian isu wanita di dalam Setiap Rancangan Malaysia Lima Tahun	124
Lampiran 3: Senarai Kementerian dan Agensi beserta Dasar, Pelan Tindakan dan Kertas Dasar yang Diperkenalkan.....	130
Lampiran 4: Analisis isu ketiadaan data untuk pelaporan SDGs berdasarkan Laporan ASEAN Gender Outlook tahun 2024.....	132
Lampiran 5: Calon Wanita Mengikut Parti bagi Pilihanraya Umum ke-15	139
Glosari	140
Rujukan	141



Perutusan

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia

Assalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh



Syukur Alhamdulillah ke hadrat Illahi yang telah melimpahkan taufik, rahmat serta hidayah-Nya untuk merealisasikan pembangunan semula Dasar Wanita Negara (DWN) dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW) 2025-2030.

Dasar Wanita Negara ini merupakan dasar ketiga dirangka khusus bagi memperkasa kaum hawa di Malaysia. Kebijakan ini antara lain adalah bukti kukuh Kerajaan MADANI untuk terus melindungi dan diangkat darjatnya, mengiktiraf dan memperkuuh peranan wanita agar terus dihormati, diraikan, serta diiktiraf di pelbagai bidang sehingga ke persada antarabangsa. Justeru, adalah

terpenting untuk dijalankan semakan semula dan usaha pembaharuan dasar bagi memastikan dasar ini kekal relevan dalam menangani tantangan serta isu semasa yang mempengaruhi tahap kesejahteraan kaum wanita.

Berpaksikan naratif baharu yang menekankan kesinambungan sejarah dan pemerkasaan wanita dalam konteks sosiobudaya di Malaysia, saya amat berharap kepentingan DWN dan PTPW tahun 2025-2030 dapat digarap dan dihayati oleh seluruh rakyat dan seterusnya mendorong segala kekuatan pelbagai komponen Kerajaan, pihak swasta dan kesemua badan berkepentingan sosial untuk mendukung dan menjayakan DWN dan PTPW tahun 2025-2030.

DWN dan PTPW 2025-2030 mesti terus menjadi instrumen penting negara dalam usaha memartabat dan memperkasa wanita, sejajar dengan aspirasi pembangunan masyarakat bertamadun di bawah Kerajaan MADANI.

Walhasil, dengan kerjasama erat serta komitmen padu semua pihak, pelaksanaan dasar ini bukan sahaja akan memberi manfaat kepada wanita, tetapi juga memperkuuh kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang diyakini serta dihormati dalam memperjuang hak asasi dan keadilan sosial untuk semua lapisan masyarakat.

Tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat terutamanya Jabatan Pembangunan Wanita, agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, serta kementerian, jabatan, agensi dan pertubuhan bukan kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri yang telah terlibat sama dalam memberikan kerjasama, input serta pandangan sehingga dasar ini dapat diberi nafas baharu.

Justeru, mari bersama mendukung dasar ini demi mencapai matlamat:

“Memartabat Wanita, Memperkuuh Negara!”

ANWAR IBRAHIM
Perdana Menteri Malaysia

Prakata

Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat

Bismillahirrahmannirrahim
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Sejahtera,

Mengimbang perjalanan sejarah, Dasar Wanita Negara (DWN) yang pertama telah digubal pada tahun 1989 dan disemak semula pada tahun 2009 dengan pengenalan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita.

Kini, setelah 15 tahun berlalu, dasar ini diberi nafas baharu sebagai Dasar Wanita Negara 2025-2030, seiring dengan pembaharuan Dasar Sosial Negara 2030 dan keperluan menangani cabaran serta isu semasa berkaitan wanita.

Penjenamaan semula dasar ini mencerminkan kesungguhan Kerajaan untuk terus memartabat dan mengiktiraf kepentingan peranan wanita dalam pelbagai aspek.

Berpaksikan tema "Memartabat Wanita, Memperkujuh Negara", Kerajaan akan teruskan usaha untuk memastikan setiap wanita di Malaysia mendapat peluang yang adil dan saksama dalam pendidikan, ekonomi, kepimpinan dan kehidupan sosial. Ini bukan sekadar aspirasi, tetapi satu tekad yang akan direalisasikan melalui dasar-dasar progresif dan pelaksanaan yang menyeluruh.

Saya juga percaya, pelaksanaan DWN 2025-2030 akan memperkujuhkan imej Malaysia sebagai negara yang progresif dalam memperjuangkan hak wanita, mempromosi diplomasi gender dan memperkujuh wanita sebagai penyumbang ekonomi. Dasar ini akan menjadi pemangkin kepada penambahbaikan kedudukan negara dalam pelaporan antarabangsa seperti *Sustainable Development Goals (SDGs)*, *Global Gender Gap Index (GGGI)* dan *World Competitiveness Report (WCR)*. Pendekatan negara yang lebih mesra wanita juga bakal memperkujuh imej Malaysia sebagai sebuah negara yang inklusif sekaligus membantu menarik lebih banyak pelaburan dan kerjasama antarabangsa.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam usaha mengemas kini dan memperkujuh dasar ini. Pendekatan keseluruhan negara (*whole of nation approach*) telah diterapkan melalui penglibatan pelbagai pihak, termasuk jentera dan agensi kerajaan, kerajaan negeri, akademia, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), serta masyarakat civil.

Sekalung tahniah dan penghargaan juga diberikan kepada Jabatan Pembangunan Wanita sebagai agensi yang menerajui usaha pembangunan semula Dasar Wanita Negara dan berjaya melaksanakan gerak kerja penyelidikan serta penulisan secara *in-house*.

Saya yakin bahawa Dasar Wanita Negara 2025-2030 akan terus menjadi landasan kukuh dalam memperjuangkan hak dan kepentingan wanita di Malaysia.

**"Memartabat Wanita,
Memperkujuh
Negara."**

NANCY SHUKRI
Menteri
Pembangunan
Wanita, Keluarga
dan Masyarakat
Malaysia






Akronim

Singkatan	Nama Penuh	Singkatan	Nama Penuh
AGC	Jabatan Peguam Negara	JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia	JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
AKPK	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit	JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan
APM	Angkatan Pertahanan Malaysia	JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
APMM	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia	JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
BNM	Bank Negara Malaysia	JPP & KK	Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti
BPKLP	Bahagian Pengurusan Kualiti Latihan dan Pendidikan	JBPM	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
CSO	Pertubuhan Masyarakat Sivil	JPT	Jabatan Pendidikan Tinggi
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia	JTKSM	Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
DOA	Jabatan Pertanian Malaysia	KBS	Kementerian Belia dan Sukan
DOF	Jabatan Perikanan Malaysia	KDN	Kementerian Dalam Negeri
FINAS	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia	KE	Kementerian Ekonomi
HRD Corp	<i>Human Resources Development Corporation</i>	KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
ICU	Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri	KEMENTAH	Kementerian Pertahanan
IDFR	Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri	KK	Kementerian Komunikasi
ILKAP	Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan	KKDW	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
INSKEN	Institut Keusahawanan Negara	KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara	KKR	Kementerian Kerja Raya
IPSOM	Institut Keselamatan Awam Manusia	KLN	Kementerian Luar Negeri
ISM	Institut Sosial Malaysia	KPKM	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli	KPN	Kementerian Perpaduan Negara
JBG	Jabatan Bantuan Guaman	KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
JHEWA	Jabatan Hal Ehwal Wanita Negeri Sabah	KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
JIM	Jabatan Imigresen Malaysia	KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat	KPDN	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
JKSM	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia	LPP	Lembaga Pertubuhan Peladang
JKKP	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan		
JKT	Jabatan Kerajaan Tempatan		



Singkatan	Nama Penuh	Singkatan	Nama Penuh
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara	SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
MARA	Majlis Amanah Rakyat	SME CORP	Perbadanan Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia
MATRADE	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia	SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
MCMC	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia	TAGS	Tribunal bagi Antigangguan Seksual
MCBA	Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia	TalentCorp	Talent Corporation Malaysia Berhad
MDEC	Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia	TEKUN	Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga
MITI	Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri	TVET	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional
MOF	Kementerian Kewangan Malaysia	UDA Holdings	UDA Holdings Berhad
MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	YIM	Yayasan Inovasi Malaysia
MOT	Kementerian Pengangkutan	YKN	Yayasan Kebajikan Negara
MOTAC	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya		
MPC	Perbadanan Produktiviti Malaysia		
MKN	Majlis Keselamatan Negara		
NACSA	<i>National Cyber Security Agency</i>		
NRES	Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam		
NSO MAPO	Pejabat Strategik Nasional, Majlis Antipemerdagangan Orang		
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan		
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan		
PDRM	Polis Diraja Malaysia		
PEKB	Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar		
PENJARA	Jabatan Penjara Malaysia		
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial		
PERNAS	Perbadanan Nasional Berhad		
PGSM	Persatuan Guaman Syariah Malaysia		
PKPMP	Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan		
RELA	Jabatan Sukarelawan Malaysia		





Bab 1

Pendahuluan

Sejarah Pemerkaaan Wanita Malaysia

Impak Gerakan Wanita Zaman Pramerdeka

Pergerakan wanita didefinisikan sebagai segala usaha dan kumpulan yang mengusahakan apa-apa juga demi kepentingan wanita, sama ada bagi melindungi wanita, mempertingkat martabat wanita atau membela nasib wanita. Gerakan pemerkaaan wanita telah bermula sejak zaman pramerdeka, iaitu dengan wujudnya pergerakan dan pertubuhan wanita yang berpaksikan kesedaran baharu, semangat altruisme serta pengaruh semangat kebangsaan.¹

Bermula pada tahun 1929, Persatuan Guru-guru Perempuan Johor (PGPJ) atau *Malay Women Teachers Union* (MWTU) memainkan peranan penting bagi memperjuangkan keperluan pendidikan kepada anak perempuan. Susulan perjuangan tersebut, jumlah sekolah dan bilangan pelajar perempuan di seluruh Negeri-Negeri Selat, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu berjaya meningkat dan berkembang. Selain itu, perjuangan MWTU juga berjaya memberikan impak kepada penambahbaikan sukanan pelajaran dan penubuhan maktab khas untuk pelajar perempuan, iaitu Maktab Perempuan Melayu Melaka atau *Malay Women Teachers' College* (MWTC) di Melaka pada tahun 1943.²



Ibu Zain

Agenda pemerkaaan wanita juga turut disokong oleh tokoh guru dan sastera wanita terkenal di Tanah Melayu, iaitu Ibu Zain melalui penerbitan Majalah Bulan Melayu pada tahun 1930. Majalah ini diterbitkan untuk mewakili suara wanita di Tanah Melayu bagi mengubah persepsi masyarakat terhadap kepentingan pendidikan kepada wanita. Berbeza dengan gerakan feminism yang diperjuangkan oleh wanita Barat, gerakan pemerkaaan wanita di Malaysia lebih menumpukan peranan wanita sebagai ejen perubahan, kebajikan dan pembinaan masyarakat.

Budaya, tradisi dan akar umbi juga memainkan peranan utama bagi membentuk kesedaran wanita untuk turut serta dalam pembangunan negara. Di samping itu, ramai juga kaum lelaki pada zaman awal kemerdekaan memperjuangkan isu pemerkaaan wanita kerana mereka sedar bahawa isu diskriminasi terhadap wanita boleh memberikan pengaruh besar terhadap perkembangan kehidupan adik, saudara atau rakan perempuan mereka.

Memasuki era penjajahan Jepun, perkembangan gerakan wanita terbatas akibat kawalan ketat pihak Jepun terhadap organisasi tempatan. Ketika itu, organisasi wanita khusus yang ditubuhkan adalah Kor Perkhidmatan Sukarela Wanita Melayu pada tahun 1944.

¹ Nik Safiah Karim dan Rokah Talib, (2016). "Pergerakan Wanita dalam Memperjuangkan Hak". Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Malaysia.

² *ibid.*



Gerakan wanita seterusnya didominasi oleh gerakan nasionalis seperti Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dalam Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan Kaum Ibu di bawah *United Malays National Organisation* (UMNO) bagi etnik Melayu; sayap wanita dalam *Malayan Chinese Association* (MCA); dan sayap wanita dalam *Malayan Indian Congress* (MIC) bagi etnik India. Ini membuktikan penglibatan wanita dalam politik dan kemasyarakatan telah bermula sejak zaman pra kemerdekaan.

Dalam mencapai kemerdekaan, kaum Ibu UMNO turut memainkan peranan penting dalam usaha memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu dengan menyumbang dana kepada delegasi rundingan kemerdekaan.

Usaha pemerkasaan wanita diteruskan dengan giat sehingga pengisytiharan Hari Wanita pada 25 Ogos 1962. Menurut Almarhum Tunku Abdul Rahman, pemilihan tarikh 25 Ogos adalah simbolik kepada "Kita raikan wanita sebelum kita raikan merdeka".


Penginstitusian HAWA

Penginstitusian usaha pemerkasaan wanita pada peringkat Kerajaan Persekutuan bermula pada tahun 1976, iaitu menerusi penubuhan Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID) di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Fungsi NACIWID kemudiannya dipindahkan ke Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Sosial. Ahli Majlis NACIWID adalah dalam kalangan tokoh wanita dan lelaki yang dilantik oleh YAB Perdana Menteri bagi tempoh tiga tahun. Selain berperanan sebagai badan penasihat kepada Kerajaan, NACIWID juga bertindak sebagai wakil Malaysia untuk persidangan antarabangsa kerana tiada jabatan khusus bagi menangani isu hal ehwal wanita pada waktunya.³

Pada tahun 1983, Urusetia Hal Ehwal Wanita, Jabatan Perdana Menteri atau HAWA diwujudkan bagi membantu hal ehwal pengurusan NACIWID. Pada 26 Ogos 1985, Mesyuarat Jemaah Menteri bersetuju supaya peranan HAWA terus diperkuuh dan dijenamakan kepada Bahagian Hal Ehwal Wanita dengan akronim yang sama. Bagi membantu HAWA menyelaraskan strategi, inisiatif dan program yang berkaitan dengan pemerkasaan wanita di semua kementerian dan agensi pusat, Kerajaan juga telah melantik Pegawai Perhubungan serta menubuhkan Jawatankuasa Perunding Wanita dalam Pembangunan pada tahun 1985. HAWA bersama-sama dengan *National Council of Women's Organisations Malaysia* (NCWO) dan NGO wanita lain telah menggubal DWN yang pertama pada tahun 1989. Kandungan DWN dipengaruhi oleh tuntutan semasa isu masyarakat dan perkembangan isu wanita pada peringkat antarabangsa seperti di **Paparan 1**.

HAWA bersama-sama dengan NACIWID dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Sosial pada 27 Oktober 1990. Selain berperanan sebagai urus setia NACIWID, HAWA juga bertanggungjawab menyelaraskan penyediaan kertas cadangan projek yang berkaitan dengan isu pemerkasaan wanita di bawah agensi Kerajaan lain, menjadi sumber rujukan data berkaitan wanita dan penganjuran forum dengan kerjasama strategik NGO.

Pada 29 Januari 1997, Mesyuarat Jemaah Menteri memutuskan supaya HAWA dinaik taraf sekali lagi kepada sebuah jabatan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mulai 1 Julai 1997. Selepas Pilihan Raya Umum dan rombakan Kabinet pada tahun 1999, Jabatan Hal Ehwal Wanita telah diletakkan semula di bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri.



³ Azizan Zainuddin dan Kartini Aboo Talib @ Khalid, (2021). "Dasar Wanita Negara - Mengarusperdanakan Gender Dalam Sektor Politik & Pekerjaan". Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Malaysia.



Penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Kementerian Hal Ehwal Wanita diwujudkan pada 17 Januari 2001 dan setelah fungsinya diperluas, Kementerian ini ditukarkan namanya kepada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWK) mulai 15 Februari 2001.⁴ HAWA juga kemudiannya distrukturkan semula dan dijenamakan sebagai Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) mulai 1 Julai 2001.

Penubuhan KPWK ialah manifestasi pelaksanaan iltizam negara yang dibuat semasa Persidangan Sedunia Keempat Wanita di Beijing pada tahun 1995 seperti yang terkandung dalam Pelan Tindakan Beijing bagi memperkasakan wanita menjelang tahun 2000, iaitu:

“Pewujudan sebuah Kementerian yang lengkap menggambarkan komitmen Kerajaan yang tinggi untuk meningkatkan martabat wanita di negara ini”

Pada 27 Mac 2004, fungsi Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dibubarkan dan dipindahkan ke KPWK selaras dengan perwartaan Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969, Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) 2004. Lanjutan itu, KPWK ditukarkan namanya menjadi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK). Isu pemerkasaan dan kesejahteraan wanita terus digiatkan oleh KPWK menerusi peranan aktif yang dimainkan oleh enam agensi utama Kementerian, iaitu JPW, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Institut Sosial Malaysia (ISM), Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dan Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM).


Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (*Non-Aligned Movement - NAM*) memberikan mandat kepada KPWK untuk menubuhkan Institut Pengupayaan Wanita bagi Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (*NAM Institute for the Empowerment of Women Malaysia - NIEW*) pada 1 Julai 2006. Institut ini berperanan untuk melaksanakan latihan pengupayaan kepada wanita dalam kalangan anggota-anggota NAM.

Berdasarkan Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 juga, JPW diberikan fungsi untuk menyelaraskan, memantau dan menilai program yang berkaitan dengan pembangunan kapasiti, kaunseling dan khidmat bantuan nasihat untuk wanita. Pada tahun 2014, fungsi JPW diperluas selaras dengan perwartaan Warta Kerajaan Persekutuan Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) 2013, iaitu kepada melaksanakan program pembangunan kapasiti, khidmat kaunseling dan nasihat sokongan bagi wanita serta menyelaraskan, memantau dan menilai program berkenaan. Di bawah Pelan Rasionalisasi Kerajaan pada tahun 2019, NIEW kemudiannya dibubarkan dan fungsinya diserapkan di bawah JPW berkuat kuasa 1 Oktober 2019.

Kini, selaras dengan keperluan cabaran semasa dan kehendak pihak berkepentingan, JPW turut diberikan tanggungjawab sebagai penggubal Dasar Wanita Negara (DWN) dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW) yang baharu.

17 Januari 2001	Kementerian Hal Ehwal Wanita
15 Februari 2001	Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga
17 Mac 2004	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK)
1 Julai 2006	KPWK menubuhkan Institut Pengupayaan Wanita bagi Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NIEW)
1 Oktober 2019	NIEW dibubarkan dan diserapkan di bawah Jabatan Pembangunan Wanita

⁴ Laman Portal Rasmi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat - “*Latar Belakang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*”



Sumber: Diinspirasikan daripada Buku Dasar Wanita Negara: Mengarusperdanakan Gender dalam Sektor Politik dan Pekerjaan

Paparan 1: Perkembangan Isu Wanita di Peringkat Antarabangsa



Latar Belakang Dasar Wanita Negara

Dasar Wanita Negara (DWN) yang pertama digubal pada tahun 1989. Selaras dengan pengenalan dasar ini, isu wanita mula diberikan tumpuan khusus di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun, bermula dengan Rancangan Malaysia Keenam (RMKe-6), iaitu bagi tahun 1991 hingga tahun 1995. Di bawah RMKe-6, satu bab telah diwujudkan khusus untuk isu wanita, iaitu "Wanita dalam Pembangunan".

DWN seterusnya disemak semula pada tahun 2009 dan ditambah baik dengan pengenalan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW). Setelah usia DWN menjangkau 15 tahun, pelbagai pencapaian berkaitan wanita direkodkan. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa cabaran sedia ada yang kekal sukar untuk ditangani seperti penglibatan wanita dalam ekonomi yang tidak selari dengan peningkatan tahap pendidikan wanita dan penglibatan rendah wanita sebagai pembuat keputusan. Tambahan pula, isu keganasan seksual dan rumah tangga masih berada pada tahap yang membimbangkan.


Kepentingan Dasar Wanita Negara

Terdapat empat faktor utama yang menjadi asas kepada pembangunan Dasar Wanita Negara, iaitu demografi, kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh, sumbangan wanita kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan sasaran 30 peratus wanita sebagai pembuat keputusan khususnya dalam bidang politik.

Dari segi faktor demografi, statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi tahun 2024 menunjukkan nisbah jantina yang terkini adalah 111 lelaki bagi setiap 100 perempuan manakala daripada 34 juta penduduk Malaysia, seramai 16.17 juta atau 47.5 peratus adalah wanita. Daripada jumlah tersebut, perempuan yang berumur 0 hingga 17 tahun adalah sebanyak 4.42 juta (27.4 peratus), 18 hingga 59 tahun adalah sebanyak 9.73 juta (60.2 peratus) manakala kategori umur 60 tahun dan ke atas sebanyak 2.01 juta (12.4 peratus).

Berdasarkan data daripada DOSM, purata jangka hayat wanita pada tahun 2024 adalah lebih tinggi, iaitu 77.8 tahun berbanding lelaki, iaitu 73 tahun. Dalam tempoh tersebut, umur reproduktif wanita adalah antara 15 hingga 49 tahun.


Seperti di **Paparan 2**, populasi wanita yang tertinggi adalah di negeri Selangor dan terendah adalah di Wilayah Persekutuan Labuan. Peratus kumpulan wanita dalam lingkungan umur reproduktif yang paling tinggi berbanding jumlah wanita di sesebuah negeri adalah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Negeri Perak mempunyai peratus warga emas wanita paling tinggi berbanding jumlah populasi wanita di negeri tersebut, iaitu sebanyak 17 peratus.



Paparan 2: Populasi Wanita dan Lelaki mengikut negeri dan umur, 2024.



Laporan Survei Tenaga Buruh 2023 merekodkan kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh adalah masih rendah iaitu sebanyak 56.2 peratus berbanding lelaki 82.3 peratus. Peratus penyertaan tenaga buruh wanita mengikut negeri pada tahun 2023 adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Paparan 3**.



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia Tahun 2023


Paparan 3: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Wanita (KPTB) Mengikut Negeri



Wanita memainkan peranan penting dalam keluarga, masyarakat, ekonomi dan politik negara. Sekiranya tiada dasar khusus yang menjamin kesejahteraan golongan ini, negara akan berhadapan dengan risiko kehilangan potensi produktiviti dan pertumbuhan ekonomi yang lebih besar serta ketidakseimbangan perwakilan dalam pelbagai aspek. Impak negatif ini akan menjadi faktor kepada kelewatan reformasi sosial dan pembangunan yang lebih inklusif.

Meskipun skor pencapaian pendidikan wanita di bawah Indeks Jurang Gender Malaysia telah mencapai kesaksamaan antara lelaki dan perempuan, namun perkara ini tidak diterjemahkan kepada peningkatan penyertaan tenaga buruh wanita. Berdasarkan Laporan Survei Tenaga Buruh 2023 oleh DOSM, kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh adalah rendah berbanding lelaki. Laporan yang sama turut menyatakan bahawa sebab utama wanita berada di luar tenaga buruh adalah kerana kerja rumah atau tanggungjawab keluarga.


Berdasarkan trend kadar penyertaan tenaga buruh dalam kalangan wanita mengikut kohort umur, kadar penyertaan mulai menurun bermula kohort umur 25 tahun dan ke atas. Antara faktor utama penurunan penyertaan tenaga buruh wanita ini adalah penjagaan anak dan keluarga. Di negara seperti Jepun, Finland, Norway dan Republik Korea, meskipun trend tersebut turut dialami negara berkaitan, namun kadar penyertaan tenaga buruh wanita meningkat semula sekitar kohort umur 30 tahun ke atas, iaitu setelah anak-anak mereka mencapai usia tertentu, atau setelah mereka merasa selamat untuk meninggalkan anak-anak dan kembali bekerja. Bacaan graf bagi situasi ini dinamakan Keluk "M" seperti di Paparan 4.



Paparan 4 : Keluk "M"

Sumber : Yuko Kinoshita dan Fang Guo (2015),
IMF Survey : *Nordic Lessons to Raise Female
Labor Participation in Northeast Asia*

Trend kadar penyertaan tenaga buruh wanita Malaysia pula berbeza kerana wanita yang telah berhenti kerja kebanyakannya tidak kembali ke pasaran buruh dan menghasilkan bacaan graf trend keluk "N" seperti di Paparan 5.



Paparan 5 : Keluk "N"

Sumber : Sharifah Nabilah & Normah Mansor (2022),
Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7(7),
diekstrak daripada DOSM



Wanita tidak bekerja lebih mudah terjejas dengan perubahan termasuk risiko ancaman keganasan, yang turut merangkumi keganasan rumah tangga. Menurut data Polis DiRaja Malaysia tahun 2024, suri rumah dan wanita yang menganggur merupakan mangsa keganasan rumah tangga paling tinggi. Tiga faktor utama yang menyebabkan suri rumah dan wanita yang tidak bekerja lebih mudah menjadi mangsa keganasan rumah tangga adalah kebergantungan ekonomi yang penuh kepada orang lain, kuasa yang tidak seimbang dalam hubungan dan akses yang terhad kepada sokongan luar.

Pemerksaan wanita dalam sektor ekonomi bukan sahaja akan memberi impak signifikan kepada pembangunan keluarga dan masyarakat, malah turut menyumbang kepada keberhasilan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Berdasarkan kajian Bank Dunia pada tahun 2019, sekiranya halangan ekonomi bagi wanita seperti kos penjagaan anak yang tinggi, persekitaran bekerja yang kurang anjal dan diskriminasi di tempat kerja dapat dihapuskan, pendapatan per kapita Malaysia mampu meningkat sebanyak 26.2 peratus, atau kenaikan pendapatan tahunan purata sebanyak RM9,400.

Selain itu, laporan Prospek dan Dasar tahun 2021, Bank Negara Malaysia turut menyatakan bahawa jika isu kadar penyertaan wanita ke dalam pasaran buruh tidak ditangani sewajarnya, Malaysia berisiko untuk kehilangan manfaat seperti sumbangan positif yang besar kepada KDNK, produktiviti dan pendapatan yang lebih tinggi secara keseluruhan.

Pada masa yang sama, sasaran 30 peratus wanita sebagai pembuat keputusan dalam pelbagai sektor kekal menjadi cabaran. Penetapan sasaran 30 peratus ini adalah berdasarkan kepada *Critical Mass Theory* (CMT) iaitu sekiranya sesuatu kumpulan ingin mempengaruhi keputusan dan perubahan, kumpulan ini hendaklah mencapai 30 peratus di dalam organisasi tersebut. Kajian oleh McKinsey & Company (2020) menunjukkan bahawa organisasi dengan kepelbagaian gender dalam kepimpinan mempunyai peluang 25 peratus lebih tinggi untuk mencapai keuntungan kerana kepimpinan wanita membawa perspektif yang lebih pelbagai dalam membuat keputusan strategik, inovasi dan pengurusan risiko. Selain itu, Laporan *Harvard Business Review* (2016) juga merekodkan syarikat dengan lebih ramai kepimpinan

wanita lebih cepat menyesuaikan diri dengan cabaran global seperti krisis ekonomi dan pandemik.

Apabila wanita memegang jawatan kepimpinan, ia memberi impak positif kepada pekerja wanita lain dalam organisasi melalui *role model effect* dan peluang pembangunan kerjaya. Kajian oleh *World Economic Forum* (2022) mendapati bahawa kehadiran wanita dalam kepimpinan meningkatkan penyertaan tenaga kerja wanita dalam organisasi kerana mereka merasa lebih diwakili dan mendapat inspirasi. Di samping itu, kajian Catalyst (2021) turut mendapati organisasi yang mempunyai lebih 30 peratus wanita dalam kepimpinan lebih proaktif dalam menangani isu gangguan seksual, ketaksaksamaan gaji dan halangan kenaikan pangkat. Ini kerana wanita dalam kepimpinan lebih memahami cabaran yang dihadapi pekerja wanita lain dan dapat memperjuangkan perubahan dasar yang lebih adil.

Kehadiran sekurang-kurangnya 30 peratus wanita dalam kepimpinan organisasi bukan sahaja meningkatkan prestasi ekonomi tetapi juga memberikan kesan positif kepada wanita lain dalam organisasi. Justeru, usaha perlu dipergiat bagi memastikan kepimpinan yang lebih seimbang dari segi gender dalam setiap sektor dan seterusnya memberi impak yang lebih positif kepada pembangunan sosioekonomi negara.





Rasional Semakan Semula

Semakan semula DWN dan PTPW adalah bertepatan untuk dilaksanakan ketika ini dengan mengambil kira perkembangan isu semasa pada peringkat nasional dan antarabangsa.

Peranan Wanita	Transformasi daripada pendukung belakang tabir kepada barisan hadapan di pelbagai kedudukan strategik.
Trend Mega	Negara menua, krisis perubahan iklim dan sumber, pandemik, krisis ekonomi termasuk kos sara hidup, kepesatan pembangunan teknologi dan permintaan terhadap data raya.
Koordinasi Dasar	Seajar dengan perubahan dan penambahbaikan dasar di bawah kementerian dan agensi lain.
Imej Negara	Memperkuuh imej Malaysia pada peringkat antarabangsa termasuk Association of Southeast Asian Nations (ASEAN), Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Berdasarkan hasil gerak kerja semakan semula dasar dan pelan sedia ada, didapati bahawa masih terdapat isu wanita yang belum mampu diselesaikan sewajarnya melalui pendekatan strategi sedia ada. Di samping itu, prestasi negara dalam laporan antarabangsa seperti *Sustainable Development Goals (SDGs)* dan *World Competitiveness Report* yang menurun juga menjadi faktor pendesak kepada keperluan pembaharuan dasar ini.

Global Gender Gap Index

Sebagai contoh, skor jurang gender Malaysia dalam pelaporan *Global Gender Gap Index* pada tahun 2024 adalah 0.668. Berdasarkan skor tersebut, Malaysia berada di kedudukan tangga ke-114 dalam kalangan 146 negara pada peringkat global. Manakala dalam kalangan 10 negara ASEAN, Malaysia berada di tangga ke-9.

Sustainable Development Report 2024

Dalam pelaporan *Sustainable Development Report 2024*, Malaysia berada pada kedudukan 79 dalam kalangan 166 negara yang dinilai. Di bawah pelaporan *SDGs*, isu berkaitan wanita dan gender dilaporkan pada hampir kesemua *SDGs* kecuali dua matlamat, iaitu Matlamat 7 dan 15. Berdasarkan laporan *ASEAN Gender Outlook* tahun 2024, sebanyak 16 indikator di bawah enam matlamat, iaitu Matlamat 3, 4, 5, 6, 11 dan 13 telah dikenal pasti berhadapan dengan isu ketidaaan data.

World Competitiveness Ranking (WCR) 2024

Penarafan terkini *World Competitiveness Ranking (WCR)* 2024 oleh Institut Antarabangsa bagi Pengurusan Pembangunan (IMD) telah meletakkan kedudukan Malaysia di tempat ke-34, iaitu turun sebanyak tujuh anak tangga berbanding tempat ke-27 pada tahun 2023. Antara faktor yang menyebabkan kedudukan ini menurun adalah skor indikator berkaitan dengan wanita di bawah subfaktor Amalan Pengurusan dan subfaktor Buruh:



Subfaktor Amalan Pengurusan

Women in Management mencatatkan 24.6 peratus pada tahun 2022 dengan kedudukan tangga ke-52 berbanding 24.05 peratus pada tahun 2021 dengan kedudukan pada tangga ke-50 dan *Women on Board* merekodkan 31.92 peratus pada tahun 2023 dengan kedudukan tangga ke-25 berbanding 31.6 peratus pada tahun 2022 dengan kedudukan pada tangga ke 21.

Subfaktor Buruh

Peratus wanita dalam tenaga buruh mencatatkan 38.96 peratus pada tahun 2022 dengan kedudukan tangga ke-57 berbanding 39.05 peratus pada tahun 2021 dengan kedudukan pada tangga ke-55.

Walaupun Malaysia mempunyai koleksi data yang luas dan telah menjawab persoalan daripada hampir semua sektor yang dibangkitkan di dalam CEDAW, namun, masih terdapat kekangan dari segi pelaporan data dan analisa maklumat berdasarkan gender khususnya bagi sektor yang berada di bawah kuasa kementerian/agensi lain.





Impak Pelaksanaan Dasar Wanita Negara

Pelaksanaan DWN yang efisien dijangka akan meningkatkan kesejahteraan wanita di Malaysia melalui perincian strategi, program dan inisiatif yang dirangka dengan mengambil kira aspek kesaksamaan gender dalam pelbagai sektor seperti ekonomi, kesihatan dan pendidikan. Selain itu, DWN juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran terhadap diskriminasi gender dan keganasan terhadap wanita, sekaligus mendorong pihak berkuasa untuk mengambil tindakan lebih tegas bagi menangani isu-isu ini.

Di peringkat antarabangsa, pelaksanaan DWN akan menambah baik imej Malaysia sebagai negara yang progresif dalam memperjuangkan hak wanita, mempromosi diplomasi gender dan memperkuuh wanita sebagai penyumbang ekonomi. Dasar ini akan menjadi pemangkin kepada penamaian kedudukan negara dalam pelaporan antarabangsa seperti *Sustainable Development Goals (SDGs)*, *Global Gender Gap Index (GGGI)* dan *World Competitiveness Report (WCR)*. Pendekatan negara yang Mesra Wanita akan memposisikan imej Malaysia sebagai sebuah negara yang inklusif sekaligus membantu menarik lebih banyak pelaburan dan kerjasama antarabangsa. Berdasarkan Laporan Prestasi Pelaburan Malaysia tahun 2023 oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Laporan "Kajian Pembangunan untuk Meningkatkan Keusahawanan Wanita di Negeri Sabah" oleh *Japan International Cooperation Agency (JICA)*, pelabur antarabangsa lebih cenderung melabur di negara yang menyokong *SDGs*, termasuk inisiatif yang memperkasa wanita dan menggunakan pendekatan polisi ekonomi yang inklusif, termasuk pembangunan keusahawanan wanita.

Selain itu, komitmen Malaysia terhadap kesaksamaan gender juga akan memperkuuhkan reputasinya dalam organisasi seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), menjadikan negara ini lebih dihormati dalam usaha mencapai pembangunan yang lestari.

Aspirasi DWN juga diselaraskan dengan obligasi antarabangsa, seperti Konvensyen Tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Deklarasi dan Pelan Tindakan Beijing, resolusi Keamanan dan Ketenteraman Wanita dan Matlamat Pembangunan Mampan. Dasar ini juga adalah sejajar dengan Pelan Strategik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) serta dasar dan pelan tindakan lain di bawah KPWKM seperti Dasar Sosial Negara, Dasar Keluarga Negara, Dasar dan Pelan Tindakan Kanak-kanak Negara, Dasar Kaunseling Negara, Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara serta Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya.

DWN juga menekankan keperluan pendekatan menyeluruh atau 'whole-of-nation', iaitu penglibatan proaktif setiap kementerian dan agensi Kerajaan, Kerajaan Negeri serta sektor swasta termasuk ahli akademik, pertubuhan sivil (CSO), badan bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti bagi memastikan pelaksanaan yang lebih efisien. Dalam hubungan ini, KPWKM khususnya Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) akan bertindak sebagai peneraju utama untuk menyelaraskan segala perancangan, pemantauan dan penilaian pelaksanaan DWN.

Kesaksamaan Gender Konteks Malaysia

Terma kesaksamaan gender bukan bermaksud sama rata. Secara prinsipnya, terma ini merujuk kepada hak, tanggungjawab, peluang dan akses kepada sumber yang sama antara lelaki dengan perempuan dalam semua aspek kehidupan. Hal ini termasuk hak dan peluang yang sama untuk mendapat akses kepada pendidikan, pekerjaan sehingga kepada peluang untuk menjadi pemimpin tertinggi dalam sebuah organisasi.

Kesaksamaan gender mengakui bahawa setiap lelaki dan perempuan mempunyai keperluan dan cabaran yang berbeza. Terma ini juga menekankan konsep keadilan gender yang mengambil kira kepelbagai dan perbezaan keperluan antara lelaki dan perempuan serta pelbagai kategori individu dalam jantina yang sama seperti di **Paparan 6**. Konsep ini memberikan implikasi bahawa masyarakat memberikan nilai yang adil dan saksama kepada persamaan dan perbezaan di antara wanita dan lelaki dan menggalakkan perkongsian yang saksama dalam kehidupan peribadi dan bermasyarakat. Strategi penting dalam mencapai kesaksamaan gender ialah memperkasakan wanita dan kanak-kanak perempuan, dalam aspek hak dan peluang pembangunan yang masih ketinggalan.

Pemerksaan wanita melibatkan usaha meluaskan pilihan dan menguatkan suara wanita dan kanak-kanak perempuan melalui transformasi perhubungan kuasa supaya wanita dan kanak-kanak perempuan mempunyai lebih kawalan terhadap kehidupan dan masa depan mereka.


Gender adalah berbeza dengan jantina. Jantina merujuk kepada aspek biologi dan fisiologi yang membezakan lelaki dan perempuan termasuk ciri-ciri kromosom, organ seksual dan fisiologi lain seperti hormon dan kitaran haid. Dalam konteks ini, jantina adalah sesuatu yang tetap dan tidak berubah, berasaskan kepada sifat genetik individu.

Manakala, gender adalah sebuah konstruk sosial yang merujuk kepada peranan, tingkah laku dan sifat yang diharapkan daripada individu berdasarkan jantina mereka dalam masyarakat. Ini termasuk stereotaip dan norma sosial yang mengatur bagaimana lelaki dan perempuan sepatutnya bertindak, berinteraksi dan berperanan dalam pelbagai konteks. Gender mencakupi konsep yang lebih luas, termasuk identiti gender dan peranan gender yang dibentuk oleh budaya dan masyarakat, serta bagaimana individu menghayati peranan tersebut.



Paparan 6: Penerangan terma kesamarataan, kesaksamaan serta keadilan dan inklusiviti





Bab 2

Dasar Wanita Negara Tahun 2025-2030




Pencapaian Dasar Wanita Negara Tahun 2009

Setelah lebih sedekad dilaksanakan, pencapaian Dasar Wanita Negara (DWN) tahun 2009 dapat diukur melalui tahap kesejahteraan atau kebahagiaan wanita. Sebagai contoh, Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (MHI) pada tahun 2021 merekodkan dari segi jantina, perempuan mencatatkan skor MHI lebih tinggi, iaitu 6.49 berbanding lelaki dengan skor 6.46. Berdasarkan kepada sembilan (9) daripada 13 komponen MHI di mana perempuan mencatatkan skor lebih tinggi daripada lelaki, iaitu keluarga (7.25), penyertaan sosial (6.46), kesihatan (6.78), kemudahan komunikasi (6.14), pendidikan (6.35), pendapatan (6.07), penggunaan masa (6.74), amalan kerohanian (7.26) dan kebudayaan (6.25), dapat dirumuskan bahawa usaha Kerajaan untuk memelihara kesejahteraan wanita telah berhasil. Kedudukan skor MHI wanita bagi setiap negeri adalah seperti yang dipaparkan dalam **Paparan 7** manakala skor MHI keseluruhan bagi setiap negeri adalah seperti di **Paparan 8**.

BIL	NEGERI	SKOR WANITA	SKOR LELAKI
1	WP Labuan	9.18	9.37
2	WP Kuala Lumpur	7.79	7.76
3	WP Putrajaya	7.32	7.24
4	Terengganu	7.26	7.15
5	Kelantan	7.03	7.01
6	Perlis	6.99	6.95
7	Pahang	6.76	6.74
8	Sarawak	6.74	6.64
9	Negeri Sembilan	6.70	6.66
10	Johor	6.67	6.70
11	Pulau Pinang	6.62	6.67
12	Kedah	6.57	6.62
13	Perak	6.37	6.34
14	Sabah	6.31	6.26
15	Melaka	5.94	5.77
16	Selangor	5.78	5.70

Paparan 7: Skor wanita di bawah Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia bagi setiap negeri



Paparan 8 : Skor Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia tahun 2021 bagi setiap negeri



Pencapaian DWN juga dapat diukur menerusi sejauh mana Kementerian dan agensi lain memberikan perhatian kepada isu berkaitan dengan wanita dan mengadaptasi pengarusperdanaan gender di dalam penggubalan atau penamaan dasar. Berdasarkan hasil analisis dalaman Kementerian, didapati sebanyak 17 daripada 27 atau 62.9 peratus kementerian telah mengintegrasikan inisiatif berkaitan dengan kesaksamaan gender menerusi penetapan strategi khusus untuk wanita di bawah dasar dan pelan tindakan masing-masing. Senarai kementerian dan agensi berserta dasar, pelan tindakan dan kertas dasar yang diperkenalkan adalah seperti yang terkandung dalam **Lampiran 2**.

Pelbagai perundangan dan peraturan yang digubal dan ditambah baik bagi memperkasakan hak wanita. Antara akta penting yang memberikan kesan kepada kesejahteraan wanita ialah Akta Kerja 1955 [Akta 265], Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521], Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670], Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789], Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 [Akta 838] dan Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840]. Dari segi perundangan syariah, had umur wanita berkahwin telah diseragamkan ke 18 tahun bagi negeri Selangor dan Kedah.

Sebanyak lima buah negeri telah membangunkan dasar wanita pada peringkat negeri masing-masing, iaitu Kelantan, Pulau Pinang, Terengganu, Pahang dan Selangor. Negeri pertama yang mempunyai dasar wanita negeri ialah negeri Kelantan, yang memfokuskan pembangunan wanita mengikut acuan Islam. Dasar Wanita Negeri Selangor yang dilancarkan pada tahun 2017, disemak semula pada tahun 2024 dan bertemakan “Wanita Maju, Selangor Makmur”.

Pencapaian-pencapaian ini juga dilaporkan semasa sesi Dialog Konstruktif Laporan CEDAW Malaysia Keenam di Geneva, Switzerland pada tahun 2024. Malaysia menerima maklum balas positif daripada Jawatankuasa CEDAW terhadap usaha pemerkaaan wanita yang dilaksanakan. Hal ini menunjukkan usaha Malaysia untuk meningkatkan penglibatan wanita pada pelbagai peringkat turut mendapat pengiktirafan pada peringkat antarabangsa.



Isu dan Cabaran Dasar Wanita Negara

Berdasarkan Statistik Pemerkaan Wanita Dalam Domain Terpilih, Indeks Jurang Gender Malaysia (MGGI)⁵ kembali menjadi cabaran, iaitu 0.705 pada tahun 2023 berbanding 0.697 pada tahun 2017. Berbanding tahun 2022 yang merekodkan skor keseluruhan 0.709, skor tahun 2023 telah menurun sebanyak 0.004 mata. Hanya satu subindeks mencatatkan peningkatan, iaitu pencapaian pendidikan dengan peningkatan sebanyak 0.003. Subindeks ekonomi dan subindeks kesihatan menunjukkan sedikit penurunan, iaitu 0.005. Pencapaian subindeks politik kekal merekodkan pencapaian terendah dan mendatar. Pencapaian indeks jurang gender tahun 2023 berdasarkan negeri adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Paparan 9**.

⁵ Sumber DOSM



KEDUDUKAN	NEGERI	INDEKS JURANG GENDER	
		2023	2022
2023	MALAYSIA	0.705	0.709
1	WP Kuala Lumpur	0.776	0.736
2	WP Putrajaya	0.773	0.700
3	WP Labuan	0.756	0.721
4	Kelantan	0.737	0.741
5	Negeri Sembilan	0.718	0.720
6	Selangor	0.715	0.757
7	Melaka	0.715	0.729
8	Sabah	0.715	0.729
9	Perak	0.711	0.724
10	Kedah	0.707	0.746
11	Pahang	0.702	0.722
12	Perlis	0.701	0.718
13	Pulau Pinang	0.700	0.727
14	Terengganu	0.693	0.717
15	Sarawak	0.689	0.723
16	Johor	0.686	0.732

Paparan 9: Indeks Jurang Gender Malaysia berdasarkan negeri bagi tahun 2023

Skor jurang gender Malaysia dalam pelaporan *Global Gender Gap Index* (GGGI) pada tahun 2024 adalah 0.668. Berdasarkan skor tersebut, Malaysia berada di tangga ke-114 dalam kalangan 148 negara pada peringkat global, manakala dalam kalangan 10 negara ASEAN, Malaysia berada di tangga ke-9.


Dalam pelaporan *Sustainable Development Report 2024*⁶, Malaysia berada pada kedudukan 79 dalam kalangan 166 negara yang dinilai. Di bawah pelaporan SDGs, isu yang berkaitan dengan wanita dan gender dilaporkan pada hampir kesemua SDGs kecuali Matlamat 7 dan Matlamat 15 seperti yang terdapat dalam **Paparan 10**. Matlamat 5 merupakan matlamat utama yang berkaitan dengan pemerkasaan wanita dan memfokuskan isu kesaksamaan gender. Berdasarkan laporan ASEAN Gender Outlook tahun 2024⁷, sebanyak 16 indikator di bawah enam matlamat, iaitu Matlamat 3 Matlamat 4, Matlamat 5, Matlamat 6, Matlamat 11 dan Matlamat 13 telah dikenal pasti berhadapan dengan isu ketidaaan data. Perincianya adalah seperti yang terkandung dalam **Lampiran 3**.

⁶ Sumber sesawang: [https://dashboards.sdgindex.org/rankings \(edit\)](https://dashboards.sdgindex.org/rankings (edit))

⁷ United Nation (2024) "ASEAN Gender Outlook (AGO 2.0)". ASEAN




ANALISIS JURANG ISU DAN CABARAN TERPILIH




Paparan 10: Rumusan ketersediaan data wanita
di bawah setiap Matlamat Pembangunan Mampan



WANITA DALAM LEMBAGA PENGARAH



WANITA DALAM PENGURUSAN



Paparan 11: Pencapaian indikator Women in Management dan indikator Women on Board di bawah subfaktor Amalan Pengurusan Laporan World Competitiveness Ranking (WCR) 2024

Penarafan terkini *World Competitiveness Ranking* (WCR) 2024⁸ oleh Institut Antarabangsa bagi Pengurusan Pembangunan (IMD) meletakkan kedudukan Malaysia di tempat ke-34, iaitu turun sebanyak tujuh anak tangga berbanding tempat ke-27 pada tahun 2023. Antara faktor yang dikenal pasti sebagai punca ialah pencapaian indikator *Women in Management* yang rendah dan pencapaian indikator

Women on Board yang mendatar di bawah subfaktor Amalan Pengurusan. Ketidakseimbangan penyertaan wanita dalam kalangan pengurusan dan lembaga pengaruh menghalang Malaysia mencapai amalan pengurusan yang lebih inklusif dan dinamik. Perincian pencapaian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 11.

⁸ Institut Antarabangsa bagi Pengurusan Pembangunan (IMD) (2024) "World Competitiveness Ranking". IMD. Switzerland



Dasar Wanita Negara Tahun 2025-2030

Dalam tempoh lebih sedekad Dasar Wanita Negara tahun 2009 dilaksanakan, wanita Malaysia telah mencatatkan kemajuan signifikan dalam pelbagai bidang, termasuk pendidikan dan tenaga kerja. Pencapaian wanita khususnya dalam bidang pendidikan, keusahawanan dan kepimpinan telah memberi sumbangan besar dalam memajukan masyarakat. Walau bagaimanapun, isu seperti jurang upah, diskriminasi di tempat kerja, kekurangan peluang kepimpinan dan isu keganasan rumah tangga kekal menjadi cabaran. Sehubungan dengan itu, slogan "Memartabat Wanita, Memperkuuh Negara" akan dijadikan tema Dasar Wanita Negara tahun 2025-2030. Tema ini adalah seruan kepada pelbagai pihak bahawa melalui pengukuhan kedudukan wanita, bukan sahaja keadilan sosial akan dipertingkat, malah negara berpotensi untuk terus berkembang pesat dan mencapai kesejahteraan yang lebih menyeluruh. Wanita merupakan pemangkin utama dalam mencetus perubahan bermula dari rumah sehingga ke peringkat global jika diberi peluang sewajarnya. Kerangka Dasar Wanita Negara yang baharu adalah seperti di **Paparan 12**.

Pernyataan Dasar

Di bawah hala tuju baharu, pernyataan Dasar Wanita Negara Tahun 2025-2030 (DWN 2025-2030) adalah seperti yang berikut:

"Memperkasakan wanita
untuk terlibat secara
bermakna bagi mencapai
potensi mereka sepenuhnya
melalui pembangunan dan
perancangan yang inklusif ke
arah kesaksamaan gender"

Rasional Tempoh Lima Tahun

DWN 2025-2030 merupakan pelan jangka sederhana yang digubal untuk tempoh lima tahun, iaitu bermula pada tahun 2025 dan berakhir pada tahun 2030. Penetapan tempoh lima tahun ini adalah mengambil kira kitaran proses pelaksanaan dasar dan permohonan peruntukan belanjawan tahunan kementerian di bawah Rancangan Malaysia. Penggubalan DWN 2025-2030 akan menjadi cerminan rejuvenasi komitmen negara ke arah kesejahteraan wanita di bawah tempoh Rancangan Malaysia yang baharu.

Kumpulan Sasar

DWN 2025-2030 ini memberikan tumpuan kepada golongan sasar wanita di Malaysia di bawah empat bidang keutamaan, iaitu "Bidang Keutamaan Ekonomi", "Bidang Keutamaan Kepimpinan", "Bidang Keutamaan Keselamatan" dan "Bidang Keutamaan Kesejahteraan". Dasar ini juga merupakan permulaan kepada hala tuju baharu pembangunan negara yang inklusif dan saksama.



DASAR WANITA NEGARA TAHUN 2025 - 2030

"Memartabat Wanita, Memperkuuh Negara"

PERNYATAAN

Dasar Wanita Negara bertujuan memperkasakan wanita untuk terlibat secara bermakna bagi mencapai potensi mereka sepenuhnya melalui perancangan dan pembangunan yang inklusif ke arah kesaksamaan gender.

BIDANG KEUTAMAAN			
EKONOMI	KEPIMPINAN	KESELAMATAN	KESEJAHTERAAN
MATLAMAT			
Memberdaya wanita dari pelbagai lapisan masyarakat dalam semua sektor ekonomi sebagai ejen perubahan dan rakan strategik pembangunan sosioekonomi negara	Meningkatkan kepimpinan wanita sebagai pembuat keputusan di kedudukan strategik	Membudayakan kesaksamaan gender bagi memperkuuh tahap jaminan keselamatan dan ketenteraman wanita	Memperkuuh kesejahteraan wanita yang inklusif dalam masyarakat
KEBERHASILAN			
<ol style="list-style-type: none">Peningkatan kepada 60 peratus kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruhPeningkatan skor subindeks penyertaan pekerja wanita profesional dan teknikal kepada 0.700 di bawah MGGIPeningkatan 1 juta usahawan wanita berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia menjelang tahun 2030	<ol style="list-style-type: none">Peningkatan sekurang-kurangnya 30 peratus penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan khususnya dalam sektor yang ketinggalan	<ol style="list-style-type: none">Pembangunan Indeks Keselamatan dan Ketenteraman Awam - subindeks wanitaPenglibatan sekurang-kurangnya 10 peratus wanita dalam sektor pertahanan, keselamatan dan ketenteraman awamPengekalan Domain Keselamatan Keluarga dalam Indeks Kesejahteraan Keluarga dalam julat "Sederhana Tinggi" dan ke atas	<ol style="list-style-type: none">Skor Indeks Jurang Gender Malaysia meningkat kepada julat antara 0.690 hingga 1.000Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia berdasarkan genderPengekalan mata Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia dalam julat "Bahagia" dan "Sangat Bahagia"
PEMBOLEH DAYA			
Data Berasaskan Gender	Bajet Responsif Gender	Penilaian Impak Berdasarkan Gender	Audit Gender
Undang-undang	Dasar	Sumber	NGO
Perlembagaan Persekutuan	RMK	Dasar Sosial Negara	SDGs
	CEDAW	Women, Peace And Security	Beijing Declaration

Paparan 12: Kerangka Dasar Wanita Negara tahun 2025-2030



Penanda Aras Dasar Negara Lain

Penggubalan dan penambahbaikan dasar wanita baharu ini turut mengambil kira contoh pembangunan dasar di lima negara, iaitu Australia, Filipina, New Zealand, Indonesia dan Singapura. Bagi negara Australia, kerangka dasar wanita di benua tersebut memfokuskan dua perkara utama, iaitu kesaksamaan gender dan pemerksaan wanita pribumi. Di bawah strategi kesaksamaan gender, dasar ini menyasarkan lima bidang keutamaan, iaitu keganasan berdasarkan gender, perkhidmatan penjagaan berbayar dan tidak berbayar, keselamatan dan kesaksamaan ekonomi kesihatan, serta kepimpinan, perwakilan dan pembuat keputusan.

 Australia	<ul style="list-style-type: none">Australia meletakkan isu pemerksaan wanita di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Kabinet.Kerangka dasar negara ini memfokuskan dua perkara utama, iaitu kesaksamaan gender dan pemerksaan wanita pribumi.Di bawah strategi kesaksamaan gender, dasar ini menyasarkan empat bidang keutamaan, iaitu keganasan berdasarkan gender, perkhidmatan penjagaan berbayar dan tidak berbayar, keselamatan dan kesaksamaan ekonomi kesihatan, serta kepimpinan, perwakilan dan pembuat keputusan.Bagi memperkuuh pelaksanaan bajet responsif gender, Kerajaan Australia memperkenalkan polisi mewajibkan analisis gender dan analisis impak berdasarkan gender di dalam permohonan projek pada tahun 2023.	 New Zealand	<ul style="list-style-type: none">Hala tuju Kementerian Wanita atau <i>Manatū Wāhine</i> memberi tumpuan kepada pemerksaan wanita pada peringkat nasional dan antarabangsa.Di peringkat nasional, empat strategi digariskan, iaitu pemerksaan wanita pribumi, ekonomi, kepimpinan dan keselamatan.Bagi pemerksaan kepimpinan wanita pada peringkat global, negara ini mensasarkan beberapa platform khusus seperti APEC, CEDAW dan <i>International Women's Caucus</i> untuk menonjolkan kepimpinan wanita dan meningkatkan imej negara.
 Filipina	<ul style="list-style-type: none"><i>Magna Carta Wanita</i> (Akta Republik 9710) merupakan undang-undang yang memperjuangkan hak-hak wanita dengan menekankan kesaksamaan dan tiada diskriminasi.Perundangan ini mewajibkan akauntabiliti kerajaan dan sektor swasta dalam mempromosikan kesaksamaan gender, khususnya untuk wanita yang terpinggir.Akta tersebut juga menjamin akses kepada perkhidmatan, sumber dan peluang untuk memperkasa wanita dan menyokong penyertaan mereka dalam pembangunan negara.	 Indonesia	<ul style="list-style-type: none">Berdasarkan Rencana Strategis Deputi Bidang Kesetaraan Gender tahun 2020-2024, Republik Indonesia mulakan penulisan dasar dengan menekankan kepentingan kesamarataan gender dan analisis situasi permasalahan semasa.Dalam bab seterusnya, Indonesia menekankan penerangan berhubung dengan peranan penting agensi peneraju, iaitu Kementerian Pemberdayaan Perempuan dan Perlindungan Anak dan Deputi Bidang Kesetaraan Gender sebelum menggariskan strategi yang akan dilaksanakan oleh pelbagai pihak.
		 Singapura	<ul style="list-style-type: none">Kertas putih dasar Singapura memberi fokus kepada lima sektor utama, iaitu peluang saksama di tempat kerja, pengiktirafan dan sokongan kepada perkhidmatan penjagaan, perlindungan wanita daripada keganasan dan kecederaan, instrumen sokongan lain untuk memperkasakan wanita dan anjakan paradigma.


Berdasarkan analisis perbandingan yang dilakukan antara dasar wanita di negara-negara di rantau ini, DWN telah disemak dan diselaraskan semula dengan mengambil kira amalan terbaik yang terkandung dalam analisis dasar-dasar lain, khususnya berkaitan dengan fokus keutamaan yang lebih bersasar.



Tumpuan Baharu DWN 2025-2030

DWN 2025-2030 ini akan memberikan tumpuan baharu kepada empat bidang keutamaan, iaitu ekonomi, kepimpinan, keselamatan dan kesejahteraan. Bidang keutamaan ini adalah rangkuman 13 bidang keutamaan di bawah DWN tahun 2009 seperti di **Paparan 13**.

DWN 2025-2030 akan dijadikan sebagai rujukan utama semua pihak yang berkepentingan dalam usaha memartabatkan wanita. Usaha pemerkasaan ini akan diasimilasikan dengan konteks agama, budaya, bangsa dan nilai-nilai murni setempat.



Paparan 13: Evolusi keutamaan Dasar Wanita Negara

The background of the slide features a collage of several photographs. At the top left, there's a white shelf holding books of various colors (white, black, brown) and a small potted plant. To its right is another shelf with books and black binders. Below these are two more shelves; the left one has books, and the right one has a large brown cardboard box, a small potted plant, and a toy white truck with an orange trailer.

Bidang Keutamaan

Ekonomi





Bidang Keutamaan Ekonomi

Pencapaian

Pencapaian wanita dalam bidang ekonomi menunjukkan prestasi sederhana. Subindeks peluang dan penyertaan ekonomi di bawah MGGI mencatatkan skor 0.698 pada tahun 2023⁹. Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) wanita menunjukkan sedikit peningkatan, iaitu 56.2 peratus pada tahun 2023 berbanding 49.5 peratus pada tahun 2012. Bilangan pekerja wanita dalam bidang profesional dan teknikal juga meningkat dengan ketara dari 23.8 peratus pada tahun 2012 ke 50.1 peratus pada tahun 2023¹⁰. Penglibatan wanita dalam pekerjaan informal bagi bukan pertanian mencatatkan peningkatan sebanyak 0.7 peratus, iaitu dari 43.7 peratus pada tahun 2019 kepada 44.4 peratus pada tahun 2021¹¹. Peningkatan kadar penyertaan ini bukan sahaja boleh meningkatkan pendapatan isi rumah tetapi pada masa yang sama akan membantu mengatasi masalah kemiskinan. Berdasarkan Laporan Survei Tenaga Buruh Tahun 2023, KPTB wanita paling tinggi adalah di industri perdagangan borong dan runcit, industri aktiviti kewangan insurans dan industri pembuatan.

Pelbagai pindaan akta, dasar dan inisiatif baharu telah diumumkan dalam Belanjawan tahunan bagi menarik penglibatan lebih ramai wanita untuk menyumbang kepada peningkatan produktiviti negara. Data terkini daripada Statistik Pemerkasaan Wanita tahun 2024, merekodkan jumlah pertubuhan milikan wanita di negara ini pada tahun 2022 merangkumi 20 peratus atau 219,015¹² daripada keseluruhan jumlah perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di seluruh negara. Bilangan pertubuhan ini telah meningkat sebanyak 2.3 peratus berbanding tahun 2015, iaitu 187,265 pertubuhan. Sektor Perkhidmatan merekodkan bilangan tertinggi dengan 205,012 pertubuhan, diikuti oleh sektor Pembuatan dengan 8,469 pertubuhan dan sektor

⁹ Statistik Pemerkasaan Wanita Dalam Domain Terpilih, 2024, DOSM
¹⁰ ibid.

¹¹ Pelan Pemformalan Usahawan Informal.

¹² Banci Ekonomi 2023

Pembinaan dengan 3,869 pertubuhan¹³. Secara relatif, angka tersebut menyumbang sebanyak RM69.1 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) selain turut membuka hampir 800,000 peluang pekerjaan.

Bagi melindungi hak dan kesejahteraan pekerja wanita, Akta Kerja 1955 sentiasa disemak dan ditambah baik antaranya pada tahun 2012 dan tahun 2022. Pada tahun 2012, akta ini memperkenalkan cuti bersalin berbayar tanpa mengira gaji dan mewujudkan bahagian khusus di dalam akta untuk menangani gangguan seksual di tempat kerja. Pindaan terkini tahun 2022 memberikan lanjutan cuti bersalin bergaji dari 60 hari ke 98 hari dalam sektor swasta untuk menyokong ibu yang bekerja dan tujuh hari cuti bergaji untuk bapa. Pindaan tersebut turut memasukkan elauan untuk cuti paterniti. Selain itu, peruntukan lain yang turut dipinda untuk menjamin persekitaran yang kondusif kepada pekerja wanita ialah kemudahan aturan kerja yang fleksibel, larangan diskriminasi dalam pekerjaan dan pemberhentian pekerja wanita semasa hamil serta keperluan mempamerkan notis pencegahan gangguan seksual. Di samping itu, di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4), wanita boleh mendapatkan perlindungan daripada menjadi mangsa keganasan di tempat kerja melalui Skim Bencana Kerja.

Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 diperkenalkan untuk memberikan perlindungan kepada individu yang menjalankan pekerjaan sendiri termasuk wanita yang terlibat dalam sektor ini. Pada peringkat permulaan, skim ini diwajibkan kepada Sektor Pengangkutan Penumpang, iaitu pemandu teksi, perkhidmatan perniagaan pengantaraan (*e-hailing*) dan pemandu bas. Mulai 1 Januari 2020, perlindungan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri telah diperluas kepada 19 sektor pekerjaan sendiri yang lain. Individu bekerja sendiri yang mencarum di bawah skim ini akan mendapat perlindungan bermula dari tarikh dan masa caruman dibayar dan diperakukan menerusi resit bayaran caruman.

Sepanjang tempoh pelaksanaan DWN tahun 2009, pelbagai program untuk menarik penyertaan dan mengekalkan penglibatan wanita dalam tenaga buruh diperkenalkan oleh pelbagai agensi Kerajaan. TalentCorp

¹³ ibid



memperkenalkan pelbagai program untuk menarik penglibatan wanita dalam tenaga buruh. Antaranya, program *Career Comeback Programme Webinar: Enhancing Your Personal Branding*, *Webinar: Workplace Harassment - Finding the Courage to Speak Up*, program *Women-Industry Network (WIN) Mentoring*, program *Career Comeback Programme for Women Who Want to Return to Work* dan terkini, program *Wanita MyWIRA*, memfokuskan program pembangunan kerjaya wanita secara bersasar. Program Jalinan Kerja Untuk Kembali Bekerja yang diperkenalkan sejak tahun 2015 merekodkan hampir 40 peratus peserta wanita yang menyertai program tersebut, kembali ke alam pekerjaan. Program ini bertujuan untuk menggalakkan golongan wanita untuk kembali dalam sektor ekonomi setelah meninggalkan pekerjaan terutamanya kerana komitmen keluarga. Di bawah inisiatif ini juga, TalentCorp telah bekerjasama dengan majikan terkemuka di Malaysia bagi pelaksanaan pengaturan kerja fleksibel, kemudahan mesra keluarga dan faedah keseimbangan kehidupan bekerja. Bagi meningkatkan penglibatan OKU dalam tenaga buruh termasuk wanita OKU, KPWKm melaksanakan Program Perkhidmatan *Job Coach*.

Bagi meningkatkan keupayaan ekonomi wanita di luar tenaga buruh dan sektor informal, Kerajaan melaksanakan pelbagai program bagi membantu wanita menjana pendapatan termasuk keusahawanaan. Sebagai contoh, KPWKm telah melaksanakan program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (IKIT), Inkubator Kemahiran Wanita (IKEUNITA), Keusahawanan Wanita Bangkit, Bantuan MyKasih Kapital, MamaCare, Seminar Pemantapan Wanita Berkerjaya, program Gig@bit, program penjanaan pendapatan, program OMEGA, 2 Years Exit Programme dan program Volvo Iron Women. Selain itu, KPWKm juga mengadakan program Bengkel Daya, iaitu program pembangunan kemahiran khas untuk OKU seperti di **Paparan 14**.

PROGRAM EKONOMI UNTUK WANITA DI BAWAH KPWKm

- Program Kasih Ibu Tunggal (PROKIT)
- Inkubator Kemahiran Wanita (IKEUNITA)
- Keusahawanan Wanita Bangkit
- Bantuan MyKasih Kapital
- MamaCare
- Seminar Pemantapan Wanita Berkerjaya
- Program Gig@bit
- Program penjanaan pendapatan Laman Wanita
- Program OMEGA
- Program 2 Years Exit Programme
- Program Volvo Iron Women
- Program Bengkel Daya dan *Job Coach*, iaitu program pembangunan kemahiran khas untuk OKU
- Program Pembangunan Kemahiran di Pusat Aktiviti Warga Emas

Paparan 14: Senarai program di bawah KPWKm



Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) turut melaksanakan beberapa program pembiayaan untuk wanita yang baru memulakan penglibatan dalam bidang keusahawanan seperti Inclusive SME Ecosystem (I-see), Skim Pembiayaan Keusahawanan Francais Wanita (SWEET) dan Skim i-Srikandi. KUSKOP juga menyediakan platform hab Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (secara fizikal) dan MyAssist MSME (dalam talian) di bawah seliaan SME Corp untuk pelbagai program promosi dan advokasi yang boleh diakses oleh orang awam termasuk wanita.

Selain itu, Kementerian Sumber Manusia menerusi *Human Resource Development Corporation* (HRD Corp) memperkenalkan Program Peningkatan dan Skim Bakat Aktifkan Semula Suri Rumah Tangga (HEARTS) pada tahun 2013. Program ini bertujuan untuk melatih suri rumah tempatan mendapat pensijilan dalam bidang-bidang khusus bagi membolehkan mereka bekerja dari rumah atau dalam persekitaran kerja yang fleksibel. Dianggarkan lebih daripada 1,000 suri rumah mendapat manfaat pada setiap tahun.

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) turut aktif menganjurkan program kebolehpasaran termasuk karnival kerjaya khusus wanita. Bagi meningkatkan kebolehpasaran dan penawaran peluang pekerjaan, PERKESO menyediakan program *Launch Pad* kepada graduan insititusi pengajian tinggi semesta akhir dan melaksanakan program *Career Exploration* kepada murid sekolah sebagai pendedahan awal kepada pasaran buruh. PERKESO juga menyediakan perkhidmatan *job matching* melalui portal MYFutureJobs, program pasaran buruh aktif (ALMP) yang menggalakkan penyertaan wanita sebagai tenaga kerja berkemahiran tinggi di pelbagai industri dan aktiviti profiling kemahiran secara intensif. Bagi mendukung usaha untuk menarik kembali wanita ke dalam pasaran buruh, PERKESO menawarkan kursus latihan kemahiran dan kompetensi kepada Orang Berinsurans (OB) wanita yang kehilangan pekerjaan.

Penglibatan wanita di dalam industri perdagangan antarabangsa turut memberangsangkan. Pada tahun 2023, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) telah melancarkan inisiatif *Women in Industry and Trade* (WITI) dengan kerjasama pihak NGO HAWA. Inisiatif tersebut bertujuan untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan usahawan wanita dalam sektor

industri dan eksport. Selain itu, MITI melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) juga melaksanakan Misi Akselerasi Eksport (EAM) bagi menghubungkan usahawan wanita tempatan dengan usahawan diaspora luar negara. Selain itu, MATRADE juga mengadakan kolaborasi bersama persatuan wanita seperti Peniagawati dengan bantuan pejabat MATRADE di luar negara.

Pada tahun 2023, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah menganjurkan program Konvenita Negeri Selangor 2023 yang bertujuan untuk memperkasakan dan menghargai peranan wanita khususnya yang terlibat sebagai pemain industri agar sentiasa berinovasi serta mencari peluang baharu meningkatkan produktiviti dan daya saing negara ke arah perkembangan ekonomi mampan. Pada tahun yang sama, sebanyak 11 syarikat ahli Persatuan Usahawan Pembangunan Automotif Wanita Malaysia (PUSPAWM), diiktiraf oleh MPC sebagai *Productivity Champion* kategori *Leader* kerana berjaya melaksanakan penambahbaikan dalam syarikat.

Selain itu, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) melaksanakan program untuk membangunkan usahawan wanita luar bandar seperti program seminar Keusahawanan Wanita Luar Bandar, bengkel Keusahawanan Wanita Luar Bandar: *How To Make Your 1st Millions*, skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita (DanaNITA), program Pembangunan Perniagaan Usahawan Mikro (BizME), program Micro Connector dan program Women Netpreneur.

KKDW melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) juga proaktif memperkasakan wanita orang Asli dalam bidang keusahawanan. Antara inisiatif yang dianjurkan adalah program Desa Mall, Program Sokongan Pengukuhan Keusahawan Luar Bandar (SPKLB) dan kursus keusahawanan wanita Orang Asli pada setiap tahun.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) menganjurkan program latihan dan peningkatan kapasiti khusus iaitu latihan pengurusan perniagaan, pemasaran digital, pengurusan kewangan dan inovasi produk kepada wanita yang berminat. Selain itu, usahawan wanita di bawah LPP juga mendapat akses kepada platform pameran dan jualan bagi tujuan pemasaran produk.



Cabaran

Tahap penglibatan tenaga buruh yang rendah khususnya sektor strategik

Jabatan Perikanan turut memainkan peranan dalam meningkatkan penyertaan wanita di dalam keusahawanan perikanan melalui program My Komuniti Perikanan (MyKP), MyAgropreneur Perikanan (MyAP) dan Kebuniti Akuakultur. Jabatan tersebut juga turut menyediakan bantuan sektor perikanan, iaitu Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan (SPeKS), Tabung Bencana Pertanian (TBP) dan Geran Agropreneur Muda (GAM).

Kementerian Digital melalui *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) turut menyokong strategi peningkatan wanita dalam pasaran kerja, khususnya ekonomi digital melalui program perkhidmatan e-dagang Setempat (PeDAS), eUsahawan, eRezeki dan *Global Online Workforce* (GLOW PENJANA). Pada tahun 2021, jumlah keseluruhan peserta wanita yang dilatih MDEC mencecah 220,445 orang atau 54 peratus daripada jumlah keseluruhan peserta program¹⁴.

Selain itu, di bawah program Perkhidmatan Pintar Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI), Kementerian Komunikasi telah berjaya menghasilkan seramai 3,500 usahawan. Daripada jumlah tersebut, 1,000 daripada usahawan ini adalah daripada golongan wanita. Sehingga 31 Julai 2024, sebanyak 952 NADI telah giat beroperasi di seluruh Malaysia.

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) turut menyumbang kepada pemerkasaan wanita dalam bidang keusahawanan melalui agensi seperti Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Dalam hal ini, industri kraf sentiasa menggalakkan penyertaan wanita dalam bidang keusahawanan melalui program-program pembangunan kemahiran.

Usaha yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi Kerajaan ini berupaya membantu Malaysia mengurangkan kehilangan kumpulan bakat yang besar khususnya golongan wanita.

Walaupun pelbagai pencapaian yang direkodkan, Laporan Survei Tenaga Buruh tahun 2023 mendapati bahawa KPTB wanita masih berada pada tahap yang rendah, iaitu 56.2 peratus berbanding lelaki, iaitu 82.3 peratus. KPTB wanita Malaysia juga lebih rendah berbanding negara-negara ASEAN. Laporan yang sama juga melaporkan bahawa 44.4 peratus daripada keseluruhan wanita yang berada di luar tenaga buruh merupakan wanita yang berpendidikan menengah, manakala, 62.1 peratus daripada keseluruhan wanita yang berada di luar tenaga buruh menyatakan tugas rumah tangga dan tanggungjawab keluarga sebagai faktor tidak menyertai pasaran tenaga kerja.

Berdasarkan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) tahun 2014, didapati bahawa hampir 18.7 peratus wanita yang sedang bekerja menghadapi masalah untuk mengimbangi peranan antara kerjaya dengan keluarga. Sebanyak 51.9 peratus menyatakan kurang masa bersama-sama dengan keluarga sebagai masalah utama, diikuti masalah penjagaan anak, iaitu 13.0 peratus dan kurang masa untuk diri sendiri, iaitu 11.9 peratus. Penemuan KPKM-5 ini dikukuhkan lagi apabila dalam kalangan wanita yang telah berhenti kerja, 32.4 peratus menyatakan masalah penjagaan anak sebagai sebab utama.

Kos penjagaan dan pendidikan awal anak-anak yang tinggi, iaitu antara RM300 hingga RM2,000 sebulan berdasarkan Laporan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit juga menjadi cabaran. Kajian *Khazanah Institute Research* (KRI) pada tahun 2024, turut mendapati bahawa majoriti isi rumah di kawasan bandar terpaksa memperuntukkan 15 peratus daripada sumber pendapatan khas untuk penjagaan anak. Kajian *Institute of Strategic and International Studies* (ISIS) Malaysia pada tahun 2024 pula menyatakan bahawa 30 peratus wanita berkahwin lebih cenderung memilih untuk meninggalkan alam pekerjaan sekiranya tersepit antara kerjaya dengan rumah tangga. Di samping itu, permintaan kepada pusat penjagaan yang tinggi berbanding penawaran,

¹⁴ file:///C:/Users/nurulmunawirah/Downloads/Inisiatif-MDEC-memperkasa-wanita-terlibat-ekonomi-digital_17-MAR-2021.pdf



memberikan kesan terhadap kualiti industri perkhidmatan penjagaan yang kurang memuaskan, kapasiti yang tidak mencukupi dan kos yang tinggi.

Kadar penyertaan pekerja wanita dalam tenaga kerja dalam bidang sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (STIE) masih rendah berbanding lelaki. Situasi ini adalah tidak selari dengan jumlah graduan baharu wanita dalam bidang *science, technology, engineering and mathematics* (STEM) yang lebih tinggi berbanding graduan baharu lelaki. Berdasarkan kajian di bawah Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara, majoriti golongan wanita meninggalkan sektor pekerjaan STI adalah disebabkan oleh faktor keluarga. Langkah menyediakan kemudahan sokongan di tempat kerja dan memperkenalkan dasar membenarkan kemasukan semula tenaga kerja dijangka akan mendorong tenaga kerja wanita untuk menyertai semula bidang pekerjaan STI. Selain itu, pelaksanaan program seperti bekerja dari rumah, waktu kerja fleksibel atau kedua-duanya sekali dijangka akan menarik lebih ramai wanita untuk bekerja dalam bidang ini.

Laporan Statistik Pemerkasaan Wanita tahun 2023 merekodkan hanya 2.1 peratus wanita terlibat sebagai pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan. Berdasarkan kajian KRI jurang gender lebih ketara dalam kalangan pekebun kecil agromakanan di Sabah dan Sarawak. Pekebun wanita dilihat lebih ketinggalan dalam penggunaan mesin atau peralatan, kehadiran dalam latihan dan penyertaan dalam kontrak pertanian. Kajian tersebut turut melaporkan pekebun kecil wanita lebih cenderung berhadapan dengan cabaran ketidakstabilan jualan, yang berkemungkinan disebabkan oleh pergantungan yang lebih kepada jualan langsung kepada pelanggan. Pekebun wanita juga dilaporkan berhadapan dengan cabaran pemilikan tanah, selain daripada akses yang terhad kepada maklumat untuk memajukan perkhidmatan, bantuan kewangan dan teknologi baharu. Tambahan pula, pekebun wanita juga turut menghadapi cabarankekangan buruh.

Persekitaran pekerjaan kurang kondusif

Persekitaran pekerjaan yang kondusif merupakan faktor utama yang menarik penglibatan wanita untuk terus kekal berada di sesebuah organisasi. Antara isu yang ditekankan berhubung dengan persekitaran yang kurang

kondusif untuk wanita ialah perbezaan gaji berasaskan jantina, kurang keseimbangan antara kerja dan kehidupan keluarga serta tiada aturan kerja fleksibel (AKF).

Walaupun kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh menunjukkan sedikit peningkatan berbanding tahun sebelumnya, masih terdapat jurang gaji antara lelaki dan wanita. Berdasarkan Laporan Statistik Pemerkasaan Wanita Dalam Domain Terpilih, Malaysia tahun 2024 yang dikeluarkan oleh DOSM, bagi setiap RM100 gaji dan upah yang diterima lelaki, wanita hanya dibayar RM93.80. Indeks Jurang Gender Malaysia tahun 2023 juga merekodkan skor sebanyak 0.719 sahaja bagi indikator Kesaksamaan Gaji dan Upah dalam Pekerjaan Setara di bawah subindeks Peluang dan Penyertaan Ekonomi.

Keseimbangan antara kerja dengan kehidupan keluarga di Malaysia kekal menjadi cabaran. Tiada keutamaan diberikan berhubung dengan ketetapan nisbah waktu bekerja dan beban kerja bagi setiap individu juga memberikan kesan terhadap tahap kesihatan mental dan fizikal pekerja. Malaysia berada pada kedudukan 47 dengan 39.09 peratus daripada 60 negara yang dinilai di bawah laporan *Global Life-Work Balance Index* 2024. Di samping itu, wanita menghabiskan 63.6 peratus lebih banyak masa untuk kerja penjagaan tidak berbayar berbanding lelaki, walaupun kedua-duanya memperuntukkan masa yang hampir sama untuk kerja berbayar. Situasi ini memberikan gambaran berhubung dengan “beban berganda” atau “syif kedua” yang perlu diambil oleh wanita, iaitu mengurus penjagaan dan kerja rumah selepas menyelesaikan “syif pertama” mereka di tempat kerja.

Selain itu, AKF juga penting sebagai alternatif kepada pekerja untuk menangani isu kecemasan khususnya yang melibatkan kesihatan dan keluarga. Laporan KRI menyatakan bahawa 13.0 peratus daripada rakyat yang mengalami kehilangan kesihatan secara tiba-tiba tidak lagi bekerja sepenuh masa dalam tempoh satu tahun. Susulan isu kehilangan kesihatan mengejut tersebut, golongan ini akan beralih kepada pekerjaan sambilan, pengangguran sementara atau keluar sepenuhnya daripada tenaga kerja. Kajian tersebut turut membuktikan wanita lebih cenderung untuk berhenti daripada pekerjaan sepenuh masa disebabkan isu kesihatan yang berlaku secara mengejut.



Potensi industri penjagaan yang belum diterokai sepenuhnya

Malaysia masih dalam usaha untuk membangunkan pelan khusus bagi mengiktiraf industri penjagaan. Berdasarkan Kajian KRI pada tahun 2024, tahap penawaran perkhidmatan penjagaan masih belum dapat memenuhi permintaan sebenar dan kekal tidak seimbang. Kemudahan penjagaan kanak-kanak banyak tertumpu di kawasan bandar, manakala penjagaan jangka panjang untuk warga emas dan OKU yang dipacu oleh sektor swasta masih terhad.

Pembangunan wanita luar bandar yang masih ketinggalan

Kekangan data makro berhubung dengan program pemerkasaan wanita luar bandar menjadi faktor utama kekurangan program khusus kepada golongan wanita di luar bandar, orang asli dan peribumi Sabah dan Sarawak. Situasi ini turut menyukarkan penghasilan purata jurang kesaksamaan antara lelaki dengan wanita luar bandar dan juga pelaksanaan pemberian bantuan kepada golongan terpinggir khususnya, ibu tunggal dan wanita miskin yang tinggal di kawasan terpencil. Terdapat enam kumpulan sasar khusus wanita luar bandar yang dikenal pasti oleh KKDW perlu diberikan tumpuan khusus, iaitu wanita sebagai ketua keluarga yang tinggal di luar bandar, wanita sebagai ketua keluarga dalam kalangan komuniti India, wanita yang mempunyai taraf pendidikan yang rendah dan tidak mempunyai pekerjaan, bercerai, berpisah dan ibu tunggal bergaji rendah serta isi rumah berpendapatan rendah, wanita orang asli dan wanita bercerai yang ditinggalkan tanpa penjagaan keluarga.

Kemiskinan dalam kalangan ketua isi rumah wanita

Data eKasih tahun 2024 merekodkan bahawa 32.5 peratus ketua isi rumah miskin ialah wanita dan 11.5 peratus daripada ketua isi rumah miskin wanita ialah golongan miskin tegar. Laporan Kajian UNICEF tahun 2024 mengenal pasti beberapa cabaran utama yang dihadapi oleh ketua isi rumah berpendapatan rendah. Antaranya ialah kekurangan akses kepada perlindungan dan bantuan sosial serta kualiti kesejahteraan mental yang terjejas.

Bantuan keusahawanan yang kurang efektif


Merujuk Pelan Performalan Usahawan Informal tahun 2023, keusahawanan dalam sektor informal di Malaysia mempunyai potensi yang signifikan dengan menyumbang kira-kira 2.4 peratus hingga 5.3 peratus kepada KDNK negara dan menyediakan peluang pekerjaan kepada 6.3 peratus penduduk. Namun begitu, sektor informal didominasi oleh lelaki sebanyak 55.6 peratus berbanding wanita sebanyak 44.4 peratus. Rangka Tindakan Keusahawanan Sosial Malaysia tahun 2023 melaporkan bahawa antara cabaran yang dihadapi oleh usahawan wanita sedia ada adalah kekangan dari segi kapasiti pasaran, adaptasi teknologi dan pengetahuan untuk meningkatkan skala model perniagaan sedia ada. Wanita yang baru mencebur入 bidang keusahawanan berhadapan dengan isu akses kepada pembiayaan, sokongan perniagaan dan pasaran. Selain itu, usahawan wanita khususnya yang terlibat dalam perniagaan mikro, kecil dan sederhana mengalami kekangan untuk menempatkan produk di pasaran tempatan dan arena antarabangsa.



Hala Tuju

Bidang keutamaan Ekonomi DWN 2025-2030, menasarkan matlamat memperkasakan wanita dari pelbagai lapisan masyarakat dalam semua sektor ekonomi sebagai ejen perubahan dan rakan strategik pembangunan sosioekonomi negara.

Sebanyak tiga keberhasilan dan lima strategi digariskan di bawah bidang keutamaan ini seperti [di Paparan 15](#).





DASAR WANITA NEGARA TAHUN 2025 - 2030

"Memartabat Wanita, Memperkuuh Negara"

PERNYATAAN

Dasar Wanita Negara bertujuan memperkasakan wanita untuk terlibat secara bermakna bagi mencapai potensi mereka sepenuhnya melalui perancangan dan pembangunan yang inklusif ke arah kesaksamaan gender.

BIDANG KEUTAMAAN			
EKONOMI	KEPIMPINAN	KESELAMATAN	KESEJAHTERAAN
MATLAMAT			
Memberdaya wanita dari pelbagai lapisan masyarakat dalam semua sektor ekonomi sebagai ejen perubahan dan rakan strategik pembangunan sosioekonomi negara	Meningkatkan kepimpinan wanita sebagai pembuat keputusan di kedudukan strategik	Membudayakan kesaksamaan gender bagi memperkuuh tahap jaminan keselamatan dan ketenteraman wanita	Memperkuuh kesejahteraan wanita yang inklusif dalam masyarakat
KEBERHASILAN			
<ol style="list-style-type: none">Peningkatan kepada 60 peratus kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruhPeningkatan skor subindeks penyertaan pekerja wanita profesional dan teknikal kepada 0.700 di bawah MGGIPeningkatan 1 juta usahawan wanita berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia menjelang tahun 2030	<ol style="list-style-type: none">Peningkatan sekurang-kurangnya 30 peratus penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan khususnya dalam sektor yang ketinggalan	<ol style="list-style-type: none">Pembangunan Indeks Keselamatan dan Ketenteraman Awam - subindeks wanitaPenglibatan sekurang-kurangnya 10 peratus pertahanan, keselamatan dan ketenteraman awamPengekalan Domain Keselamatan Keluarga dalam Indeks Kesejahteraan Keluarga dalam julat "Sederhana Tinggi" dan ke atas	<ol style="list-style-type: none">Skor Indeks Jurang Gender Malaysia meningkat kepada julat antara 0.690 hingga 1.000Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia berdasarkan genderPengekalan mata Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia dalam julat "Bahagia" dan "Sangat Bahagia"
PEMBOLEH DAYA			
Data Berasaskan Gender	Bajet Responsif Gender	Penilaian Impak Berdasarkan Gender	Audit Gender
Undang-undang	Dasar	Sumber	NGO
Perlembagaan Persekutuan	RMK	Dasar Sosial Negara	SDGs
	CEDAW	Women, Peace And Security	Beijing Declaration

Paparan 15: Sasaran Keberhasilan Bidang Keutamaan Ekonomi



Strategi 1: Meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan

Strategi untuk menarik penglibatan lebih ramai wanita dalam tenaga buruh akan dipergiat melalui program pemadanan kelayakan akademik setara dengan pekerjaan. Selain itu, program wanita kembali bekerja akan dijalankan melalui penetapan khusus program untuk wanita dan advokasi khas kepada wanita yang telah keluar daripada pasaran buruh. Kerajaan juga akan terus memberikan tumpuan kepada meningkatkan penglibatan wanita dalam industri berkemahiran tinggi seperti pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET), Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) serta bidang baharu seperti teknologi hijau, kecerdasan buatan (AI) dan tenaga. Pengukuhan kolaborasi strategik antara Kerajaan dengan sektor swasta akan dilaksanakan bagi menarik bakat-bakat wanita dalam tenaga buruh.

Strategi 2: Mengelarkan wanita dalam sektor pekerjaan

Pembangunan kompetensi dan kemajuan kerjaya wanita dikenal pasti sebagai faktor untuk mengekalkan wanita dalam pasaran kerja. Dalam hubungan ini, Kementerian dan agensi serta syarikat swasta digalakkan untuk menggiatkan program latihan, peningkatan dan pembangunan semula kemahiran tenaga buruh wanita. Kajian dan analisis akan dilaksanakan bagi meneroka idea baharu untuk pembangunan kompetensi pekerja wanita serta hala tuju baharu bakat masa hadapan.

Strategi 3: Memperkuuh ekosistem pekerjaan kondusif

Kerajaan akan terus memantapkan peranan majikan dalam penyediaan ekosistem pekerjaan kondusif. Selain itu, Kerajaan juga akan memperkuuh penyediaan kemudahan sokongan dan tempat kerja yang selamat. Program-program ini merupakan pemangkin ke arah memastikan wanita kembali dan kekal dalam pasaran buruh.

Strategi 4: Memperkuuh penyertaan wanita dalam bidang keusahawanan dan perdagangan antarabangsa

Penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan akan terus diberikan tumpuan khususnya dalam industri mikro, kecil dan sederhana. bagi meningkatkan penglibatan lebih ramai wanita dalam bidang ini, Kerajaan akan memperluas akses peluang dan bimbingan perniagaan kepada usahawan wanita termasuk ibu tunggal dan diaspora wanita. Jaringan kerja peniaga dan usahawan wanita dalam rantaian perniagaan yang diceburi juga akan dipergiat. Di samping itu, penglibatan wanita dalam industri eksport akan dipertingkat. Pemerksaan program pembasmian kemiskinan di kawasan pedalaman dan terpencil khususnya di Sabah dan Sarawak juga akan terus diperkuuh.

Strategi 5: Memastikan keperluan gender diambil kira dalam pengagihan sumber Kerajaan secara saksama

Bagi memantapkan pelaksanaan strategi berunsurkan kesaksamaan gender dalam program dan projek, pelaksanaan Bajet Responsif Gender akan diperkuat dalam proses pemeriksaan belanjawan tahunan. Pelaksanaan bajet responsif gender akan diperluas ke peringkat negeri dan Kerajaan tempatan menerusi pengenalan modul bajet responsif gender dan penyertaan.



A photograph showing three individuals in an office setting. Two people are in the foreground, seen from behind, while a third person is looking down at a document on a desk. In the background, there is a whiteboard with some diagrams and text. A large green plant sits on the desk. The overall atmosphere is professional and focused.

Bidang Keutamaan

Kepimpinan





Keperluan Penetapan Sasaran 30 Peratus

Kadar 30 peratus perwakilan wanita seperti yang disyorkan dan diterima pakai di seluruh dunia adalah berdasarkan perbincangan sekian lama berkenaan Critical Mass Theory oleh para sarjana seperti yang disusun dalam karya Childs dan Krook (2009). Teori ini secara ringkas menerangkan sasaran 30 peratus merujuk kepada satu titik kecukupan perwakilan sub-kumpulan tertentu untuk diberikan perhatian dan mempunyai pengaruh dalam sebarang konstruk sosial yang berkaitan. Dalam kajian ini, konstruk masyarakat yang dimaksudkan adalah berkenaan titik kecukupan kadar wanita sebagai pembuat keputusan di sektor awam, swasta, politik, NGO dan komuniti.

Bukti lain yang menguatkan lagi justifikasi sasaran 30 peratus ini dapat dilihat melalui dapatan empirik kajian Brahma dan Boateng (2021) di mana prestasi kewangan syarikat yang mempunyai lebih daripada 30 peratus eksekutif tertinggi wanita mengatasi syarikat yang tidak mencapai sasaran 30 peratus wanita. Kajian Brahma dan Boateng (2021) mengkaji hubungan antara kepelbagaian gender, sifat wanita dan prestasi kewangan firma senarai FTSE Russell 100 di UK. Dengan berlandaskan Critical Mass Theory yang merujuk kepada kepelbagaian gender (iaitu perwakilan wanita yang mencapai 30 peratus) dalam Lembaga Pengarah, kajian Brahma dan Boateng (2021) merumuskan bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara kepelbagaian gender dan prestasi firma.

Sumber:
30% Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan,
Institut Sosial Malaysia

Bidang Keutamaan Kepimpinan

Pencapaian

Kerajaan menyokong sebarang bentuk usaha meningkatkan penglibatan wanita dalam bidang kepimpinan termasuklah sebagai pembuat keputusan. Dalam hal ini, sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus wanita pada peringkat pembuat keputusan diperkenalkan dalam sektor awam pada 24 Ogos 2004 untuk menangani kekurangan penyertaan wanita pada peringkat Pengurusan Tertinggi. Tindakan afirmatif ini dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Seterusnya, Kerajaan mengumumkan pernyataan dasar 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan ini, diperluas ke sektor swasta pada 27 Jun 2011 namun pelaksanaannya tidaklah diwajibkan. Hanya pada tahun 2022, Kerajaan menetapkan supaya syarikat senaraian awam (*Public Listed Companies* – PLCs) perlu memiliki sekurang-kurangnya seorang ahli wanita dalam Lembaga Pengarah untuk tersenarai di dalam Bursa Malaysia. Ringkasan kronologi pengenalan dasar 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan di Malaysia adalah seperti di **Paparan 16**.



2004	2006	2011	2022
			
<p>30% Wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam</p> <p>Dasar bagi 30% Wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam telah diperkenalkan pada 24 Ogos 2004. Bagi mencapai sasaran tersebut, Gender Focal Points (GFPs) telah dilantik pada tahun yang sama</p>	<p>Pernyataan dasar telah dimasukkan secara rasmi dalam RMK-9</p>	<p>30% Wanita di peringkat pembuat keputusan di sektor swasta</p> <p>Dasar 30% wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor swasta telah diperkenalkan pada 27 Jun 2011 tetapi tidak diwajibkan kepada semua syarikat swasta.</p>	<p><i>Listing Requirements: PLCs perlu ada sekurang-kurangnya seorang ahli wanita dalam Lembaga Pengarah.</i></p> <p>ia telah diperkenalkan pada Januari 2022 dan dikuatkuasakan pada 1 September 2022. Syarikat tersenarai awam perlu melantik sekurang-kurangnya seorang Ahli Lembaga Pengarah daripada kalangan wanita.</p>

Paparan 16: Ringkasan kronologi pengenalan dasar 30 peratus wanita di pembuat keputusan di Malaysia

Wanita di Malaysia secara beransur-ansur mencapai peranan kepimpinan dalam sektor-sektor yang secara tradisinya didominasi oleh lelaki. Wanita juga mula memegang pelbagai jawatan seperti Ketua Hakim Negara, Gabenor Bank Negara, Laksamana Muda Angkatan Tentera, Ketua Audit Negara, Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Ketua Pengarah Kastam, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Ketua Akauntan Negara, Datuk Bandar Kuala Lumpur dan sebagainya. Keadaan ini merupakan suatu peralihan yang jelas ke arah kesaksamaan gender dalam semua bidang industri.

Dalam perkhidmatan awam, 38.9 peratus¹⁵ wanita kini memegang jawatan di Gred Utama C dan ke atas. Bagi bidang kehakiman, sebanyak 39.9 peratus hakim di Badan Kehakiman ialah wanita (59 daripada 148)¹⁶. Sementara itu, di Kehakiman Syariah, 21.2 peratus ialah

hakim wanita (41 daripada 193), satu peningkatan yang signifikan berbanding pada tahun 2010 apabila hanya dua hakim wanita Syariah yang pertama kali dilantik.

Jumlah pegawai wanita dalam perkhidmatan luar negeri Malaysia meningkat secara konsisten sepanjang tahun. Sehingga kini, 45.78 peratus atau 282 wanita telah berkhidmat di Kementerian Luar Negeri. Sebanyak 17.2 peratus (15 daripada 87 orang) Ketua Perwakilan Diplomatik Malaysia adalah wanita. Selain itu, dua wanita Malaysia yang dipilih sebagai Pengarah Eksekutif *UN-Habitat* dan Pengerusi Bersama Kumpulan Kerja III Panel Antara Kerajaan mengenai Perubahan Iklim (IPCC) masing-masing. Dr. Amani binti Salim, wanita Malaysia pertama yang menjadi ketua projek nano satelit *The National Aeronautics and Space Administration* (NASA), membuktikan kewibawaan wanita Malaysia juga diiktiraf di peringkat antarabangsa.

¹⁵ Data Jabatan Perkhidmatan Awam sehingga Disember tahun 2024

¹⁶ Statistik Pemeriksaan Wanita tahun 2024 oleh DOSM



Bagi sektor swasta pula, terdapat peningkatan yang ketara dalam penyertaan wanita sebagai ahli Lembaga Pengarah di 100 syarikat teratas yang tersenarai di Bursa Malaysia, atau *Top 100 PLC*, iaitu daripada 25.5% pada tahun 2021 kepada 32.2% pada 10 Oktober 2024. Statistik ini turut merangkumi syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) yang tersenarai. Sementara itu, bagi syarikat lain pula, peratusan ini turut meningkat daripada 16.9% pada tahun 2021 kepada 25.4% pada tahun 2023.

Impak Terhadap Penarafan Prestasi ESG

Istilah ESG ialah akronim bagi *Environment* (alam sekitar), *Social* (sosial) dan *Governance* (tadbir urus). ESG merupakan piawaian yang perlu dipatuhi oleh syarikat sebagai menunaikan tanggungjawab korporat sosial dan wajib dilaporkan dalam laporan tahunan syarikat. Pematuhan piawaian ESG akan menjadi nilai tambah bagi syarikat-syarikat tersenarai untuk menarik lebih ramai pelabur. Piawaian ESG juga dijadikan panduan pengurusan portfolio pelaburan bagi para pelabur yang cakna akan kebajikan sosial. Kini, Bursa Malaysia juga mempunyai senarai syarikat patuh ESG¹⁷.



Penarafan ESG terhadap PLC dalam FBM EMAS

PENARAFAN ESG	Penilaian Di Kalangan PLC Dalam FBM Emas Yang Telah Dinilai oleh FTSE Russell
★★★★★	25% Teratas oleh Penarafan ESG
★★★★	26% hingga 50% Teratas oleh Penarafan ESG
★★★	51% hingga 75% Teratas oleh Penarafan ESG
★★	25% Terbawah oleh Penarafan ESG

Nota: Penarafan ESG bagi PLC kali terakhir dikemas kini berdasarkan keputusan semakan Jun 2021 di FTSE4Good Bursa Malaysia.

Sumber: Bursa Malaysia, 2022.

Paparan 17: Semak silang prestasi Syarikat Senaraian Awam (PLC) dengan penarafan Environment, Social and Governance (ESG) oleh FTSE Russell

Bursa Malaysia mendapatkan Penarafan ESG (ESG Ratings) melalui kajian yang dibuat oleh FTSE Russell, 2021 yang melibatkan 252 PLC. Syarikat dikategorikan mengikut penarafan satu hingga empat bintang untuk menggambarkan tahap pencapaian prestasi syarikat dalam aspek alam sekitar, sosial dan tadbir urus. Terdapat 300 indikator penilaian yang telah digunakan oleh FTSE Russell untuk menilai prestasi PLC tersebut dan penarafan ESG adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 17*¹⁸.

¹⁷ Kajian 30 peratus wanita di Pembuat Keputusan tahun 2023, Insitut Sosial Malaysia

¹⁸ *ibid*,



AHLI LEMBAGA PENGARAH WANITA	JUMLAH SYARIKAT MENGIKUT TAHAP PENARAFAN (RATING)				
	★	★★	★★★	★★★★	★★★★★
>30% wanita membuat keputusan	10	13	19	33	
<30% wanita membuat keputusan	65	46	40	26	
Jumlah Syarikat (252)	75	59	59	59	
Peratus Syarikat >30% ahli Lembaga Pengarah wanita mengikut tahap penarafan	13%	22%	32%	56%	
Peratus Syarikat >30% ahli Lembaga Pengarah wanita berkadar jumlah keseluruhan syarikat	4%	5%	8%	13%	

Nota: Penarafan adalah berdasarkan metodologi oleh FTSE Russell di 252 syarikat tersenarai awam di Bursa Malaysia.

Sumber: Bursa Malaysia, 2022

Paparan 18: Taburan PLC mengikut tahap penarafan ESG-FTSE Russell, Bursa Malaysia

Hasil dapatan Kajian 30 Peratus Wanita di Pembuat Keputusan menunjukkan bahawa daripada 252 syarikat PLC yang terlibat, bilangan syarikat bertaraf empat bintang yang mempunyai komposisi Ahli Lembaga Pengarah wanita melebihi 30 peratus adalah sebanyak 33 daripada 59 buah syarikat (56 peratus). Sebagai perbandingan, 100 peratus syarikat PLC bertaraf empat bintang di Sweden mencapai komposisi sekurang-kurangnya 30 peratus Ahli Lembaga Pengarah wanita menerusi metodologi penarafan yang sama¹⁹. Perincian adalah seperti di **Paparan 18**.

Pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15), sebanyak 187 calon wanita bertanding, dengan 127 daripada mereka bertanding untuk kerusi Parlimen dan 60 untuk kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di seluruh Malaysia. PRU-15 melakarkan sejarah mencalonkan wanita termuda berumur 23 tahun untuk bertanding bagi kerusi Parlimen dan wanita berumur 21 tahun bagi kerusi Dewan Undangan Negeri.

Keputusan PRU-15 menunjukkan pencapaian yang baik berhubung dengan peningkatan perwakilan wanita dalam politik, iaitu 32 calon wanita berjaya memenangi kerusi Parlimen. Inisiatif seperti Pantau PRU15, yang merupakan gabungan pertubuhan masyarakat sivil, ditubuhkan untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam politik dan memastikan lebih banyak calon wanita dicalonkan oleh parti-parti politik. Situasi ini menunjukkan wanita muda mula bergiat aktif melibatkan diri dalam arena politik.

Portfolio Menteri yang lazimnya disandang oleh lelaki, dipertanggungjawabkan kepada wanita berdasarkan merit individu. Antaranya, Timbalan Perdana Menteri (2018), Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (2018), Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (2018), Menteri Pembangunan Luar Bandar (2018), Menteri Pengajian Tinggi (2020), Menteri Peladangan dan Komoditi (2020), Menteri Pendidikan (2022) serta Menteri Kesihatan (2022). Wanita juga pernah dilantik kali pertama sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara (2009) dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (2020). Pada tahun 2024, peratusan wanita memegang jawatan sebagai Menteri adalah 16.1 peratus (5 daripada 31), manakala 27.6 peratus (8 daripada 29) memegang jawatan Timbalan Menteri.

¹⁹ ibid,



Sarawak ialah satu-satunya negeri yang mempunyai Kementerian khusus, iaitu Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti. Pada peringkat Kerajaan Negeri lain, sebanyak 10 negeri mempunyai Jawatankuasa atau Exco khusus berkaitan dengan kesejahteraan wanita kecuali Pulau Pinang dan Sabah. Namun demikian, isu kebijakan wanita di Pulau Pinang adalah di bawah portfolio Exco Jawatankuasa Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam. Bagi Sabah, kebijakan wanita adalah di bawah Majlis Penasihat Wanita Sabah.

Di peringkat luar bandar, KKDW giat melaksanakan latihan kepimpinan dalam kalangan wanita Orang Asli di negeri Pahang, Johor, Negeri Sembilan, Perak, Selangor dan Kelantan. Seramai 175 orang wanita Orang Asli telah menjalani Kursus Kepimpinan Belia dan Wanita tahun 2024 dan seramai 117 orang wanita Orang Asli telah terlibat secara aktif di dalam Majlis Perhimpunan Perdana Batin dan JPKKOA Tahun 2024.

Peningkatan penglibatan wanita sebagai ahli parlimen, menteri, pengurusan tertinggi Kerajaan dan lembaga pengarah PLC sedikit sebanyak memperlihat kejayaan Kerajaan memperjuangkan agenda kesaksamaan peluang dan keadilan hak tanpa mengira gender.

Cabaran

Tahap penglibatan wanita berkaliber yang kurang strategik dan rendah

Walaupun wanita menunjukkan pencapaian pendidikan lebih baik berbanding lelaki dengan skor 1.067, perkara ini tidak diterjemahkan dalam penguasaan kepimpinan. Pada tahun 2024, hanya lima orang wanita dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan di Malaysia. Oleh itu, masih banyak usaha perlu dilakukan untuk memastikan keseimbangan gender dalam kedudukan pembuatan keputusan dan politik menuju sasaran yang lebih memuaskan dan dicapai dengan lebih menyeluruh.

Berdasarkan statistik daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), sehingga 31 Disember 2022, bilangan wanita di Pengurusan Tertinggi bagi gred JUSA C dan ke atas, paling banyak adalah di Sarawak dan Sabah, iaitu seramai 29 orang manakala paling sedikit adalah di Perlis, iaitu hanya lima orang. Kadar Pengurusan Tertinggi wanita dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Sarawak adalah yang tertinggi, iaitu sebanyak 27.6 peratus (lapan daripada 29 orang) diikuti oleh pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka, iaitu 27.3 peratus (tiga daripada 11 orang). Terdapat empat negeri, iaitu Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu dikenal pasti tidak mempunyai wakil Pengurusan Tertinggi wanita.

Secara keseluruhannya, hanya 7.9 peratus PBT mempunyai Datuk Bandar atau Yang Dipertua wanita (12 daripada 151) seperti yang ditunjukkan dalam **Paparan 19**.



Stigma kepimpinan berdasarkan gender yang menebal

Kajian akademik mendapati bahawa antara faktor yang mempengaruhi pemilihan wanita sebagai pemimpin organisasi ialah kefahaman yang cetek dan kesedaran yang kurang berhubung dengan keperluan kepimpinan wanita. Kajian Women's Aid Organization (WAO) 2021 melaporkan bahawa 27.2 peratus responden menunjukkan sikap yang secara terang-terangan merendahkan keupayaan wanita sebagai pembuat keputusan wanita di tempat kerja, dalam bidang politik dan komuniti. Kajian tersebut turut mendapati bahawa lelaki dua kali lebih cenderung untuk memegang sikap yang merendahkan wanita dalam kehidupan awam, berbanding rakan sejawat wanita. Kenyataan ini disokong oleh Kajian KANITA 2023 yang mendapati bahawa 62 peratus responden wanita tidak bersetuju bahawa orang lelaki ialah pemimpin yang lebih baik berbanding wanita.

NEGERI	BILANGAN DATUK BANDAR / YANG DIPERTUA			
	Lelaki	Wanita	Jumlah	Peratus Wanita
Johor	15	1	16	6%
Kedah	11	0	11	0%
Kelantan	12	0	12	0%
Melaka	3	1	4	25%
Negeri Sembilan	7	0	7	0%
Pahang	8	3	11	27%
Perak	14	0	15	0%
Perlis	1	0	1	0%
Pulau Pinang	2	0	2	0%
Sabah	21	2	26	8%
Sarawak	23	3	26	12%
Selangor	10	2	12	17%
Terengganu	7	0	7	0%
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	1	0	1	0%
Jumlah	135	12	151	8%

Paparan 19: Taburan Bilangan Datuk Bandar / Yang DiPertua Pihak Berkuasa Tempatan berdasarkan Gender

Wanita yang terpilih sebagai ahli majlis pihak berkuasa tempatan di seluruh Malaysia hanya berada pada tahap 17.8 peratus, iaitu hanya 633 wanita daripada 3,550 ahli majlis PBT. Penyertaan wanita yang terendah adalah di negeri Terengganu (10.34 peratus), Kelantan (12.55 peratus) dan Sabah (13.89 peratus). Namun begitu, negeri Perlis berjaya mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus²⁰.

Tahap penglibatan wanita dalam politik yang mendatar

Pencapaian wanita Malaysia dalam kedudukan pembuatan keputusan dan dalam politik masih kurang memuaskan. Secara amnya, Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat bagi setiap PRU tidak pernah mencapai 30.0 peratus. Peratus tertinggi wanita yang dilantik sebagai Ahli Dewan Negara adalah pada PRU12 iaitu 28.8 peratus. Sehingga 25 November 2024, peratusan tersebut didapati telah menurun kepada 16.7 peratus atau sembilan daripada keseluruhan 54 Ahli Dewan Negara bagi PRU15. Laporan Kajian 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan merekodkan daripada 20 parti yang bertanding pada PRU15, hanya dua parti yang melepassi sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus pencalonan wanita, iaitu Parti Bangsa Malaysia (PBM) sebanyak 42.9 peratus dan Parti Bangsa Dayak Sarawak (PBDS) sebanyak 33.3 peratus. Perincian adalah seperti di **Lampiran 5**. Suara wanita di Parlimen adalah penting untuk memberikan kesan domino yang akan memastikan hak dan keperluan golongan wanita dapat didengari bukan hanya pada peringkat parlimen, malah pada pelbagai peringkat Kerajaan, industri, sektor dan komuniti.

²⁰ Statistik Pemerkasaan Wanita, Domain Terpilih tahun 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia



Antara cabaran utama yang mengekang pencapaian wanita dalam politik ialah budaya berorganisasi di Malaysia termasuk sistem politik yang masih dipengaruhi sistem patriaki. Hal ini disokong oleh Kajian KANITA 2023, iaitu 50 peratus responden lelaki tidak menyokong isteri mereka menjadi pemimpin politik. Halangan kepada peningkatan perwakilan wanita dalam politik juga berpunca daripada kuasa pemilihan oleh Majlis Tertinggi Parti Politik. Selain itu, calon wanita juga menghadapi situasi yang lebih mencabar termasuk kes keganasan, gangguan seksual, buli siber dan seksisme.

Misogini dan Kenyataan Berbaur Seksis di Parlimen

Dalam konteks Malaysia terdapat insiden misogini dan kenyataan berbaur seksis berlaku. Pada tahun 2021, terdapat perbahasan yang menekankan supaya isu misogini dan normalisasi gangguan seksual sebagai gurauan diberikan perhatian serius dan tindakan punitif yang lebih berat kepada ahli parlimen yang terlibat²¹. Pada tahun 2023, terdapat satu kes yang diselesaikan dengan hanya permohonan maaf sahaja²². Kaedah penyelesaian ini boleh menyebabkan isu misogini dan kenyataan berbaur seksis berisiko untuk terus berulang walaupun larangannya telah diperuntukkan di bawah Peraturan Mesyuarat Parlimen.

Tahap kefahaman rendah dalam kalangan GFP dan GFT

Berdasarkan Kajian KANITA 2023, peranan Gender Focal Point (GFP) dan Gender Focal Team (GFT) yang kurang jelas menyebabkan gerak kerja mengarusperdanakan gender tidak berimpak tinggi. Pertukaran pegawai, terma rujukan yang kurang komprehensif dan kekurangan latihan kepimpinan yang relevan menyebabkan fungsi pasukan tersebut tidak dioptimumkan pada peringkat kementerian dan agensi masing-masing.

Hala Tuju

Bidang keutamaan Kepimpinan DWN 2025-2030, menyasarkan matlamat untuk meningkatkan kepimpinan wanita sebagai pembuat keputusan di kedudukan strategik. Sebanyak satu keberhasilan dan lima strategi telah digariskan di bawah bidang keutamaan ini seperti yang dipaparkan di Paparan 20.



²¹ <https://www.sinarharian.com.my/article/93723/berita/nasional/kenyataan-berunsur-kesat-seksis-di-parlimen-memalukan>

²² <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1169608/tak-mahu-pakai-apa-apa-pun-tak-apa-ayat-seksis-mp-langkawi-cetus>



DASAR WANITA NEGARA TAHUN 2025 - 2030

"Memartabat Wanita, Memperkuuh Negara"

PERNYATAAN

Dasar Wanita Negara bertujuan memperkasakan wanita untuk terlibat secara bermakna bagi mencapai potensi mereka sepenuhnya melalui perancangan dan pembangunan yang inklusif ke arah kesaksamaan gender.

BIDANG KEUTAMAAN			
EKONOMI	KEPIMPINAN	KESELAMATAN	KESEJAHTERAAN
MATLAMAT			
Memberdaya wanita dari pelbagai lapisan masyarakat dalam semua sektor ekonomi sebagai ejen perubahan dan rakan strategik pembangunan sosioekonomi negara	Meningkatkan kepimpinan wanita sebagai pembuat keputusan di kedudukan strategik	Membudayakan kesaksamaan gender bagi memperkuuh tahap jaminan keselamatan dan ketenteraman wanita	Memperkuuh kesejahteraan wanita yang inklusif dalam masyarakat
KEBERHASILAN			
<ol style="list-style-type: none">Peningkatan kepada 60 peratus kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruhPeningkatan skor subindeks penyertaan pekerja wanita profesional dan teknikal kepada 0.700 di bawah MGGIPeningkatan 1 juta usahawan wanita berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia menjelang tahun 2030	<ol style="list-style-type: none">Peningkatan sekurang-kurangnya 30 peratus penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan khususnya dalam sektor yang ketinggalan	<ol style="list-style-type: none">Pembangunan Indeks Keselamatan dan Ketenteraman Awam - subindeks wanitaPenglibatan sekurang-kurangnya 10 peratus pertahanan, keselamatan dan ketenteraman awamPengekalan Domain Keselamatan Keluarga dalam Indeks Kesejahteraan Keluarga dalam julat "Sederhana Tinggi" dan ke atas	<ol style="list-style-type: none">Skor Indeks Jurang Gender Malaysia meningkat kepada julat antara 0.690 hingga 1.000Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia berdasarkan genderPengekalan mata Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia dalam julat "Bahagia" dan "Sangat Bahagia"
PEMBOLEH DAYA			
Data Berdasarkan Gender	Bajet Responsif Gender	Penilaian Impak Berdasarkan Gender	Audit Gender
Undang-undang	Dasar	Sumber	NGO
Perlembagaan Persekutuan	RMK	Dasar Sosial Negara	SDGs
	CEDAW	Women, Peace And Security	Beijing Declaration

Paparan 20: Sasaran Keberhasilan Bidang Keutamaan Kepimpinan



Strategi 1 : Memperkuuh mekanisme Kerajaan bagi memperkasakan kepimpinan wanita

Jentera Kerajaan merupakan antara instrumen penting bagi memastikan kejayaan pelaksanaan dasar untuk menarik penglibatan lebih ramai wanita dalam bidang kepimpinan. Kolaborasi strategik sektor awam dan swasta yang menyumbang ke arah pemantapan kualiti dan kuantiti kepimpinan wanita akan terus dipertingkat. Usaha mengarusperdanakan gender akan terus dipergiat melalui pengukuhan pegawai dan platform sedia ada. Pelaksanaan aktiviti atau program untuk meningkatkan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan akan terus digandakan.

Strategi 2 : Membangunkan barisan pemimpin pelapis dalam pelbagai sektor

Pembangunan barisan pemimpin pelapis dalam pelbagai sektor merupakan strategi yang penting bagi memastikan pelaksanaan dasar sekurang-kurangnya 30 peratus wanita pada peringkat pembuat keputusan adalah kekal berterusan. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan terus melaksanakan program bimbingan kepimpinan dan memperkasakan jaringan kerja pemimpin wanita dalam pelbagai sektor. Usaha bagi menonjolkan kepimpinan wanita pada peringkat antarabangsa akan diperkenalkan menerusi program pembangunan kapasiti.

Strategi 3 : Meningkatkan kemahiran kepimpinan wanita dalam pelbagai sektor

Usaha untuk meningkatkan kemahiran kepimpinan wanita dalam pelbagai sektor adalah penting bagi melahirkan lebih ramai pemimpin wanita yang berkualiti dan memberikan impak kepada perubahan sosial masyarakat. Sehubungan dengan itu, kualiti kepimpinan wanita akan diperkuuh melalui latihan dan program berkaitan. Selain itu, nilai kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman (DEI) dalam sektor awam dan swasta akan dimantapkan. Kepimpinan wanita pada peringkat negeri sehingga peringkat kampung juga akan diperkasakan.

Strategi 4 : Mengaplikasikan strategi *behavioural insights* bagi menyokong kepimpinan politik wanita

Strategi *behavioural insights* merupakan satu pendekatan yang mengambil kira tabiat dan cara hidup kumpulan sasar sebelum merancang anjakan paradigma atau mempengaruhi cara berfikir mereka. Memahami stigma majoriti pengundi yang masih kurang yakin terhadap keupayaan ahli politik wanita, Kerajaan akan menggiatkan usaha untuk mempromosikan tokoh dan keberkesanan pemimpin wanita sebagai ahli politik. Gerak kerja ini adalah penting bagi memperkasakan imej kepimpinan politik wanita sekali gus meningkatkan tahap kepercayaan masyarakat kepada mereka.



Strategi 5 : Membangunkan polisi bagi menambah baik penglibatan wanita dalam politik

Peningkatan penyertaan wanita dalam politik adalah signifikan bagi memastikan suara wanita didengari dalam pembangunan negara. Sehubungan dengan itu, usaha untuk memperkasa dan meningkatkan perwakilan wanita di dalam Parlimen akan dipergiat. Kefahaman berkaitan dengan kepentingan elemen kepelbagaian, kesaksamaan

dan inklusif (DEI) dalam sesebuah perwakilan juga akan diterapkan dalam kalangan ahli parlimen dan ahli Dewan Undangan Negeri. Kerajaan juga akan memberikan penekanan khusus untuk melahirkan lebih ramai kepimpinan politik wanita muda yang berwibawa sebagai pelapis kepimpinan pada masa hadapan menerusi penubuhan sebuah hub kepimpinan wanita.





Bidang Keutamaan

Keselamatan





Bidang Keutamaan: Keselamatan

Pencapaian

Berdasarkan Indeks Keamanan Global (GPI) tahun 2024, Malaysia kini menduduki tempat ke-10 sebagai salah satu negara paling aman di dunia berbanding tahun 2023, pada tangga ke-19. Pencapaian ini sangat membanggakan berbanding negara ASEAN lain seperti Vietnam (41), Indonesia (48), Laos (49), Kemboja (70) dan Thailand (75). Bagi rantau Asia Pasifik pula, Malaysia berada di tangga ketiga negara paling aman dengan kedudukan pertama ialah New Zealand dan kedua ialah Singapura, manakala tempat keempat ialah Jepun dan kelima Australia.

Selain itu, kedudukan Malaysia dalam Laporan Pemerdagangan Orang (TIP) juga menunjukkan perkembangan positif, iaitu meningkat daripada Tier 3 kepada Tier 2 pada tahun 2024. Di bawah laporan yang sama, Malaysia juga disenaraikan sebagai salah satu daripada lima negara paling aman dalam domain konflik berterusan dan ketiga terbaik dalam domain ketenteraan.

Komitmen Kerajaan yang berterusan dalam keselamatan juga dilihat menerusi pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga sebanyak dua kali, iaitu pada tahun 2012 dan 2017. Di bawah pindaan tersebut, akta ini telah meluaskan takrifan keganasan rumah tangga bagi meliputi kecederaan emosi, penderaan mental dan psikologi. Peluasan takrifan ini membolehkan tuntutan pampasan bagi penderaan psikologi dan kecederaan emosi serta memudahkan permohonan perintah perlindungan. Selain itu, pindaan ini juga telah membenarkan keganasan rumah tangga ditakrifkan sebagai kesalahan yang boleh tangkap. Di bawah pindaan kali kedua, iaitu pada tahun 2017, perlindungan ke atas mangsa keganasan rumah tangga telah diperkasakan melalui pengenalan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) dan penambahaikan Perintah Perlindungan Interim (IPO), Perintah Perlindungan (PO) atau penempatan sementara di tempat selamat yang diluluskan oleh Menteri.

Pada tahun 2013, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mewujudkan unit khas AMANITA (*Peace Lady*) bagi mengoptimumkan peranan wanita, terutamanya suri rumah, dalam usaha pencegahan jenayah. Seramai 167 pegawai kanan wanita telah dilantik sebagai “*Peace Lady*” di seluruh negara untuk menyelaras program ini.



Skuad Waja berperanan sebagai sukarelawan dalam komuniti dan “first responder” dalam usaha menangani sebarang bentuk keganasan terhadap wanita. Sejak penubuhan pada tahun 2021 hingga bulan Oktober 2024, jumlah keseluruhan ahli Skuad Waja adalah 337,958 orang, dengan penglibatan seramai 75,910 orang lelaki.

Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840] diperkenalkan untuk melindungi lelaki dan wanita daripada gangguan seksual. Akta ini menyediakan platform alternatif melalui penubuhan tribunal khas bagi mempercepatkan proses pengendalian aduan gangguan seksual dan pemberian pampasan atau ganti rugi kepada mangsa. Award kes pertama, iaitu perintah mohon maaf telah dikenakan kepada pelaku pada tahun 2024.

Bagi isu keselamatan siber, Jabatan Perdana Menteri melalui Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) sentiasa proaktif melaksanakan program keselamatan siber kepada semua lapisan masyarakat termasuk wanita. Mengambil kira, wanita lebih berisiko untuk menerima ancaman siber, NACSA akan mengadakan program *Women in Cyber* pada setiap tahun.

Setakat tahun 2023, sebanyak 13.8 peratus anggota PDRM adalah terdiri dari wanita dan melebihi sasaran sekurang-kurangnya 10 peratus dalam Kertas Putih Pertahanan. Berdasarkan pelaporan Statistik Pemerkasaan Wanita tahun 2024, sebanyak 8.0 peratus wanita terlibat dalam Angkatan Tentera Malaysia dengan pecahan tentera darat 7.6 peratus, tentera laut 11.4 peratus dan tentera udara 6.5 peratus. Malaysia antara negara terbesar menyumbang bilangan anggota kepada misi pengaman PBB, melibatkan 859 pegawai dan anggota termasuk 98 wanita dalam lima misi pengaman PBB di Lubnan, Sahara Barat, Wilayah Abyei, Sudan Selatan dan Congo.

Pencapaian Malaysia dalam sektor keselamatan adalah hasil daripada usaha berterusan pelbagai pihak, termasuk Kerajaan, agensi penguatkuasaan dan masyarakat. Kedudukan yang baik dalam indeks antarabangsa bukan sahaja mencerminkan keadaan dalam negara, tetapi juga menjadi daya tarikan kepada pelabur asing, sekali gus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.


Cabaran

Peningkatan Jenayah Indeks

Jenayah Indeks yang merangkumi jenayah kekerasan dan harta benda pada 2023 meningkat 3.2 peratus kepada 52,444 kes berbanding 50,813 kes pada 2022. Jenayah kekerasan dan harta benda masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 1.0 peratus dan 3.8 peratus kepada 10,453 kes dan 41,991 kes pada 2023.

Peningkatan kes keganasan dan ancaman terhadap wanita

Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan pada tahun 2023 adalah sebanyak 4,663 kes. Walau bagaimanapun, Laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) Kesihatan Ibu dan Anak, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tahun 2022 melaporkan hampir 500,000 wanita di Malaysia telah mengalami keganasan oleh pasangan mereka. Perbezaan pelaporan ini memberikan isyarat bahawa terdapat kemungkinan masih ramai mangsa masih berasa tidak selamat untuk melaporkan kes yang dialami kepada pihak berkuasa yang berkaitan. Berdasarkan kepada data Polis DiRaja Malaysia tahun 2024, suri rumah dan wanita yang menganggur merupakan mangsa keganasan rumah tangga paling tinggi seperti di **Paparan 21**.



PERINCIAN

- Isteri
- Ibu/Bapa
- Adik Tiri
- Abang/Kakak
- Anak
- Bekas Isteri

MANGSA WANITA	BIL. KES
Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga	2,448
Menganggur	859
Pegawai Swasta	345
Kakitangan Swasta	320
Profesional	189
Masih belajar	96
Kakitangan Kerajaan	58
Penjaja	49
Sudah Bersara	45
Pekebun/ Peladang/ Nelayan/ Petani	22
Anggota Polis	13
Buruh	12
Pegawai Polis	2
Anggota Tentera	2

MANGSA LELAKI	BIL. KES
Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga	165
Menganggur	148
Masih Belajar	105
Buruh	99
Kakitangan Swasta	98
Sudah Bersara	96
Pekebun/ Peladang/ Nelayan/ Petani	78
Profesional	72
Pegawai Swasta	59
Kakitangan Kerajaan	35
Penjaja	28
Anggota Polis	6
Pegawai Polis	2
Anggota Tentera	2

Paparan 21: Statistik mangsa keeganasan rumah tangga mengikut jantina dan kategori



Berdasarkan rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat tahun 2024, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Pahang merupakan tiga negeri yang mencatatkan kes keganasan rumah tangga paling tinggi. Daripada 512 kes yang direkodkan, kes yang melibatkan etnik Melayu adalah sebanyak 62.1 peratus, diikuti India 15.8 peratus dan Cina 9.4 peratus. 93.9 peratus mangsa adalah wanita. Tiga punca utama yang dikenal pasti merupakan faktor pencetus keganasan rumah tangga adalah perselisihan faham, pelaku seorang yang panas baran dan pelaku seorang penagih dадah²³.

Statistik Jenayah Malaysia 2023 merekodkan, bilangan kes jenayah seksual pada peringkat nasional meningkat 2.9 peratus pada 2022 dengan 3,303 kes berbanding 3,209 kes pada tahun 2021. Kes rogol pula mencatatkan peratus peningkatan tertinggi pada tahun 2022, iaitu 9.6 peratus. Kajian Pemahaman dan Pengalaman Gangguan Seksual dalam Kalangan Masyarakat Malaysia yang dijalankan oleh KPWKM mendapati bahawa 44.4 peratus gangguan seksual berlaku di tempat awam seperti pengangkutan awam dan sekolah.

Berdasarkan rekod daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, hampir 10,000 kes aduan buli siber diterima sejak tahun 2022. Pada tahun 2024, hampir 4,000 kes diterima dalam tempoh tujuh bulan. Daripada jumlah tersebut, medium Facebook dikesan paling tinggi berlaku kes buli siber, diikuti aplikasi WhatsApp dan Instagram. Wanita dikenal pasti paling ramai menjadi mangsa jenayah buli siber. Selangor merekodkan jumlah kes buli tertinggi, diikuti Kuala Lumpur dan Johor.

Tahap kefahaman lelaki yang membimbangkan terhadap keganasan terhadap wanita

Dalam usaha menangani isu keganasan terhadap wanita, kesedaran dan sokongan kaum lelaki adalah penting untuk membangunkan persekitaran komuniti yang sihat dan harmoni. Walau bagaimanapun, kajian IPSOS Malaysia pada tahun 2022, melaporkan dapatan, iaitu 50.0 peratus responden lelaki dan 48.0 peratus responden wanita bersetuju bahawa keganasan terhadap wanita adalah berpunca daripada provokasi mangsa sendiri. Situasi ini boleh menyebabkan mangsa mengalami dilema untuk melaporkan kes.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa usaha pendidikan sivik oleh pelbagai pihak perlu digiatkan dengan lebih strategik bagi meningkatkan kesedaran terhadap salah faham tersebut.

Kurang penekanan terhadap penglibatan wanita dalam sektor pertahanan, keselamatan dan ketenteraman awam

Kekurangan data bersepadan khusus berkaitan penglibatan wanita dalam sektor kecemasan, keselamatan dan ketenteraman awam kekal menjadi cabaran. Berdasarkan kajian akademik, jumlah anggota Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) dalam kalangan wanita juga masih rendah dan perlu ditingkatkan untuk membantu golongan seperti ibu mengandung dan wanita yang lain ketika musibah. Ketiadaan pelan strategik khusus bagi menganalisis jurang keperluan, mengurus penglibatan dan memantau kebijakan wanita dalam sektor ini menyukarkan koordinasi dan pelaksanaan inisiatif WPS dengan lebih efisien.

²³ Sumber rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat tahun 2024

Hala Tuju

Bidang keutamaan Keselamatan DWN tahun 2025-2030, mensasarkan matlamat untuk membudayakan kesaksamaan gender bagi memperkuuh tahap jaminan keselamatan dan ketenteraman wanita. Sebanyak tiga keberhasilan dan lima strategi telah digariskan di bawah bidang keutamaan ini seperti di Paparan 22.





DASAR WANITA NEGARA TAHUN 2025 - 2030

"Memartabat Wanita, Memperkuuh Negara"

PERNYATAAN

Dasar Wanita Negara bertujuan memperkasakan wanita untuk terlibat secara bermakna bagi mencapai potensi mereka sepenuhnya melalui perancangan dan pembangunan yang inklusif ke arah kesaksamaan gender.

BIDANG KEUTAMAAN			
EKONOMI	KEPIMPINAN	KESELAMATAN	KESEJAHTERAAN
MATLAMAT			
Memberdaya wanita dari pelbagai lapisan masyarakat dalam semua sektor ekonomi sebagai ejen perubahan dan rakan strategik pembangunan sosioekonomi negara	Meningkatkan kepimpinan wanita sebagai pembuat keputusan di kedudukan strategik	Membudayakan kesaksamaan gender bagi memperkuuh tahap jaminan keselamatan dan ketenteraman wanita	Memperkuuh kesejahteraan wanita yang inklusif dalam masyarakat
KEBERHASILAN			
<ol style="list-style-type: none">Peningkatan kepada 60 peratus kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruhPeningkatan skor subindeks penyertaan pekerja wanita profesional dan teknikal kepada 0.700 di bawah MGGIPeningkatan 1 juta usahawan wanita berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia menjelang tahun 2030	<ol style="list-style-type: none">Peningkatan sekurang-kurangnya 30 peratus penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan khususnya dalam sektor yang ketinggalan	<ol style="list-style-type: none">Pembangunan Indeks Keselamatan dan Ketenteraman Awam - subindeks wanitaPenglibatan sekurang-kurangnya 10 peratus pertahanan, keselamatan dan ketenteraman awamPengekalan Domain Keselamatan Keluarga dalam Indeks Kesejahteraan Keluarga dalam julat "Sederhana Tinggi" dan ke atas	<ol style="list-style-type: none">Skor Indeks Jurang Gender Malaysia meningkat kepada julat antara 0.690 hingga 1.000Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia berdasarkan genderPengekalan mata Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia dalam julat "Bahagia" dan "Sangat Bahagia"
PEMBOLEH DAYA			
Data Berasaskan Gender	Bajet Responsif Gender	Penilaian Impak Berdasarkan Gender	Audit Gender
Undang-undang	Dasar	Sumber	NGO
Perlembagaan Persekutuan	RMK	Dasar Sosial Negara	SDGs
	CEDAW	Women, Peace And Security	Beijing Declaration

Paparan 22: Sasaran Keberhasilan Bidang Keutamaan Keselamatan



Strategi 1: Menambah baik pelaksanaan dasar berkaitan dengan keganasan terhadap wanita

Indeks Keselamatan dan Ketenteraman Awam akan ditambah baik melalui pengenalan subindeks berkaitan dengan keselamatan wanita. Selain itu, akta berkaitan keselamatan wanita akan diteliti dan disemak berdasarkan keperluan. Perlindungan sosial wanita akan turut diperluas supaya meliputi mangsa keganasan rumah tangga. Penyampaian perkhidmatan berkaitan dengan keganasan terhadap wanita melibatkan pegawai, *community of practice* dan bantuan sokongan lain akan diperkuuh. Pelaksanaan advokasi penghapusan keganasan terhadap wanita akan dipertingkat sepanjang pelaksanaan dasar ini.

Strategi 2: Mempertingkat tahap keselamatan dan ketenteraman awam bagi tujuan keselamatan wanita

Peranan pelbagai pihak khususnya MCMC dan NGO dalam menangani isu keselamatan dan ketenteraman awam akan diperkasa. Selain itu, sistem maklumat bersepdu bagi pengesahan pesalah laku seksual dan keganasan terhadap wanita akan dibangunkan bagi menambah baik pemantauan dan penyampaian perkhidmatan. Advokasi untuk menyebar luas maklumat berkaitan perkhidmatan PBT dan PDRM kepada masyarakat umum akan dipertingkat.

Strategi 3: Memupuk budaya selamat dan hormat terhadap wanita dalam masyarakat

Penerapan nilai menghormati wanita dalam pelbagai konteks adalah sangat penting, terutama berhubung dengan pembangunan masyarakat yang peka gender. Selain itu, usaha untuk memupuk budaya selamat dan hormat terhadap wanita dalam masyarakat akan terus diperkuuh di semua peringkat umur dan institusi termasuk parlimen. Melalui usaha ini keselamatan wanita akan terus terpelihara dan terjamin.

Strategi 4: Meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pertahanan, keselamatan dan ketenteraman awam

Kerajaan menyedari kepentingan penglibatan wanita dalam memperkuuhkan sektor pertahanan, keselamatan dan ketenteraman awam. Justeru, Kerajaan akan mempergiatkan usaha untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam ketiga-tiga sektor tersebut. Strategi ini akan dilaksanakan secara berterusan sehingga mencapai matlamat yang disasarkan.



EMPAT TONGGAK RESOLUSI 1325 WPS

Strategi 5: Memantau pelaksanaan inisiatif strategik yang digariskan di bawah Pelan Tindakan Nasional Keamanan dan Ketenteraman untuk Wanita (WPS)

Isu keamanan dan keselamatan wanita sentiasa menjadi fokus utama Kerajaan. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan membangunkan satu pelan tindakan khusus di peringkat nasional. Usaha ini adalah selari dengan Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSCR) 1325 berkaitan dengan Keamanan dan Ketenteraman untuk Wanita seperti di Paparan 23.



PERLINDUNGAN

Perlindungan wanita dan gadis daripada keganasan seksual dan berdasarkan jantina, termasuk dalam situasi kecemasan dan kemanusiaan, seperti di kem pelarian.



PENYERTAAN

Peningkatan penyertaan wanita di semua peringkat pembuatan keputusan yang berkaitan dengan keamanan dan keselamatan, termasuk dalam institusi nasional, serantau, dan antarabangsa; dalam mekanisme untuk pencegahan, pengurusan, dan penyelesaian konflik; dalam perundingan damai; dalam operasi keamanan, sebagai tentera, polis, dan orang awam; dan sebagai wakil khas Setiausaha Agung PBB.



PENCEGAHAN

Menambah baik strategi bagi mencegah keganasan terhadap wanita, termasuk mendakwa mereka yang bertanggungjawab atas pelanggaran undang-undang antarabangsa, mengukuhkan hak-hak wanita di bawah undang-undang negara, dan menyokong inisiatif keamanan wanita tempatan serta proses penyelesaian konflik.



BANTUAN DAN PEMULIHAN

Kemajuan langkah-langkah bantuan dan pemulihan bagi menangani krisis antarabangsa melalui perspektif jantina. Ini termasuk menghormati hak umum dan kemanusiaan kem pelarian serta mengambil kira keperluan khusus wanita dan gadis dalam reka bentuk kem dan penempatan tersebut.

Sumber: UN Security Council Resolution 1325

Paparan 23: Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSCR) 1325 berkaitan dengan Keamanan dan Ketenteraman untuk Wanita

A photograph of a woman with glasses and a bindi, smiling broadly. She is wearing a light-colored sari. Behind her are large green leaves, possibly from a banana plant. The background is slightly blurred.

Bidang Keutamaan

Kesejahteraan





Bidang Keutamaan: Kesejahteraan

Pencapaian

Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (MHI) 2021 menunjukkan wanita lebih bahagia berbanding lelaki. Terdapat sembilan daripada 13 komponen di mana wanita mempunyai skor lebih tinggi, iaitu keluarga (7.25), penyertaan sosial (6.46), kesihatan (6.78), kemudahan komunikasi (6.14), pendidikan (6.35), pendapatan (6.07), penggunaan masa (6.74), amalan kerohanian (7.26) dan kebudayaan (6.25). Selebihnya tiga komponen lain iaitu persekitaran kerja (6.31), keselamatan awam (6.28) dan pengamalan emosi (6.16) menunjukkan skor indeks kebahagiaan lelaki melebihi wanita. Manakala, komponen perumahan dan alam sekitar (6.39) merekodkan skor yang sama bagi kedua-dua jantina.

Rakyat Malaysia khususnya memperoleh lebih banyak kepuasan daripada hubungan kekeluargaan berbanding negara lain. Sebanyak 42 peratus rakyat Malaysia berpuas hati dengan situasi sosial dan politik di negara ini berbanding purata global 39 peratus, manakala 50 peratus rakyat Malaysia berpuas hati dengan keadaan ekonomi negara, lebih tinggi berbanding purata global 40 peratus.

Di bawah Parlimen ke-15, satu Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat yang dianggotai oleh 9 orang ahli Parlimen telah dibentuk. Jawatankuasa ini berfungsi untuk meneliti rang undang-undang serta menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang berkaitan dengan hal ehwal wanita, kanak-kanak, belia, orang kurang upaya, orang asli dan pembangunan masyarakat di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perpaduan Negara dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah serta agensi-agensi di bawahnya.

Kementerian Perpaduan Negara melaksanakan pebagai program bagi meningkatkan kesedaran mengenai Kesaksamaan Gender. Antara program yang dilaksanakan adalah Podcast Bicara Harmoni secara bersiri melibatkan pemimpin komuniti serta pemimpin NGO agama yang terdiri daripada kedua-dua gender, program Diskusi Perpaduan: Chit Chat Belia Madani, Kem Anak Malaysia, Jelajah Belia Rukun Negara dan Eksplorasi Rukun Negara. Selain itu, bagi menggalakkan penyertaan dan kesaksamaan gender juga, Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional telah menguatkuasakan kuota wajib 30 peratus wanita sebagai ahli jawatankuasa Rukun Tetangga menerusi Garis Panduan Tatacara Pemilihan dan Pelantikan Anggota Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga.

Kerajaan memperkenalkan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) di bawah Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022. Skim ini bertujuan untuk menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada golongan suri rumah daripada bencana domestik, keilatan semasa mengurus rumah tangga dan keganasan rumah tangga dengan caruman serendah RM120. Caruman boleh dibuat oleh suami, suri rumah, keluarga atau mana-mana pihak ketiga bagi suri rumah tersebut.

Bagi membantu wanita miskin yang berdaftar di dalam Bank Data Kemiskinan Nasional (eKasih), Kerajaan telah memperkenalkan program caruman sukarela i-Suri. Peserta i-Suri akan menerima insentif khas sebanyak 50 peratus bagi setiap RM1 caruman sehingga insentif khas maksimum RM300 dalam tahun semasa. Bagi suri rumah yang lain, Kerajaan turut memperkenalkan program i-Sayang yang menetapkan pemindahan kadar caruman sebanyak dua peratus daripada caruman ahli KWSP yang memilih untuk memindahkan carumannya kepada isteri.

PLANMalaysia telah menyediakan Garis Panduan Perancangan (GPP) Rumah Ibadat Islam pada tahun 2023. GPP ini bertujuan untuk menekankan keperluan pengasingan komponen kemudahan seperti ruang solat, wuduk, tandas dan bilik persalinan antara lelaki dan perempuan.

Majlis Bandaraya Subang Jaya merupakan pihak berkuasa tempatan pertama di Malaysia yang memperkenalkan konsep "Bandar Mesra Wanita". Antara perincian skop konsep bandar ini adalah akses



perkhidmatan perbandaran yang selamat dan berkualiti tinggi untuk wanita termasuk kesihatan, kepimpinan dan penyertaan politik.

Selain memastikan persekitaran fizikal yang kondusif, Kerajaan turut memberi keutamaan terhadap tahap keselamatan siber dalam kalangan wanita. Bagi tujuan tersebut, keselamatan siber wanita, Kementerian Digital melalui CyberSecurity Malaysia melaksanakan pelbagai program kesedaran yang berkaitan seperti CyberSAFE™ dan Pep Talk kepada pelbagai segmen mesyarakat termasuk komuniti Projek Perumahan Rakyat Miskin Tegar (PPRT).

Bagi memperkuuh institusi kekeluargaan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengintegrasikan topik berhubung dengan keganasan rumah tangga ke dalam kursus praperkahwinan Islam di bawah Tajuk 8: Pengurusan Stress dan Konflik. Di samping itu, topik mengenai kewajipan tanggungan nafkah turut disediakan.

Bagi meningkatkan literasi hak terhadap perkahwinan dalam kalangan wanita, Jabatan Bantuan Guaman (JBG) giat mengeluarkan beberapa penerbitan risalah yang berkait dengan hak wanita dan undang-undang antaranya tatacara perceraian orang Islam dan bukan Islam, nafkah isteri dan anak, harta sepencarian, mutaah, poligami, hadanah, gantirugi pertunangan, hutang perkahwinan dan penerangan tentang akta keganasan rumah tangga. Selain itu, JBG juga giat melaksanakan program literasi undang-undang berkaitan hak wanita melalui sistem eKlinik 6G Jabatan Bantuan Guaman dan klinik guaman bergerak *Justice on Wheels* (JoW). Sehingga kini terhadap tiga JoW di Malaysia, iaitu satu di Semenanjung dan dua di negeri Sabah dan Sarawak.

Dalam memperbaiki perkara berkaitan dengan bidang kuasa Syariah, terdapat beberapa kemajuan penting yang patut disebutkan. Pertama, Kerajaan telah meningkatkan pelaksanaan perintah nafkah melalui pindaan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Akta 758) pada tahun 2021 untuk melaksanakan hiwalah. Hiwalah adalah proses membekukan akaun bank terhadap bapa, suami, atau bekas suami yang enggan membayar nafkah seperti yang diarahkan oleh Mahkamah Syariah. Ia merupakan salah satu inovasi dalam Undang-Undang Syariah yang menguatkan hak wanita. Dari tahun 2018 hingga 2023, jumlah pelaksanaan perintah mahkamah (kes nafkah) yang dikemukakan oleh isteri dan anak-anak adalah 13,166 kes dan 7,112 kes telah diselesaikan.

Bagi mengatasi konflik antara Undang-Undang Sivil dan Syariah, Komuniti Syariah telah ditubuhkan oleh Jabatan Peguam Negara. Keanggotaan komuniti ini terdiri daripada pakar Undang-Undang Syariah dan Sivil telah mengesyorkan penyelesaian kepada pelbagai isu, termasuk penyelarasan Undang-Undang Syariah dan Sivil.

JPN telah mewujudkan Tribunal Perkahwinan pada tahun 2020 bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan kaunseling dan pendamaian sebelum proses perceraian formal dimulakan kepada pasangan bukan Islam. Tribunal ini juga berfungsi sebagai langkah awal dalam proses perceraian, di mana pasangan perlu mendapatkan Perakuan Tribunal sebelum memohon perceraian di mahkamah. Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia telah menubuhkan Bahagian Pengantara atau Mediasi pada tahun 2016. Tujuan utama penubuhan bahagian ini adalah untuk mengurangkan tunggakan beban kes di Mahkamah dan mempercepatkan proses penyelesaian kes.



Selain itu, Program Bahagian Sokongan Keluarga Transit (BSK) telah diperkenalkan pada 2 Oktober 2010 oleh JKSM. Tujuan BSK Transit ini diadakan adalah untuk melancarkan perjalanan prosiding sesuatu kes di Mahkamah Syariah serta mengurangkan kes-kes tertunggak akibat ketidakhadiran pihak-pihak yang berkaitan, menyediakan kemudahan penginapan serta melindungi keselamatan pihak-pihak khususnya ibu-ibu tunggal dan mempercepatkan proses perbicaraan.

Wanita turut dilibatkan dalam perbincangan melibatkan pengurusan isu perubahan iklim dan alam sekitar. Merujuk kepada *Malaysia First Biennial Transparency Report* (BTR 1), sebanyak 53.7 peratus wanita dilibatkan dalam sesi perbincangan dan libat urus bersama Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam. Kementerian Pertanian dan Keselamatan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Perikanan telah membangunkan Pelan Perubahan Iklim Sektor Perikanan yang antara lain merangkumi isu penglibatan wanita di dalam program kemahiran seperti teknologi dan *Internet of Things* (IoT) sektor perikanan, penghasilan benih dan induk berkualiti serta kursus penghasilan makanan hidup secara hygienik. Selain itu, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sedang dalam rangka kerja untuk mengintegrasikan isu pemerkasaan golongan rentan termasuk wanita ke dalam Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030 yang sedang dirangka. Data sukarelawan wanita yang terlibat dalam bantuan bencana banjir telah diprofil di bawah pangkalan data Sukarelawan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Bagi memastikan warga emas wanita kekal produktif dan sejahtera, KPWKm melalui JKM telah memanfaatkan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) sebagai pusat pemerkasaan kemahiran dan sosial warga emas. KPWKm juga giat melaksanakan penambahbaikan dasar dan undang-undang berkaitan sebagai persiapan negara menua.

Cabaran

Tahap kefahaman konsep kepekaan gender yang rendah

Majoriti perancangan program dan projek agensi Kerajaan masih belum mengambil kira aspek keperluan gender. Sebagai contoh, masih banyak pelaporan data tidak mempunyai perincian dan analisis gender. Permasalahan ini telah memberi kesan kepada pengagihan sumber yang kurang efektif untuk kumpulan sasar.

Stereotaip gender masih wujud dalam kalangan masyarakat khususnya industri kesenian dan kebudayaan. Objektifikasi wanita masih berlaku dalam kebanyakan penceritaan di media serta sering digambarkan sebagai suri rumah yang pasif dan mangsa keganasan. Pembingkaian imej ini telah menyebabkan wujudnya stigma negatif terhadap wanita. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh IPSOS Malaysia pada tahun 2022 berkaitan dengan Ketaksaksamaan Gender, sebanyak 42.0 peratus responden lelaki berpandangan maskuliniti tradisional sedang terancam. Hal ini menyebabkan usaha mengarusperdanakan gender bergerak perlahan.

Maklumat perkhidmatan sokongan untuk wanita yang tidak berpusat

Meskipun Kerajaan telah menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada wanita bermula daripada keusahawanan sehingga ke sokongan pasca perkahwinan di bawah seliaan pelbagai agensi, namun masih terdapat sebilangan wanita yang tidak mendapat akses kepada perkhidmatan tersebut. Selain faktor lokasi dan akses internet, penyediaan maklumat perkhidmatan kepada wanita yang rawak di bawah pelbagai laman sesawang juga menyukarkan wanita mendapatkan maklumat yang diperlukan dengan kadar segera.



Tahap kesihatan wanita masih memerlukan perhatian

Berdasarkan laporan Petunjuk Kesihatan yang diterbitkan oleh KKM, nisbah mortaliti atau kematian ibu bersalin meningkat dari 25.6 bagi setiap 100,000 kelahiran pada tahun 2012 ke 68.2 bagi setiap 100,000 kelahiran pada tahun 2022. Nisbah mortaliti merujuk kepada kematian yang disebabkan oleh kesulitan semasa hamil atau semasa melahirkan anak atau kematian dalam tempoh 42 hari selepas bersalin kepada setiap 100,000 kelahiran hidup.

Antara faktor yang dikenal pasti menyumbang kepada perkara ini ialah gaya hidup wanita yang kurang sihat. Laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) tahun 2022 mendapati, satu daripada 10 wanita mempunyai penyakit tertentu seperti darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan tiroid. Statistik kesemua penyakit ini meningkat berbanding enam tahun lepas.

Berdasarkan Laporan NHMS 2019, prevalen kemurungan dalam kalangan wanita adalah sebanyak 2.6 peratus berbanding lelaki 2.0 peratus. Isi rumah B40 merupakan golongan tertinggi merekodkan penyakit kemurungan, iaitu sebanyak 2.7 peratus.

Sejak 6 dekad yang lalu, Kadar Kesuburan Jumlah (TFR) di Malaysia telah menurun dengan ketara sebanyak 75 peratus bagi tempoh 1957 hingga 2021. Daripada 6.8 orang anak bagi seorang wanita pada tahun 1957 yang merupakan kadar tertinggi pernah dicatatkan, menurun kepada 4.9 orang anak pada tahun 1970, 3.0 orang anak pada tahun 2000 dan turun kepada 2.1 orang anak pada tahun 2010. TFR terus menurun ke paras terendah pada tahun 2022 iaitu 1.6 orang sebelum berlaku kenaikan semula TFR pada tahun 2023 kepada 1.7 orang anak. Kadar kesuburan paling tinggi mengikut negeri adalah di negeri Terengganu, iaitu 2.9 anak. Manakala yang terendah di Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, iaitu 1.3 anak.

Umumnya, penurunan kadar kesuburan adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti melewatkannya perkahwinan, peningkatan wanita dalam institusi pengajian tinggi dan pasaran pekerjaan serta peningkatan kos sara hidup yang tinggi antara punca utama pasangan melewatkannya pembentukan keluarga dan menambah bilangan anak. Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Ke-5 pada tahun 2014 juga mendapati tiga alasan utama mengapa penduduk bujang melewatkannya perkahwinan adalah disebabkan oleh masalah kewangan, kesukaran mencari pasangan yang sesuai dan kemajuan kerjaya. Penurunan kadar kesuburan juga dipengaruhi oleh masalah ketidaksuburan. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), peratusan wanita berkahwin yang tidak mempunyai anak di negara ini telah meningkat hampir 2 peratus dalam tempoh 10 tahun, iaitu daripada 6.8 peratus pada tahun 2004 kepada 8.6 peratus pada tahun 2014. Berdasarkan kajian LPPKN pada tahun 2017, juga mendapati sebanyak 37 peratus responden wanita mengakui mengalami kesukaran untuk hamil.



Tiada sistem sokongan untuk wanita dalam sektor jagaan tidak formal

Laporan NHMS 2019 merekodkan 5.7 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia telah terlibat dalam perkhidmatan penjagaan tidak formal. Terdapat tujuh peratus daripada keseluruhan golongan wanita terlibat sebagai pemberi perkhidmatan penjagaan tidak formal²⁴. Penduduk yang berstatus balu atau janda lebih banyak menyediakan penjagaan tidak formal berbanding mereka yang sudah berkahwin dan bujang. Kebanyakan penjaga menerima bantuan daripada ahli keluarga lain semasa memberikan penjagaan tidak formal, manakala 31.7 peratus daripada penjaga tidak menerima sebarang bantuan.

Kebanyakan penjaga menghabiskan kurang daripada sepuluh jam seminggu dalam pemberian penjagaan tidak formal, manakala sebilangan yang lain menghabiskan lebih daripada 50 jam seminggu. Peranan penjagaan jangka panjang boleh menjelaskan kesihatan dan mengganggu aktiviti harian penjaga. Laporan NHMS juga mendedahkan tanggungjawab menjaga telah memberi kesan kepada kesejahteraan emosi, kewangan, sosial dan fizikal penjaga tidak formal. Beban akibat pengasingan dan kekurangan sokongan dalam kalangan penjaga tidak formal boleh menyebabkan tekanan atau masalah kesihatan mental, serta kemerosotan kesihatan secara keseluruhan. Sebilangan besar penjaga tidak menerima sebarang latihan dan hanya sebilangan kecil yang dilatih oleh penyedia perkhidmatan kesihatan.

Ketiadaan maklumat berpusat berhubung penglibatan wanita di bawah isu perubahan iklim

Di bawah isu adaptasi perubahan iklim, peranan wanita lazimnya dikaitkan dengan advokasi di peringkat rumah tangga dan komuniti. Kempen kitar semula, penjimatatan tenaga dan pertanian pintar adalah antara inisiatif yang banyak melibatkan penyertaan wanita namun tidak direkodkan. Selain itu, kekurangan kajian berhubung impak pengurusan bencana terhadap kesihatan, sara hidup dan kesejahteraan terhadap wanita serta isi rumah yang diketuai oleh wanita juga kekal menjadi cabaran.

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) yang dijalankan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Malaysia (LPPKN) pada tahun 2014 mendapati satu pertiga tempoh perkahwinan pertama yang berakhir dengan perceraian atau perpisahan adalah dalam tempoh 5 tahun ke bawah.

Tahap penyampaian sistem perundangan berkaitan dengan kekeluargaan dan diskriminasi yang masih kurang memuaskan


Dalam isu tuntutan nafkah, laporan media masih melaporkan tahap penguatkuasaan perundangan syariah yang masih lemah. Statistik perceraian di Malaysia juga dilihat sangat membimbangkan pada masa kini. Statistik perceraian yang direkodkan pada tahun 2021 adalah sebanyak 45,420 dalam kalangan umat Islam. Sehingga tahun 2023, hanya negeri Terengganu sahaja yang memperkenalkan hukuman penjara kepada bapa yang gagal melunaskan nafkah di bawah enakmen negeri. Kekangan yang sama turut dihadapi dalam pengurusan kes perceraian sivil. Sehubungan dengan itu, perhatian perlu diberikan kepada pengurusan pasca perceraian supaya kebijakan wanita dan anak terpelihara.

Menurut Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian Malaysia 2024 yang dikeluarkan oleh DOSM, bilangan perceraian yang dicatatkan adalah sebanyak 57,835 pada tahun 2023. Statistik perkahwinan dan perceraian mengikut negeri adalah seperti di **Paparan 24**.

²⁴ Perkhidmatan penjagaan tidak formal meliputi pemberian jagaan peribadi, jagaan kesihatan dan bantuan lain kepada mereka yang tidak mampu menjaga diri mereka secara tidak formal dan tidak berbayar. Perkhidmatan ini tidak termasuk jagaan yang diberikan oleh pihak profesional dan khidmat sukarelawan



STATISTIK PERKAHWINAN DAN PENCERAIAN MENGIKUT NEGERI TAHUN 2023



Nota:

SP: Seberang Perai **K:** Kuala **W.P:** Wilayah Persekutuan

- Statistik perkahwinan dan perceraian merujuk kepada rekod yang didaftarkan pada tahun 2023
- Statistik perceraian tidak boleh dibuat perbandingan dengan statistik perkahwinan tahun semasa
- Statistik perceraian adalah merujuk kepada tarikh kes selesai dengan sabitan oleh Mahkamah Syariah atau Sivil

Paparan 24: Statistik Perkahwinan dan Perceraian di Malaysia tahun 2023



Hala Tuju

Bidang keutamaan Kesejahteraan DWN tahun 2025-2030, mensasarkan matlamat untuk memperkuuh kesejahteraan wanita yang inklusif dalam masyarakat. Sebanyak tiga keberhasilan dan sebelas strategi telah digariskan di bawah bidang keutamaan ini seperti di Paparan 25.





DASAR WANITA NEGARA TAHUN 2025 - 2030

"Memartabat Wanita, Memperkuuh Negara"

PERNYATAAN

Dasar Wanita Negara bertujuan memperkasakan wanita untuk terlibat secara bermakna bagi mencapai potensi mereka sepenuhnya melalui perancangan dan pembangunan yang inklusif ke arah kesaksamaan gender.

BIDANG KEUTAMAAN			
EKONOMI	KEPIMPINAN	KESELAMATAN	KESEJAHTERAAN
MATLAMAT			
Memberdaya wanita dari pelbagai lapisan masyarakat dalam semua sektor ekonomi sebagai ejen perubahan dan rakan strategik pembangunan sosioekonomi negara	Meningkatkan kepimpinan wanita sebagai pembuat keputusan di kedudukan strategik	Membudayakan kesaksamaan gender bagi memperkuuh tahap jaminan keselamatan dan ketenteraman wanita	Memperkuuh kesejahteraan wanita yang inklusif dalam masyarakat
KEBERHASILAN			
<ol style="list-style-type: none">Peningkatan kepada 60 peratus kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruhPeningkatan skor subindeks penyertaan pekerja wanita profesional dan teknikal kepada 0.700 di bawah MGGIPeningkatan 1 juta usahawan wanita berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia menjelang tahun 2030	<ol style="list-style-type: none">Peningkatan sekurang-kurangnya 30 peratus penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan khususnya dalam sektor yang ketinggalan	<ol style="list-style-type: none">Pembangunan Indeks Keselamatan dan Ketenteraman Awam - subindeks wanitaPenglibatan sekurang-kurangnya 10 peratus pertahanan, keselamatan dan ketenteraman awamPengekalan Domain Keselamatan Keluarga dalam Indeks Kesejahteraan Keluarga dalam julat "Sederhana Tinggi" dan ke atas	<ol style="list-style-type: none">Skor Indeks Jurang Gender Malaysia meningkat kepada julat antara 0.690 hingga 1.000Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia berdasarkan genderPengekalan mata Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia dalam julat "Bahagia" dan "Sangat Bahagia"
PEMBOLEH DAYA			
Data Berasaskan Gender	Bajet Responsif Gender	Penilaian Impak Berdasarkan Gender	Audit Gender
Undang-undang	Dasar	Sumber	NGO
Perlembagaan Persekutuan	RMK	Dasar Sosial Negara	SDGs
	CEDAW	Women, Peace And Security	Beijing Declaration

Paparan 25: Sasaran Keberhasilan Bidang Keutamaan Kesejahteraan



Strategi 1: Meningkatkan kesedaran terhadap kesaksamaan gender

Kerajaan akan menggiatkan pelaksanaan pembangunan polisi dan data berasaskan gender bagi menyokong usaha mengarusperdanakan gender. Selain itu, program advokasi kepekaan gender kepada institusi agama, industri kesenian dan kebudayaan akan diteruskan bagi mendapatkan sokongan pelbagai pihak terhadap aspirasi kesaksamaan gender dan pemerkasaan wanita. Kerajaan juga akan menyediakan taklimat kesaksamaan gender khusus kepada ahli jemaah Menteri, kepimpinan negeri dan pengurusan tertinggi perkhidmatan awam termasuk hakim dan duta bagi menggiatkan proses pengarusperdanaan gender pada peringkat tumpuk kepimpinan tertinggi negara. Usaha ini adalah penting bagi mewujudkan ruang di mana lelaki boleh melihat diri mereka sebagai sekutu dan penyokong dalam usaha mencapai kesaksamaan gender dan pemerkasaan wanita tanpa merasakan ancaman atau kehilangan kedudukan.

Strategi 2: Memperkasakan penyampaian perkhidmatan kepada golongan wanita bersasar

Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) menawarkan perkhidmatan psikososial kepada masyarakat melalui sesi bimbingan dan kaunseling. Perkhidmatan PSSS akan diperkuuhkan melalui peningkatan bilangan dan kapasiti PSSS. Di samping itu, hebatan mengenai kewujudan PSSS akan terus dipergiat melalui pelbagai platform.

Strategi 3: Memperkuuh peranan media dalam pemerkasaan wanita

Kesejahteraan dan kebajikan golongan sasar wanita yang khusus seperti warga emas, belia, OKU, wanita orang asli dan pribumi Sabah Sarawak akan terus menjadi keutamaan Kerajaan. Sehubungan dengan itu, gerak kerja advokasi pemerkasaan wanita dalam kalangan kumpulan

sasar ini menerusi media akan terus digiatkan. Strategi ini akan mengetengahkan sumbangan signifikan golongan sasar khusus ini agar menjadi inspirasi kepada masyarakat.

Strategi 4: Meningkatkan literasi kesihatan wanita

Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan tahap literasi kesihatan dalam kalangan wanita. Advokasi penjagaan kesihatan fizikal dan mental untuk wanita akan terus dipertingkatkan. Bagi memastikan golongan wanita kekal sihat dan aktif, Kerajaan akan terus mempergiat program advokasi pendidikan sosial dan kesihatan reproduktif.

Strategi 5: Memperluas akses kepada pelbagai perkhidmatan kesihatan untuk wanita termasuk di kawasan luar bandar dan terpencil

Akses kepada pelbagai perkhidmatan kesihatan untuk wanita khususnya yang berada di kawasan luar bandar dan terpencil akan ditambah baik menerusi peningkatan intensiti perkhidmatan klinik bergerak dan doktor udara. Bagi memperkuuh inisiatif ini, Kerajaan akan meningkatkan kerjasama pintar dengan rakan strategik seperti Kerajaan Negeri, PBT, sektor swasta, NGO, komuniti dan pemimpin setempat untuk mempergiat penyampaian perkhidmatan sehingga ke peringkat akar umbi.

Strategi 6: Menyediakan persekitaran dan infrastruktur yang mesra wanita

Penyediaan infrastruktur sukan dan rekreasi yang peka gender adalah penting bagi memenuhi keperluan semua pihak khususnya wanita. Sebagai contoh bilik persalinan



wanita dari aspek lokasi dan pencahayaan serta penyediaan jurulatih peribadi wanita untuk slot wanita. Sistem penarafan bintang PBT sedia ada juga akan ditambah baik menerusi pengenalan indikator penyediaan premis, fasiliti dan kemudahan yang mesra wanita.

Strategi 7: Meningkatkan literasi digital dalam kalangan wanita khususnya luar bandar dan terpencil

Peningkatan tahap literasi digital merupakan strategi utama dalam membendung isu ancaman siber. Dalam hal ini, Kerajaan akan terus mempergiatkan usaha ke arah memperluaskan liputan jalur lebar di kawasan pedalaman dan terpencil termasuk komuniti orang asli, Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak. Di samping itu, program advokasi keselamatan siber dalam kalangan wanita yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap penipuan dalam talian dan keselamatan data peribadi akan terus diperkasakan.

Strategi 8: Menyediakan sistem sokongan sosial yang kondusif

Reformasi peranan JPW sebagai *one stop centre* pemerkasaan wanita akan terus dipergiat melalui pembangunan portal dan aplikasi²⁵ yang menyatukan pelbagai perkhidmatan untuk wanita. Program pembelajaran sepanjang hayat untuk wanita akan terus dipergiat. Kementerian juga akan berusaha memastikan industri perkhidmatan penjagaan formal menawarkan perkhidmatan yang berkualiti dengan kos berpatutan untuk semua. Pemantapan sistem sokongan untuk wanita

yang terlibat sebagai pemberi perkhidmatan penjagaan tidak formal juga akan ditambah baik.

Strategi 9: Meningkatkan tahap literasi undang-undang dalam kalangan wanita

Usaha akan terus dipergiat untuk memastikan semua wanita memahami hak asasi dan perlindungan yang ada di bawah undang-undang. Tahap literasi yang baik dalam kalangan wanita akan membantu mengurangkan kes keganasan dan diskriminasi berdasarkan gender. Antara inisiatif yang akan diperkuuh dan dipergiat adalah penerbitan risalah berkenaan undang-undang berkaitan dengan wanita dan liputan klinik ke kawasan luar bandar dan terpencil serta penganjuran program literasi perundungan kepada wanita oleh pelbagai pihak.

Strategi 10: Memantapkan proses perundungan syariah dan sivil berkaitan dengan hak wanita

Kerajaan akan meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang berkaitan dengan pengurusan hal ehwal perkahwinan dan perceraian. Dalam hubungan ini, peranan Bahagian Sokongan Keluarga, JKSM dan Tribunal Perkahwinan di bawah JPN akan terus diperkuuh. Tatacara pengendalian piawai (SOP) bagi isu pasca perceraian akan ditambah baik. Selain itu, sistem pengurusan kes Mahkamah Syariah secara dalam talian juga akan diseragamkan dan platform Komuniti Syariah akan terus dimanfaatkan bagi menambah baik peruntukan perundungan di bawah sivil dan syariah. Perbincangan mengenai pengharmonian peruntukan perundungan sivil dan syariah akan melibatkan kerjasama strategik pelbagai pihak.

²⁵ Portal dan aplikasi ini akan bertindak sebagai penghubung wanita dengan pelbagai perkhidmatan Kerajaan dan agensi berkaitan wanita di bawah satu klik, penyelaras maklumat dan pengiklanan program pemerkasaan wanita anjuran pelbagai pihak termasuk swasta dan NGO, pengumpulan maklumat wanita berbakat melalui pendaftaran sebagai prospek peserta secara sukarela dan pusat rujukan setempat pelbagai kajian berkaitan wanita yang dijalankan oleh universiti, konsultan penyelidikan dan badan bukan Kerajaan.



Strategi 11: Menambah baik tahap penglibatan wanita dalam isu perubahan iklim dan alam sekitar

Usaha akan terus diperkuuh bagi menjamin kesejahteraan wanita di bawah adaptasi perubahan iklim. Kerajaan juga akan menambah baik pengurusan persiapan sebelum, semasa dan selepas bencana seperti banjir dan gelombang haba dengan mengambil kira keperluan khusus gender. Strategi ini bagi memastikan wanita tidak ketinggalan dalam usaha kesiapsiagaan Kerajaan berhadapan dengan isu perubahan iklim.

Pemacu Perubahan

Pemacu perubahan adalah idea baharu berimpak tinggi yang telah dikenal pasti akan menjadi pencetus peralihan pemikiran dan pemangkin pemerkasaan wanita serta mengarusperdanakan gender. Pemacu perubahan ini akan memastikan Malaysia mencapai matlamat DWN tahun 2025-2030, iaitu memperkasakan wanita untuk terlibat secara bermakna bagi mencapai potensi mereka sepenuhnya melalui pembangunan dan perancangan yang inklusif ke arah kesaksamaan gender. Senarai pemacu perubahan yang dikenal pasti adalah seperti di [Paparan 26](#).





12 Pemacu Perubahan

	Majlis peluncuran dan gerak kerja pengarusperdanaan DWN dan PTPW tahun 2025-2030.		Pengenalan penilaian impak berdasarkan gender dalam sistem belanjawan negara seiring dengan pendekatan bajet responsif gender.
	Pengenalan audit gender ke dalam penilaian projek atau program berimpak tinggi.		Pemerkasaan peranan <i>Gender Focal Point</i> dan pakar gender di KPWKM.
	Pengenalan inisiatif yang menyokong wanita dalam sektor informal.		Pengenalan Pelan Tindakan Nasional Keamanan dan Ketenteraman untuk wanita yang berada di dalam sektor pertahanan, keselamatan dan ketenteraman awam.
	Memantapkan perkhidmatan sokongan kepada wanita berkerjaya untuk meningkatkan kadar kelahiran.		Pengenalan Sistem Penarafan Bintang (<i>Star Rating</i>) kepada syarikat swasta.
	Penubuhan hub kepimpinan wanita dan pemerkasaan perwakilan wanita di Parlimen.		Pengenalan <i>Social Public Private Partnership</i> bagi menangani isu keganasan rumah tangga.
	Pembangunan portal dan aplikasi One Stop Centre (OSC) perkhidmatan berkaitan dengan wanita.		Pengenalan strategi <i>behavioural insights</i> bagi menyokong kepimpinan politik wanita.



Pemboleh Daya

Pemboleh daya merujuk kepada elemen-elemen yang menyokong dan memperkuat pelaksanaan dasar-dasar tertentu. Dalam konteks ini, pemboleh daya memainkan peranan penting untuk memastikan keberkesaan dan kesinambungan dasar yang dirangka. Pemboleh daya membantu mempertingkat tadbir urus sektor yang terlibat, termasuk perancangan, pembangunan dan pengawalan pelaksanaan dasar, yang memastikan kecekapan dan keberkesaan dalam sektor awam.

Antara pemboleh daya yang telah dikenal pasti bagi memastikan kejayaan pelaksanaan DWN tahun 2025-2030 adalah:

- 1. Undang-undang** - Peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa untuk mengatur perilaku masyarakat.
- 2. Dasar** - Dasar ialah pedoman umum untuk bertindak dalam mencapai sesuatu tujuan. Dasar menggariskan program dan inisiatif untuk memastikan standar kesetaraan dapat dicapai
- 3. Sumber** - Sumber daya ialah aset yang digunakan untuk mencapai objektif sesuatu dasar.
- 4. Nilai bersama** - prinsip-prinsip yang dipegang dan dihargai bersama dalam suatu organisasi atau masyarakat.
- 5. Pertubuhan Bukan Kerajaan** - NGO adalah organisasi yang bergerak di luar struktur pemerintahan formal dan dianggotai oleh sukarelawan yang mempunyai visi dan misi yang sama.

- 6. Penilaian Impak berdasarkan Gender atau *Gender Impact Assessment* (GIA)** - GIA adalah alat untuk mengukur impak sesuatu program atau inisiatif sebelum program atau projek tersebut dilaksanakan. GIA boleh diperkenalkan sebagai salah satu elemen di bawah *value assessment*.
- 7. Gender Focal Point dan Gender Focal Team** - Gender Focal Point ialah individu yang bertanggungjawab mengintegrasikan perspektif gender dalam suatu organisasi. Gender Focal Team ialah kumpulan pakar gender yang ditugaskan untuk memantau integrasi perspektif gender dalam penyampaian perkhidmatan.
- 8. Bajet Responsif Gender** - Bajet Responsif Gender ialah analisis anggaran yang memastikan anggaran negara direncanakan, diperuntukkan, dilaksanakan dan dipantau dengan perspektif gender yang inklusif.
- 9. Data berdasarkan gender** - pengumpulan dan analisis data yang membezakan antara lelaki dan wanita untuk memahami perbezaan dalam pengalaman, keperluan dan hasil yang berkaitan dengan kedua-dua jantina. Pendekatan ini penting untuk memastikan bahawa dasar yang dirangka adalah inklusif dan responsif terhadap keperluan semua pihak, terutamanya dalam konteks kesaksamaan gender.




Mekanisme Pemantauan dan Penilaian

Mekanisme pemantauan dan penilaian dalam pembuatan dasar ialah langkah penting untuk memastikan dasar yang dibangunkan dapat mencapai tujuan mengikut sasaran yang telah ditetapkan. Hasil mekanisme ini akan membantu pembuatan keputusan dan perancangan dasar yang lebih baik pada masa akan datang. Dalam usaha mengarusperdanakan DWN, empat pemboleh daya dasar, iaitu, data berdasarkan gender yang bersepdu, bajet responsif gender, penilaian impak berdasarkan gender dan audit gender.



Pemantauan pelaksanaan DWN dan PTPW akan dilaksanakan secara tahunan. Pencapaian dan penilaian akan dilapor secara berkala di dalam Mesyuarat Majlis Wanita dan Keluarga Negara (MWKN), selain dijadikan sebagai sebahagian input untuk pelaporan pada peringkat antarabangsa seperti *Sustainable Development Goals (SDGs)*, *Global Gender Gap Index (GGGI)*, *Woman, Peace and Security (WPS)* dan *Convention on the Elimination of all Forms of Discrimination Against Women (CEDAW)* seperti di **Paparan 27**. Kajian separuh penggal pelaksanaan dasar akan dilaksanakan selepas dua tahun dasar diperkenalkan. Kerjasama strategik dan erat semua agensi Kerajaan termasuk Kerajaan Negeri, sektor swasta, NGO dan CSO adalah penting bagi menggiatkan pelaksanaan dasar ini.





Bab 3

Pelan Tindakan Pembangunan Wanita



Strategi Baharu

EKONOMI	KEPIMPINAN	KESELAMATAN	KESEJAHTERAAN
<ul style="list-style-type: none">• Meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan• Mengkalkan wanita dalam sektor pekerjaan• Memperkuuh ekosistem bekerjaan kondusif• Meningkatkan dan memantapkan penyertaan wanita dalam bidang keusahawanan dan perdagangan antarabangsa• Memastikan keperluan gender diambil kira dalam pengagihan sumber Kerajaan secara saksama	<ul style="list-style-type: none">• Memperkuuh mekanisme kerajaan bagi memperkasakan kepimpinan wanita• Membangunkan barisan pemimpin pelapis dalam pelbagai sektor• Meningkatkan kemahiran kepimpinan wanita dalam pelbagai sektor• Mengaplikasikan strategi <i>behavioural insights</i> bagi menyokong kepimpinan politik wanita• Membangunkan polisi bagi menambah baik penglibatan wanita dalam politik	<ul style="list-style-type: none">• Menambah baik pelaksanaan dasar berkaitan dengan keganasan terhadap wanita• Mempertingkat tahap keselamatan dan ketenteraman awam bagi tujuan keselamatan wanita• Memupuk budaya selamat dan hormat terhadap wanita dalam masyarakat• Meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pertahanan, keselamatan dan ketenteraman awam• Memantau pelaksanaan inisiatif strategik yang digariskan di bawah Resolusi Keamanan dan Ketenteraman untuk Wanita (WPS)	<ul style="list-style-type: none">• Meningkatkan kesedaran terhadap kesaksamaan gender• Memperkasakan penyampaian perkhidmatan kepada golongan wanita bersasar• Memperkuuh peranan media dalam pemerkasaan wanita• Meningkatkan literasi kesihatan wanita• Memperluas akses kepada pelbagai perkhidmatan kesihatan untuk wanita termasuk di kawasan luar bandar dan terpencil• Menyediakan persekitaran dan infrastruktur yang mesra wanita• Meningkatkan literasi digital dalam kalangan wanita khususnya luar bandar, terpencil dan komuniti Orang Asli• Menyediakan sistem sokongan sosial yang kondusif• Meningkatkan tahap literasi undang-undang dalam kalangan wanita• Memantapkan proses perundangan syariah dan sivil berkaitan dengan hak wanita• Menambah baik tahap penglibatan wanita dalam isu perubahan iklim dan alam sekitar



A woman with long dark hair, wearing a brown blazer and trousers, stands in an office setting. She is holding a blue pen to her chin, looking thoughtful. In the background, there's a whiteboard with some drawings and a red pushpin.

Bidang Keutamaan	Strategi	Program	Aktiviti
EKONOMI	5	16	53
KEPIMPINAN	5	11	27
KESELAMATAN	5	17	32
KESEJAHTERAAN	11	31	70
JUMLAH	26	75	182

A woman wearing a red and black patterned headscarf and a red dress is seen from the side, working at a food stall. She is positioned behind a white table, which has a blue bucket, a red bowl, and some food items on it. A large metal tray is also visible on the table. The background shows a wooden fence and lush green trees. The overall atmosphere is casual and suggests a local food preparation scene.

Bidang Keutamaan

Ekonomi



Meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan

- Menyelaraskan kelayakan akademik wanita dengan keperluan industri.
- Meningkatkan advokasi dan sokongan bagi wanita yang keluar dari tenaga buruh.
- Menggalakkan wanita dalam bidang TVET, STEM, AI, teknologi hijau dan tenaga.
- Mengukuhkan kolaborasi strategik kerajaan dengan sektor swasta bagi menarik bakat-bakat wanita ke dalam tenaga kerja.

Mengekalkan wanita dalam sektor pekerjaan

- Menggalakkan syarikat swasta dan agensi kerajaan melaksanakan program pembangunan kerjaya.
- Menjalankan analisis dan kajian untuk hala tuju bakat masa depan.

Memperkuuh ekosistem pekerjaan kondusif

- Memastikan majikan menyediakan ekosistem pekerjaan kondusif.
- Memperkuuh penyediaan kemudahan sokongan dan persekitaran kerja selamat.

Memperkuuh penyertaan wanita dalam bidang keusahawanan dan perdagangan antarabangsa

- Memperluas akses peluang perniagaan dan bimbingan kepada wanita, termasuk ibu tunggal dan diaspora wanita.
- Mempergiat jaringan perniagaan dan memperkasakan wanita dalam sektor eksport.
- Memfokuskan bantuan kepada wanita di pedalaman Sabah & Sarawak.

Memastikan keperluan gender diambil kira dalam pengagihan sumber kerajaan secara saksama

- Memastikan keperluan wanita diambil kira dalam pengagihan sumber kerajaan.
- Memperluas modul bajet responsif gender ke semua peringkat.



Program dan Aktiviti: Ekonomi

Bil	Strategi	Program	Inisiatif	Indikator	Agenzi Peneraju	Pelaksana	Tahun Pencapaian
1.	Meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan	1.1. Pemadanan kelayakan akademik setara dengan pekerjaan	1.1.1 Menyediakan program <i>job matching</i> untuk graduan lepasan institusi pengajian tinggi/latihan bersama-sama dengan rakan strategik bagi jawatan yang bersesuaian dengan kelulusan	Bilangan peserta	KESUMA, KPWKM	KPT, KPWKM (JPW), KESUMA (PERKESO)	2025-2030
			1.1.2 Menyediakan program <i>job matching</i> untuk graduan lepasan SPM dan pusat bertauliah di bawah Kementerian bersama-sama rakan strategik	Bilangan peserta	KESUMA, KPWKM (JPW)	KPM, KPBM (LPP, BPKLP), KESUMA (PERKESO)	2025-2030
			1.1.3 Melaksanakan program khusus <i>job mentoring</i> untuk wanita dalam rangkaian industri/profesional (<i>women industry network</i>)	Bilangan peserta	KPWKM KESUMA	KKR, MOSTI, MITI, KPKM, KESUMA (TalentCorp), JPM (MKN,NACSA), NGO/ Persatuan/Pertubuhan profesional berdaftar seperti Pertubuhan Arkitek Malaysia, Wanita Industri Binaan Malaysia	2025-2030
		1.2. Program wanita kembali bekerja	1.2.1 Memperkenalkan program khusus galakan kepada wanita untuk kembali dalam sektor pekerjaan	Bilangan program	KESUMA KPWKM	KESUMA (TalentCorp., PERKESO), JPM (MKN, NACSA)	2025-2030
			1.2.2 Mempergiat advokasi kepada wanita yang telah keluar daripada pasaran buruh dan majikan	Bilangan advokasi	KPWKM	KESUMA (TalentCorp., PERKESO), CSO, NGO Wanita	2025-2030
			1.2.3 Memperkenal program kemasukan setara (<i>parallel pathway</i>) dan pemerkasaan semula bakat " <i>temporary exit option for high performance</i> " untuk pembangunan kepakaran	Bilangan wanita berpengalaman kembali ke pasaran kerja	KPWKM	KE, KPWKM, KESUMA (TalentCorp), MOF (BNM)	2026-2030



Bil	Strategi	Program	Inisiatif	Indikator	Agenzi Peneraju	Pelaksana	Tahun Pencapaian
1.	Meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan	1.3. Penglibatan wanita dalam industri berkemahiran tinggi seperti TVET, STEM serta bidang baharu seperti sektor teknologi hijau dan tenaga	1.3.1 Melaksanakan pengesanan kebolehpasaran pelajar dan lepasan TVET dan STEM di bawah institusi pengajian awam	Peratus lepasan mendapat pekerjaan dalam bidang berkaitan TVET/STEM	KPM, KPT	12 kementerian /agensi berkaitan TVET,KPM, KPT, KESUMA (Talent Corp)	2025-2030
			1.3.2 Melaksanakan pengesanan kebolehpasaran pelajar dan lepasan TVET dan STEM di bawah institusi pengajian swasta	Peratus lepasan mendapat pekerjaan dalam bidang berkaitan TVET/STEM	KPT	12 kementerian /agensi berkaitan TVET, KESUMA (Talent Corp)	2025-2030
			1.3.3 Menyediakan program <i>job matching</i> untuk graduan lepasan STEM dan TVET bersama-sama dengan rakan strategik	Peratus graduan mendapat pekerjaan	KKDW (Majlis TVET Negara), KESUMA	12 kementerian /agensi berkaitan TVET, KESUMA (PERKESO, Talent Corp), KPT (JPT, JPP&KK)	2025-2030
			1.3.4 Mewujudkan insentif kepada syarikat/industri yang mengambil pekerja wanita dalam bidang berkemahiran tinggi	Pelaksanaan polisi insentif	MOF	MOF	2027-2030
			1.3.5 Memberikan advokasi pemilihan bidang pengajian dan laluan kerjaya	Bilangan program	KKDW (Majlis TVET Negara), KESUMA	12 kementerian /agensi berkaitan TVET,KPT, MOSTI, KESUMA (PERKESO & Talent Corp)	2025-2030
			1.3.6 Mengkaji dan menyelaras analisis jurang dan faktor penglibatan wanita dalam sektor strategik	Bilangan kajian	KPWKM	Semua Kementerian /Universiti	2025-2030
			1.3.7 Meningkatkan penyertaan wanita sebagai tenaga mahir dalam sektor Sains, Teknologi dan Inovasi (STI)	Peratusan <i>Researcher, Scientist, Engineering & Technologist (RSET)</i> wanita dalam tenaga buruh	MOSTI	KESUMA (Talent Corp) KPWKM KE (DOSM)	2025-2030



Bil	Strategi	Program	Inisiatif	Indikator	Agenzi Peneraju	Pelaksana	Tahun Pencapaian
				Bilangan program yang menggalakkan peningkatan tahap kemahiran bagi wanita yang berhasrat untuk kembali semula dalam sektor STI.	MOSTI	KESUMA (Talent Corp), KPWKM, KE (DOSM)	
				Pengesahan dan perancangan penyediaan statistik berkaitan	KPWKM	KE (DOSM)	2025-2030
		1.4. Pengukuhkan kolaborasi strategik bersama syarikat swasta	1.4.1 Meningkatkan program yang menghubungkan majikan dengan wanita di luar pasaran buruh	Bilangan program	KPWKM	Semua Kementerian	2025-2030
2. Mengekalkan wanita dalam sektor pekerjaan		2.1. Pembangunan kompetensi dan kemajuan kerjaya pekerja wanita	2.1.1 Melaksanakan program latihan <i>skilling, upskilling, reskilling</i> bagi tujuan pembangunan kerjaya	Bilangan program pembangunan kompetensi	KPWKM	KESUMA (Talent Corp., PERKESO, HRD Corp), MITI (MPC), JPM (MKN, NACSA)	2025-2030
			2.1.2 Menyelaras analisis idea baharu untuk pembangunan kompetensi wanita	Bilangan kajian	KPWKM	Semua Kementerian, universiti	2025-2030
			2.1.3 Memastikan isu tenaga buruh wanita diberi perhatian dalam perancangan dan pembangunan bakat masa hadapan	Pengintegrasian penyertaan wanita dalam Pelan Induk Bakat Nasional	KPWKM, KESUMA (Talent Corp)	Semua kementerian	2025-2030
3. Memperkuuh ekosistem pekerjaan kondusif		3.1. Pemantapan penyediaan ekosistem pekerjaan kondusif	3.1.1 Meneruskan insentif pelepasan cukai kepada syarikat yang menyediakan kemudahan penjagaan anak/ibu bapa, aturan kerja fleksibel dan lain-lain	Insentif cukai baharu	MOF	KPWKM	2026-2030
			3.1.2 Meneroka insentif pelepasan cukai bagi penjagaan ibu bapa	Insentif cukai baharu	MOF		2026-2030



Bil	Strategi	Program	Inisiatif	Indikator	Agensi Peneraju	Pelaksana	Tahun Pencapaian	
3.	Memperkuatkan ekosistem pekerjaan kondusif	3.1. Pemantapan penyediaan ekosistem pekerjaan kondusif	3.1.3	Mempergiat insentif pelepasan cukai bagi yuran penghantaran anak yang berumur 6 tahun dan ke bawah, ke taska/tadika yang berdaftar	Insentif cukai baharu	MOF	KPWKM (JKM), KPM	2026-2030
			3.1.4	Memastikan penglibatan wanita di bawah industri pelancongan seperti perkhidmatan spa, kesihatan dan kedi sukan golf adalah meningkat, berkualiti tinggi, selari dengan budaya tempatan dan selamat melalui peraturan, pemantauan dan penguatkuasaan	Pengenalan dasar/polisi/peraturan Bilangan wanita yang terlibat	MOTAC	KPKT, Kerajaan Negeri, PBT	2026-2030
			3.1.5	Menambah baik polisi berkaitan dengan pengambilan pembantu rumah bagi memastikan kos pengambilan terkawal/rendah	Pengenalan polisi	KDN, KESUMA	KPWKM	2028
			3.2.1	Menambahkan bilangan taska di tempat kerja, institusi, di rumah termasuk di komuniti	Bilangan taska	KPWKM	KKDW (KEMAS), KPKT,KPN	2027-2030
			3.2.2	Menambahkan bilangan pusat penjagaan kanak-kanak (transit)	Bilangan pusat penjagaan kanak-kanak (transit)	KPWKM	KKDW (KEMAS), KPKT,KPN, KPM	2027-2030
			3.2.3	Menambahkan bilangan pusat jagaan harian warga emas dan orang kurang upaya (OKU) dengan kadar berpatutan (<i>affordable</i>) termasuk di luar bandar	Bilangan pusat jagaan	KPWKM	KPDN	2027-2030
			3.2.4	Memperkenalkan perkhidmatan penjagaan bergerak (<i>mobility care</i>) dengan kos yang berpatutan	Bilangan NGO terlibat	KPWKM	NGO, CSO	2026-2030



Bil	Strategi	Program	Inisiatif	Indikator	Agenzi Peneraju	Pelaksana	Tahun Pencapaian
3.	Memperkuatkan ekosistem pekerjaan kondusif	3.3. Tempat kerja yang selamat	3.3.1 Memantau pelindungan pekerja wanita yang hamil dan menyusukan anak daripada terdedah kepada bahan kimia berbahaya kepada kesihatan di tempat kerja	Peratus penguatkuasaan pelaporan yang diterima DKT (doktor kesihatan pekerjaan)	KESUMA (JKKP)	Semua Syarikat/organisasi berdaftar	2026-2030
			3.3.2 Memantau dan melaksanakan tindakan susulan terhadap kes gangguan seksual dan keganasan terhadap wanita di tempat kerja	Peratus dan tindakan yang diambil berdasarkan jumlah aduan yang diterima	KESUMA (JTKSM), KDN, KPWK	Semua Syarikat/organisasi berdaftar	2026-2030
			3.3.3 Memperbanyakkan program kesedaran terhadap hak asasi pekerja wanita	Bilangan program	KPWKM, KESUMA	Semua kementerian/agensi	2026-2030
			3.3.4 Menggiatkan semula kemudahan aturan kerja fleksibel yang selari dengan produktiviti	Penilaian impak Projek Perintis	KPWKM	Semua Kementerian	2026-2030
		3.4. Pemberkasaan teknologi robotik, automasi dan kecerdasan buatan	3.4.1 Meningkatkan penyertaan wanita dalam aktiviti ekonomi berkemahiran tinggi seperti pembinaan dan pertanian melalui pemberkasaan teknologi robotik, automasi dan kecerdasan buatan	Bilangan dasar sektor yang mendukung inisiatif Peningkatan bilangan wanita dalam sektor berkaitan seperti pertanian	MOSTI	Semua Kementerian	2025-2030
		3.5. Pengiktirafan terhadap inisiatif tanggungjawab korporat sosial(CSR) oleh syarikat swasta	3.5.1 Meningkatkan program promosi dan penghargaan kepada syarikat swasta yang telah melaksanakan inisiatif menyokong wanita kembali bekerja dan/ atau memudahkan wanita mengimbangi tuntutan kerja dan amanah keluarga	Bilangan program	KPWKM	MITI (MPC)	2025-2030



Bil	Strategi	Program	Inisiatif	Indikator	Agenzi Peneraju	Pelaksana	Tahun Pencapaian
4.	Meningkatkan dan memantapkan penyertaan wanita dalam bidang keusahawanan dan perdagangan antarabangsa	4.1. Peluasan akses peluang perniagaan kepada usahawan wanita	4.1.1 Mewujudkan jendela khusus untuk peniaga kecil wanita mendapatkan peluang perniagaan	Jendela khusus untuk peniaga kecil wanita mendapatkan peluang	KUSKOP	MOF (BNM), KKDW (JAKOA), KD (MDEC), KE, MITI (MATRADE), MOTAC, KPBM (LPP), KPWT (PEKB)	2026-2030
			4.1.2 Melaksana dan menyelaras Program Pembangunan Perniagaan Keusahawanan untuk wanita	Bilangan usahawan wanita yang menerima manfaat	KUSKOP	KPWKM	2027-2030
			4.1.3 Menyediakan maklumat berpusat berkaitan dengan keusahawanan (OSC) di Pusat Komuniti Desa	Bilangan pusat komuniti desa	KKDW		2027-2030
			4.1.4 Meningkatkan peruntukan untuk industri mikro, kecil dan sederhana serta menyediakan kuota peruntukan khas untuk keusahawanan wanita termasuk pada peringkat antarabangsa	Bilangan usahawan wanita yang menerima manfaat	KUSKOP/ MITI	MOF (BNM), KKDW (JAKOA), KD (MDEC), KE, MITI (MATRADE), MOTAC, KPBM (DOF), KPWT (PEKB)	2026-2030
			4.1.5 Mengoptimumkan penggunaan Ruang Daya Cipta melalui penyertaan wanita bagi mendapatkan akses kepada peralatan sains, teknologi dan inovasi (<i>innopreneur</i>) bagi tujuan pembelajaran, latihan dan bantuan teknikal	Bilangan peserta wanita	MOSTI (YIM)		2027-2030
			4.1.6 Membangunkan pangkalan data diaspora wanita Malaysia di luar negara yang terlibat dalam bidang keusahawanan termasuk pelancongan	Pangkalan data	MITI (MATRADE)	KLN, KUSKOP, KPWKM, MOTAC	2025
			4.1.7 Mewujudkan jaringan perdagangan antarabangsa dalam kalangan usahawan wanita tempatan dengan usahawan diaspora wanita di pelbagai negara	Platfrom jaringan kerjasama	KPWKM, MITI (MATRADE)	KPWKM (JPW), KLN, KUSKOP, MOTAC	2025-2030



Bil	Strategi	Program	Inisiatif	Indikator	Agenzi Peneraju	Pelaksana	Tahun Pencapaian
4.	Meningkatkan dan memantapkan penyertaan wanita dalam bidang keusahawanan dan perdagangan antarabangsa	4.2. Program bimbingan usahawan wanita termasuk ibu tunggal	4.2.1 Menggiatkan program mentor-menti bagi wanita yang mula menceburi bidang keusahawanan	Bilangan peserta	KUSKOP	KUSKOP(AIM, INSKEN, SME CORP, Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS), TEKUN, UDA Holdings, KD (MDEC), KPWK (JPW, JKM, LPPKN), MOTAC, KKDW(JAKOA, MARA)	2025-2030
			4.2.2 Memperkuuh program pengembangan perniagaan dalam kalangan usahawan wanita	Bilangan program Bilangan peserta	KUSKOP	KD (MDEC), MOTAC, KKDW (JAKOA), KUSKOP (INSKEN, SME CORP, PERNAS, TEKUN, MARA, AIM, UDA Holdings Berhad), BNM (AKPK), KPWK	2025-2030
			4.2.3 Melaksanakan latihan literasi kewangan	Bilangan latihan	KUSKOP (INSKEN)	KUSKOP (INSKEN)	2025-2030
		4.3. Jaringan kerja peniaga dan usahawan wanita dalam rantaian perniagaan dan perdagangan antarabangsa	4.3.1 Mewujudkan platform rangkaian usahawan wanita	Bilangan usahawan wanita yang terlibat	KPWKM	KUSKOP, MOTAC	2026-2030
			4.3.2 Pengesahan trend bilangan usahawan wanita	Laporan statistik berkala usahawan wanita yang mendaftarkan perniagaan di SSM	KPDN	KPDN (SSM)	2025-2030
			4.3.3 Meningkatkan penglibatan wanita di dalam sektor eksport menerusi program <i>Women Entrepreneur Development Programme</i> (WEDP)	Bilangan penyertaan syarikat milikan wanita	MITI	MITI(MATRADE, MPC) KUSKOP, KPWKM	2025-2030
			4.3.4 Meningkatkan sesi libat urus penglibatan wanita dalam industri bagi peningkatan produktiviti	Bilangan program	MITI (MPC)	KPWKM, KUSKOP, KKR, KPKM, MOTAC	2025-2030



Bil	Strategi	Program	Inisiatif	Indikator	Agenzi Peneraju	Pelaksana	Tahun Pencapaian
4.	Meningkatkan dan memantapkan penyertaan wanita dalam bidang keusahawanan dan perdagangan antarabangsa	4.4. Pemerksaan program pembasmian kemiskinan di kawasan pedalaman dan terpencil khususnya di Sabah dan Sarawak	4.3.5 Mengenal pasti amalan terbaik diperingkat antarabangsa untuk ditanda aras	Bilangan kajian	MITI (MPC)	KPWKM, MITI (MPC, MATRADE), KUSKOP, KLN	2026-2030
			4.4.1 Melaksanakan program outreach keusahawanan dan literasi pengurusan kewangan	Bilangan program	KKDW	KKDW (JAKOA), KUSKOP, KPWKM, BNM (AKPK), MOTAC	2026-2030
5.	Memastikan keperluan gender diambil kira dalam pengagihan sumber kerajaan secara saksama	5.1. Pengukuran pelaksanaan Bajet Responsif Gender dalam proses pemeriksaan belanjawan tahunan	5.1.1 Memperkenalkan elemen <i>gender impact assessment</i> dalam permohonan Belanjawan Mengurus (OE) dan Belanjawan Pembangunan (DE) bagi memperkuuh pelaksanaan Bajet Responsif Gender melalui penyesuaian <i>feature</i> di dalam sistem perolehan dan pemantauan program/projek	Pindaan garis panduan pemeriksaan bajet berkaitan	MOF, KE	KPWKM	2025
			5.1.2 Menambah baik wajaran (<i>weightage</i>) pengukuran kesaksamaan gender dalam laporan penilaian <i>outcome</i>	Peratus wanita mendapat manfaat	KE, MOF, JPM (ICU)	KPWKM	2025-2030
			5.1.3 Memperkenalkan mekanisme Audit Gender	Pindaan garis panduan Jawatankuasa Penilaian <i>Outcome</i>	JPM (ICU)	KPWKM	2025
		5.2. Peluasan pemakaian modul Bajet Responsif Gender di peringkat kerajaan tempatan dan negeri	5.2.1 Menggiatkan advokasi pemakaian Bajet Responsif Gender di pelbagai peringkat Kerajaan	Bilangan PBT dan Kerajaan Negeri menggunakan pakai modul Bajet Responsif Gender	KPWKM	KPKT (JKT), Kerajaan Negeri, PBT	2026



Bidang Keutamaan

Kepimpinan



Memperkuuh mekanisme kerajaan bagi memperkasakan kepimpinan wanita

- Memperkuuh mekanisme kerajaan bagi Memantapkan jentera Kerajaan untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam kepimpinan.
- Mengukuhkan kolaborasi antara sektor awam dan swasta untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti pemimpin wanita.
- Memperhebat usaha mengarusperdanakan gender melalui pengukuhan pegawai dan platform sedia ada.
- Melaksanakan lebih banyak program untuk meningkatkan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan.

Membangunkan barisan pemimpin pelapis dalam pelbagai sektor

- Memastikan kesinambungan dasar sekurang-kurangnya 30% wanita dalam peringkat pembuat keputusan.
- Mengadakan program bimbingan kepimpinan bagi melahirkan pemimpin wanita yang kompeten.
- Memperkasakan jaringan kerja pemimpin wanita dalam sektor awam dan swasta.
- Memperkenalkan program pembangunan kapasiti untuk menonjolkan kepimpinan wanita di peringkat antarabangsa.

Meningkatkan kemahiran kepimpinan wanita dalam pelbagai sektor

- Menyediakan latihan dan program berkaitan bagi meningkatkan kualiti kepimpinan wanita.
- Memantapkan nilai kepelbagaian, kesaksamaan dan inklusif (DEI) dalam sektor awam dan swasta.
- Memperkasakan kepimpinan wanita di peringkat negeri hingga ke peringkat kampung.

Mengaplikasikan strategi *behavioural insights* bagi menyokong kepimpinan politik wanita

- Menggunakan pendekatan *behavioural insights* untuk memahami stigma dan persepsi masyarakat terhadap pemimpin wanita.
- Mempergiat promosi tokoh wanita bagi meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap kepimpinan mereka.
- Memperkuuh imej kepimpinan politik wanita untuk meningkatkan keterlihatan mereka dalam arena politik.

Membangunkan polisi bagi menambah baik penglibatan wanita dalam politik

- Memperkasa dan meningkatkan perwakilan wanita di Parlimen.
- Meningkatkan kefahaman ahli parlimen dan ADUN mengenai kepentingan kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman (DEI).
- Memberikan penekanan kepada pembangunan kepimpinan politik wanita muda sebagai pelapis masa depan.
- Menubuhkan hub kepimpinan wanita bagi menyokong pembangunan bakat wanita dalam politik.



Program dan Aktiviti: Kepimpinan

Bil.	Strategi	Program	Inisiatif	Indikator	Agenzi Peneraju	Pelaksana	Tahun Pencapaian
1.	Memperkuuh mekanisme Kerajaan bagi memperkasakan kepimpinan wanita	1.1. Peningkatan kapasiti wanita dalam mengutarakan perspektif gender secara berkesan dalam penggubalan dasar, perundangan dan program	1.1.1 Menggiatkan proses pembinaan kepakaran gender dalam kalangan pegawai KPWKM sebagai pakar bidang	Peningkatan tahap kefahaman pegawai	KPWKM	KPWKM	2026-2030
				Bilangan pembentangan kertas kerja/penerbitan/advokasi yang dijalankan oleh setiap pegawai terlatih	KPWKM	KPWKM	2026-2030
			1.1.2 Memperkuuh peranan Gender Focal Point (GFP) dan Gender Focal Team (GFT)	Penambahbaikan terma rujukan	KPWKM	Semua Kementerian	2026-2030
				Peningkatan tahap kefahaman GFP	KPWKM	Semua Kementerian	2026-2030
				Bilangan inisiatif yang diperkenal oleh setiap GFP dan GFT	KPWKM	Semua Kementerian	2026-2030
			1.1.3 Membangunkan pelan komunikasi pengarusperdanaan gender merangkumi sistem akauntabiliti semua pihak dalam menjayakan penglibatan bermakna pelbagai kategori wanita dalam pelbagai sektor/isu	Pelan komunikasi	KPWKM	Semua Kementerian /agenzi, Kerajaan Negeri, universiti	2026
			1.1.4 Menubuhkan pasukan audit gender	Terma rujukan pasukan audit gender	KPWKM	KPWKM	2026-2030
			1.1.5 Memperkenalkan sistem penarafan bintang Kepelbagaian, Kesaksamaan dan Keterangkuman (DEI) kepada syarikat swasta berpandukan kepada naratif <i>UN Women's Empowerment Principles</i>	Bilangan syarikat yang mendapat markah tinggi	KPWKM	KESUMA, KUSKOP, MITI	2026-2030



Bil.	Strategi	Program	Inisiatif	Indikator	Agensi Peneraju	Pelaksana	Tahun Pencapaian
1.	Memperkuuh mekanisme Kerajaan bagi memperkasakan kepimpinan wanita	1.2. Pemerkasaan inisiatif bagi mempromosi impak kepimpinan wanita	1.2.1 Memperkuuh peranan media dalam advokasi berkaitan kepimpinan wanita	Bilangan program berkaitan dengan kepimpinan wanita	KK, KPWKM	Semua Kementerian	2026-2030
			1.2.2 Meningkatkan program advokasi terhadap kepentingan meningkatkan penyertaan wanita sebagai pembuat keputusan	Bilangan program advokasi	KK, KPWKM	Semua Kementerian	2026-2030
			1.2.3 Menggiatkan program mengarusperdanakan Dasar Wanita Negara	Bilangan peserta mendapat manfaat	KPWKM	Semua Kementerian	2026-2030
			1.2.4 Menyediakan platform perkongsian berkaitan dengan penglibatan/ sumbangan kepimpinan wanita di bawah bidang Kementerian/agensi masing-masing.	Bilangan program	KPWKM	Semua Kementerian / agensi	2027-2030
			1.2.5 Melaksanakan program pengukuhan nilai yang merangkumi elemen Kepelbagaian, Kesaksamaan dan Keterangkuman (DEI)	Bilangan program • kursus • simposium	KPWKM	Semua Kementerian /Agensi KESUMA (TalentCorp)	2027
		1.3. Pemantapan aktiviti untuk meningkatkan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan	1.3.1 Meningkatkan pelantikan wanita pada peringkat pembuat keputusan	Bilangan pegawai wanita dilantik sebagai pembuat keputusan yang boleh mempengaruhi polisi	JPM (JPA)	Semua Kementerian	2027
				Bilangan wanita yang menjalani program kepimpinan khas dalam tempoh setahun	JPA	JPM (INTAN)	2025-2030



Bil.	Strategi	Program	Inisiatif	Indikator	Agenzi Peneraju	Pelaksana	Tahun Pencapaian
2.	Membangunkan barisan pemimpin pelapis dalam pelbagai sektor	2.1. Program bimbingan kepimpinan wanita	1.3.2 Mewujudkan dan melaksanakan program pembangunan kepimpinan khas dalam kalangan pegawai wanita	Bilangan ahli majlis PBT wanita	KPKT (JKT)	Kerajaan Negeri, PBT, Jabatan Wilayah Persekutuan	2026-2030
			1.3.3 Melaksanakan program kefahaman kepentingan kepimpinan wanita dalam kalangan pemimpin lelaki setempat	Bilangan program	KPWKM, KKDW	Semua Kerajaan Negeri	2027
			2.1.1 Menggiatkan program mentor-mentee bagi wanita yang mula menceburi bidang kepimpinan	Bilangan peserta	KPWKM, MOF (SC),KPT	Semua Kementerian	2025-2030
			2.1.2 Mewujudkan sebuah hub kepimpinan wanita yang menyediakan latihan kepimpinan dan pelapis pemimpin dalam pelbagai bidang termasuk dalam bidang politik	Pangkalan data bakal tokoh pemimpin wanita	KPWKM	Semua Kementerian/ agensi, Kerajaan Negeri universiti, sektor swasta, CSO, NGO, parti politik	2025-2030
		2.2. Jaringan kerja pemimpin wanita	2.2.1 Mewujudkan platform rangkaian pemimpin wanita	Bilangan platform	KPWKM	Semua kementerian	2026-2030
		2.3. Pembangunan kapasiti wanita pada peringkat antarabangsa	2.3.1 Menyediakan platform untuk melatih kepimpinan wanita terpilih	Bilangan platform	KPWKM	KLN (IDFR)	2025-2030
			2.3.2 Membina jaringan kerjasama dengan badan antarabangsa	Bilangan jaringan	KPWKM	KLN (IDFR)	2025-2030
		3.1. Pengukuhan kualiti kepimpinan pemimpin wanita	3.1.1 Melaksanakan latihan kepimpinan dalam kalangan pemimpin wanita termasuk keahlian sebagai ahli lembaga pengarah	Bilangan kursus Bilangan peserta	KPWKM	Semua kementerian /agensi, MOF (SC)	2026
			3.1.2 Melatih pemimpin wanita di peringkat komuniti termasuk untuk luar bandar dan orang Asli (JKKK, JKKOA, NGO)	Bilangan peserta	KPWKM	KKDW, KPN, KPKT, Kerajaan Negeri	2026
			3.1.3 Mengenal pasti dan melatih pemimpin wanita pada peringkat pengajian tinggi	Bilangan peserta	KPT		2026-2030



Bil.	Strategi	Program	Inisiatif	Indikator	Agenzi Peneraju	Pelaksana	Tahun Pencapaian
4.	Mengaplikasikan strategi <i>behavioural insights</i> bagi menyokong kepimpinan politik wanita	4.1. Pemerkasaan imej kepimpinan politik wanita	4.1.1 Menggiatkan promosi tokoh dan keberkesanan pemimpin wanita sebagai ahli politik	Bilangan promosi	KPWKM, KK	NGO, CSO, Parti politik	2026
			4.1.2 Advokasi kepentingan perwakilan wanita dalam politik dalam kalangan pengundi dan calon	Bilangan program	KPWKM	KPWKM, KPT	2025-2030
5.	Membangunkan polisi bagi menambah baik penglibatan wanita dalam politik	5.1. Peningkatan perwakilan wanita di Parlimen	5.1.1 Mempergiat usaha ke arah memperkasa dan meningkatkan perwakilan wanita di dalam Parlimen	Bilangan ahli parlimen	KPWKM	KPWKM	2026-2030
			5.1.2 Mengkaji kebolehlaksanaan kuota wajib 30 peratus wanita sebagai: a) perwakilan pada peringkat kepimpinan tertinggi bagi parti politik berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 832]; dan b) calon pilihan raya	Kajian	KPWKM	KDN,JPM (SPR)	2026-2030
		5.2. Pemerkasaan elemen Kepelbagai, Kesaksamaan dan Keterangku-man (DEI) dalam kalangan ahli parlimen dan ahli DUN	5.2.1 Melaksanakan advokasi berkaitan dengan elemen DEI	Bilangan program	KPWKM		2027
		5.3. Pembangunan kepimpinan politik wanita muda	5.3.1 Memperkenalkan program pemerkasaan kepimpinan politik untuk wanita	Bilangan wanita yang bertanding dalam PRU16	KPWKM	KPWKM, Kerajaan Negeri	2026-2030



Bidang Keutamaan

Keselamatan



Menambah baik pelaksanaan dasar berkaitan dengan keganasan terhadap wanita

- Memperkenalkan subindeks keselamatan wanita dalam Indeks Keselamatan dan Ketenteraman Awam.
- Meneliti dan menyemak akta berkaitan keselamatan wanita berdasarkan keperluan semasa.
- Memperluas perlindungan sosial kepada mangsa keganasan rumah tangga.
- Memperkuuh penyampaian perkhidmatan termasuk pegawai, *community of practice* dan bantuan sokongan.
- Meningkatkan advokasi untuk penghapusan keganasan terhadap wanita.

Mempertingkat tahap keselamatan dan ketenteraman awam bagi tujuan keselamatan wanita

- Memperkasa peranan Suruhanjaya Komunikasi dan kerajaan dalam menangani isu keselamatan wanita
- Membangunkan sistem maklumat bersepadu untuk pemantauan pesalah laku seksual dan keganasan terhadap wanita.
- Memperluas advokasi mengenai perkhidmatan pihak berkuasa tempatan dan Polis DiRaja Malaysia kepada masyarakat.

Memupuk budaya selamat dan hormat terhadap wanita dalam masyarakat

- Menerapkan nilai menghormati wanita dalam semua lapisan masyarakat.
- Memperkuuh usaha memupuk budaya selamat dan hormat terhadap wanita di semua peringkat umur dan institusi, termasuk Parlimen.
- Memastikan keselamatan wanita terus terpelihara melalui kesedaran dan pendidikan masyarakat.

Meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pertahanan, keselamatan dan ketenteraman awam

- Menggalakkan penglibatan wanita dalam sektor pertahanan, keselamatan dan ketenteraman awam.
- Melaksanakan strategi berterusan untuk meningkatkan perwakilan wanita dalam ketiga-tiga sektor tersebut.

Memantau pelaksanaan inisiatif strategik yang digariskan di bawah Resolusi Keamanan dan Ketenteraman untuk Wanita (WPS)

- Membangunkan pelan tindakan nasional khusus berkaitan keselamatan dan keamanan wanita.
- Memastikan usaha ini selari dengan Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu UNSCR 1325 mengenai Keamanan dan Ketenteraman Wanita.



Program dan Aktiviti: Keselamatan

Bil.	Strategi	Program	Inisiatif	Indikator	Agensi Peneraju	Pelaksana	Tahun Pencapaian
1.	Menambah baik pelaksanaan dasar berkaitan dengan keganasan terhadap wanita	1.1. Pembangunan Indeks Keselamatan dan Ketenteraman Awam – subindeks wanita	1.1.1 Mengadakan kolaborasi strategik bersama-sama dengan IPSOM untuk menambah subindeks baharu di bawah Indeks Keselamatan dan Ketenteraman Awam berkaitan wanita	Subindeks wanita	KPWKM, KDN	KDN (IPSOM)	2027
		1.2. Pemantapan kompetensi pegawai yang mengendalikan kes keganasan terhadap wanita	1.2.1 Meningkatkan latihan kepada pegawai yang mengendalikan kes keganasan terhadap wanita	Bilangan latihan	KPWKM	KDN (PDRM), KKM, KESUMA (DOSH)	2025-2030
			1.2.2 Menambah bilangan pegawai wanita yang bersesuaian mengendalikan kes keganasan terhadap wanita	Bilangan pegawai wanita baharu	KDN (PDRM)		2027-2030
		1.3. Advokasi penghapusan keganasan terhadap wanita (EVAW)	1.3.1 Menilai tahap kesedaran peserta modul keganasan rumah tangga dan kewajipan tanggungan nafkah dalam kurikulum kursus praperkahwinan	Tahap kesedaran peserta	KPWKM	JPM (JAKIM, JPNIN) Majlis Agama negeri	2026
			1.3.2 Memperkenalkan kursus praperkahwinan kepada pasangan bukan Islam	Bilangan program Bilangan peserta	KDN	KPWKM (LPPKN), KDN (Tribunal Perkahwinan, JPN) NGO, CSO	2025-2030
			1.3.3 Memperluas dan mempertingkat advokasi EVAW berkaitan keganasan rumah tangga	Bilangan program Bilangan peserta	KPWKM	KPWKM (JPW), NGO, CSO	2025-2030



Bil.	Strategi	Program	Inisiatif	Indikator	Agenzi Peneraju	Pelaksana	Tahun Pencapaian
1.	Menambah baik pelaksanaan dasar berkaitan dengan keganasan terhadap wanita	1.4. Pemantapan peranan sukarelawan komuniti bagi menangani keganasan terhadap wanita	1.4.1 Meningkatkan penyertaan komuniti dalam program kesukarelawanan yang menumpukan kepada aspek keselamatan wanita seperti Skuad Waja, AMANITA dan lain-lain	Bilangan peserta Bilangan program	KPWKM	Semua kementerian/agensi	2025 - 2030
		1.5. Hebahan berhubung dengan perlindungan mangsa keganasan rumah tangga di bawah Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR)	1.5.1 Meningkatkan bilangan program hebahan dan promosi manfaat SKSSR	Penyediaan Perlindungan baharu Bilangan pencarum	KESUMA	KESUMA (PERKESO)	2025 - 2030
		1.6. Hebahan berhubung dengan manfaat Skim Bencana Kerja untuk wanita yang menjadi mangsa keganasan di tempat kerja	1.6.1 Meningkatkan bilangan program hebahan dan promosi manfaat Skim Bencana Kerja di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4)	Bilangan program Bilangan pencarum	KESUMA	KPWKM, KESUMA (PERKESO)	2026
		1.7. Bantuan sokongan kepada mangsa keganasan rumah tangga	1.7.1 Memperkuuh khidmat kaunseling kepada mangsa dan keluarga menerusi pemerkasaan peranan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) sedia ada	Bilangan khidmat kaunseling	KPWKM	KPWKM (YKN, JPW, JKM)	2026



Bil.	Strategi	Program	Inisiatif	Indikator	Agenzi Peneraju	Pelaksana	Tahun Pencapaian
			1.7.2 Memudah cara dan menyelaraskan keperluan bantuan terhadap wanita mangsa keganasan rumah tangga bagi sokongan sosial sebagai contoh perlindungan sementara dan bantuan psikososial	Bilangan wanita disantuni	KPWKM	KPWKM (JPW, JKM)	2025-2030
		1.8. Penambahbaikan pelaksanaan prosedur Perintah Perlindungan Kecemasan atau Emergency Protection Order (EPO).	1.8.1 Menambah takrifan keganasan rumah tangga di bawah Seksyen 2 Akta Keganasan Rumah Tangga dengan memasukkan definisi “ugutan berbentuk keganasan” ke dalam EPO	Penambahbaikan EPO	KPWKM	KPWKM (JKM)	2025-2027
		1.9. Penambahbaikan Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840)	1.9.1 Menyemak dan meminda Akta 840 sedia ada	Pindaan Akta 840	KPWKM	KPWKM (JPW, TAGS), KDN, JPM (MKN)	2026-2030
			1.9.2 Memperkasakan pemantauan terhadap keputusan tribunal antigangguan seksual	Laporan Pelaksanaan Keputusan Tribunal	KPWKM	KPWKM (JPW, AGS)	2025-2030
2.	Mempertingkat tahap keselamatan dan ketenteraman awam bagi tujuan keselamatan wanita	2.1. Advokasi inisiatif PBT berkaitan dengan kesejahteraan wanita	2.1.1 Menggiatkan advokasi dan perkongsian maklumat berkaitan dengan inisiatif yang diperkenalkan oleh PBT bagi meningkatkan tahap keselamatan wanita	Bilangan advokasi	KPWT	KPKT, Kerajaan Negeri, PBT	2025-2030
		2.2. Sistem maklumat bersepadu bagi pengesanan pesalah laku seksual/ keganasan terhadap wanita	2.2.1 Membangunkan Sistem Maklumat Keganasan Rumah Tangga (KRT) bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada mangsa KRT	Penambahbaikan sistem	KDN	KDN (PDRM), KPWKM (JKM), KKM, JPM (JKSM)	2027



Bil.	Strategi	Program	Inisiatif	Indikator	Agensi Peneraju	Pelaksana	Tahun Pencapaian
2.	Mempertingkat tahap keselamatan dan ketenteraman awam bagi tujuan keselamatan wanita		2.2.1 Membangunkan sistem pengesanan pesalah laku seksual/ keganasan terhadap wanita setempat (seperti Mysejahtera)	Pembangunan sistem	KDN	KDN (PDRM)	2027
		2.3. Program advokasi berkaitan dengan Sistem Pengurusan Aduan Kes secara bersepadu berkaitan keganasan terhadap wanita di bawah PDRM	2.3.1 Memperkuuh sistem pengurusan aduan kes berkaitan keganasan terhadap wanita	Bilangan hebahan berhubung dengan perkhidmatan	KDN	KDN (PDRM), KPWKM, CSO, NGO	2027-2030
			2.3.2 Memperluas kerjasama strategik dengan pelbagai pihakdi tempat awam. Contoh, stiker tandas, iklan grab	Bilangan advokasi	KPWKM		2025-2030
		2.4. Pemerkaaan peranan NGO sebagai rakan strategik KPWKM	2.4.1 Memperkenalkan garis panduan NGO sebagai rakan strategik KPWKM bagi membantu mangsa kes keganasan	Garis panduan	KPWKM	KPWKM (JPW), JPM (JAKIM), KKDW, Kerajaan Negeri	2027-2028
		2.5. Pemerkaaan tindakan punitif terhadap pemangsa yang menggunakan platform siber untuk mengganggu mangsa seperti menyebarkan gambar tidak senonoh	2.5.1 Memperkenalkan polisi dan garis panduan berkaitan tindakan punitif untuk kes buli siber dan gangguan seksual dalam talian	Polisi dangaris panduan	KDNKK	KPWKM, KDN (PDRM), KK (MCMC)	2027
3.	Memupuk budaya selamat dan hormat terhadap wanita dalam masyarakat	3.1. Penerapan nilai menghormati wanita	3.1.1 Menambah baik silibus pendidikan pada peringkat prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah	Penambah-baikan silibus	KPM	KPT, KKDW, KBS, KKM, KPN	2026-2030



Bil.	Strategi	Program	Inisiatif	Indikator	Agensi Peneraju	Pelaksana	Tahun Pencapaian
3.	Memupuk budaya selamat dan hormat terhadap wanita dalam masyarakat	3.1. Penerapan nilai menghormati wanita	3.1.2 Memperkenalkan program budaya selamat dan hormat kepada wanita sebagai modul wajib, taklimat induksi kepada kakitangan dan pelajar di institusi pengajian tinggi dan institusi latihan	Bilangan program	KPT, KPWKM	KPWKM (JPW), KPT	2026-2030
			3.1.3 Menggiatkan intensiti program AAGS dan hormat kepada pekerja di tempat kerja	Bilangan program	KPWKM	KESUMA (JTKSM), KPWKM (JPW)	2026-2030
			3.1.4 Mengadakan program advokasi dan kempen kesedaran terhadap pencegahan keganasan terhadap wanita	Bilangan program	KPWKM	KPWKM (JPW)	2025-2030
			3.1.5 Mengadakan program advokasi dan kempen kesedaran terhadap pencegahan keganasan terhadap wanita khusus untuk kaum lelaki	Bilangan program	KPWKM	KPWKM (JPW)	2025-2030
			3.1.6 Meminda dan memperkasakan pemakaian Peraturan-peraturan Mesyuarat, khususnya Peraturan-peraturan Mesyuarat 36(4) untuk menangani pernyataan bersifat diskriminasi terhadap ahli parliment wanita	Pindaan peraturan termasuk definisi diskriminasi	JPM (Parlimen Malaysia)	JPM (Parlimen Malaysia)	2026
4.	Meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pertahanan, keselamatan dan ketenteraman awam	4.1. Penglibatan wanita dalam sektor pertahanan, keselamatan dan ketenteraman awam	4.1.1 Menyediakan Program Padanan Kerja kepada pelajar lepasan sekolah/ IPT yang terlibat dalam Kokurikulum Kor Kadet menerusi inisiatif Padanan Kelayakan Kokurikulum untuk Badan beruniform	Bilangan Program Bilangan Peserta	KPT	JPM (APM), KDN (RELA, PDRM), KEMENTAH (ATM), KPCT (JBPM)	2026-2030



Bil.	Strategi	Program	Inisiatif	Indikator	Agenси Peneraju	Pelaksana	Tahun Pencapaian
			4.1.2 Mempertingkat promosi bagi menarik minat wanita untuk menyertai perkhidmatan dalam bidang keselamatan dan pertahanan	Bilangan promosi	KEMENTAH	KPKT (JPPM), JPM (APM, MKN), KDN (PDRM, MCBA, JIM, APMM, PENJARA)	2026-2030
